

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid IV

Bil. 42

Hari Selasa

20 Oktober 1998

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-Akta (Ruangan)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Ruangan)
- Cuti Kepada Ahli -Kebenaran (Ruangan)

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Francais 1998 (Ruangan)

USUL:

- Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1998 (Ruangan)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 20 Oktober 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 Pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persektuan) 1998;
2. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;
3. Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998;
5. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998;
6. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1998;
7. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998;
8. Akta Industri Pelancongan (Pindaan) 1998;
9. Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998;

10. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan) 1998;
11. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998;
12. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998;
13. Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998;
14. Akta Syarikat (Pindaan)(No. 2) 1998; dan
15. Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangan Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan-perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“13 Ogos 1998

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998;
2. Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998;
3. Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998;
4. Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998;
5. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998;
6. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998;

7. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998;
8. Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998;
9. Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 1998; dan
10. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

“1 Oktober 1998

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat)(Pindaan) 1998;
2. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998;
3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998;
4. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998;
dan
5. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No. 2) 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi bagi kawasan Bagan Datok dari 20 Oktober hingga 1 November 1998.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 9 dan 24. Peraturan Mesyuarat 9 adalah mengenai Kewajipan-kewajipan Setiausaha. Saya baca bahagian (1), (3) dan (4).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, nanti sekejap Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 9?

Tuan R. Karpal Singh: Peraturan Mesyuarat 9 bahagian (1), (3) dan (4).

“(1) Sekurang-kurangnya 28 hari sebelum dimulakan mesyuarat tiap-tiap penggal, Setiausaha hendaklah menulis kepada ahli-ahli memberitahu tarikh-tarikh mesyuarat Majlis bagi penggal itu.

(3) Setiausaha hendaklah menyimpan peringatan-peringatan perjalanan mesyuarat majlis dan peringatan perjalanan mesyuarat jawatankuasa sebuah-buah Majlis; dan hendaklah menghantar satu salinan peringatan-peringatan itu kepada ahli-ahli mesyuarat.....

(4) Dalam Undi-undi dalam Perjalanan Mesyuarat ini hendaklah dituliskan nama ahli-ahli yang hadir dan semua ketetapan Majlis dan

Peraturan Mesyuarat 24.

“(1) Jika sesuatu pertanyaan itu berkehendakkan jawab mulut dan Tuan Yang di-Pertua tidak memerintah supaya dikeluarkan jawab bertulis, maka Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai kepada pertanyaan itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat, hendaklah memanggil ahli yang tertulis namanya pada pertanyaan itu

Ini adalah mengenai soalan 21 yang ada dijadualkan untuk hari ini iaitu soalan lisan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya difahamkan tidak ada apa-apa permohonan yang dibuat kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mendapat cuti dan mengikut kehendak Peraturan Mesyuarat 9 dan 24 yang saya baca tadi, ini bermakna ahli ini ada hak untuk menghadiri persidangan ini kerana Setiausaha ada menghantar dokumen-dokumen bagi mesyuarat ini kepada Ahli Yang Berhormat itu di Penjara Kajang dan oleh itu menjadi kewajipan Tuan Yang di-Pertua sebagai “Man of the House”, tidak di sebelah sini atau di sebelah sana untuk menentukan khasnya kehendak Perkara 48(4)(c) hendaklah dipatuhi kerana kelayakan bagi Ahli Yang Berhormat ini masih ada - kerusinya masih ada di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada masa lampau saya telah buat satu permohonan kepada Pengarah Penjara di bawah Seksyen 31, Akta Penjara 1996 tetapi beliau enggan untuk memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat ini untuk menghadiri persidangan itu. Apa yang penting bagi Dewan yang mulia ini untuk meluluskan satu motion untuk menentukan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh menghadiri bukan persidangan hari ini sahaja tetapi sehingga petisyen pengampunan yang masih dalam pertimbangan oleh Yang di-Pertuan Agong dan juga Yang di-Pertua Negeri Melaka sehingga perkara ini diselesaikan, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat ini mempunyai hak

dan hak itu haruslah diperlindungi oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sebagaimana ucapan Yang Berhormat dari Jelutong tadi nampaknya dalam perkara ini dikehendaki satu motion atau usul yang diluluskan oleh Dewan ini untuk hendak mengambil keluar sesiapa yang ada di dalam tahanan untuk menghadiri mesyuarat. Yang demikian, kalau sekiranya mana-mana pihak hendak mengeluarkan usul ini saya akan masukkan ke dalam aturan mesyuarat sebagaimana biasa dan sekiranya Dewan meluluskannya maka kuasa itu akan diberikan kepada siapa-siapa sahaja yang usul itu akan diberikan.

Pada masa sekarang kita tidak mempunyai ketetapan mengenai usul itu maka sebagaimana yang saya katakan dahulu pada mesyuarat yang lepas, iaitu kuasa yang ada kepada Ketua Pengarah Penjara itu adalah nampaknya muktamad. Jadi yang demikian, kita tidak bolehlah mengatasi kuasa yang telah diberikan kepadanya mengikut undang-undang.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**JUMLAH RINGGIT MALAYSIA –
HASIL PENGAWALAN PERTUKARAN MATA WANG**

1. **Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) jumlah Ringgit Malaysia yang telah berjaya dibawa masuk dari negara-negara luar hasil dari pengawalan pertukaran mata wang yang dibuat baru-baru ini dan dari negara mana; dan

- (b) apakah rintangan-rintangan yang dihadapi oleh kerajaan dari dalam dan luar negara untuk melaksanakan peraturan baru ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Batang Lupar iaitu soalan nombor 14.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada 1 September yang lalu kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah selektif untuk mengawal kemasukan modal manakala ianya antara lain ialah untuk menstabilkan nilai Ringgit dan kestabilan nilai Ringgit itu akan dapat kita hasilkan antara lain, dengan mengawal kemasukan dan pengeluaran modal jangka pendek dan juga melalui pengawalan ke atas pinjaman kepada para spekulator wang dalam akaun luar negeri yang ada dalam negara kita. Sesuai dengan langkah tersebut maka kerajaan telah mengenakan kawalan bermula 1 haribulan dan ini telah menunjukkan kesan, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan memberi beberapa angka untuk menunjukkan bahawa langkah kawalan modal secara selektif ini telah membawa beberapa hasil baik kepada negara.

Yang pertamanya, kita dapati bahawa deposit dalam akaun luar negeri ataupun dengan izin, external account telah meningkat daripada RM9.1 ribu juta pada akhir Ogos kepada RM12.6 bilion pada 22 September yang lalu. Saya memberikan angka-angka September ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan I akan mengumumkan angka terakhir dalam ucapan Belanjawan beliau. Jadi angka yang saya beri hari ini adalah RM12.6 ribu juta sehingga 22 September iaitu tiga minggu setelah kawalan dikenakan.

Satu lagi angka yang menunjukkan bahawa langkah ini berkesan ialah rakyat Malaysia telah menyimpan kembali wang kertas ke dalam sistem

perbankan. Dahulu semasa ekonomi khususnya sistem kewangan gawat, kita dapati ramai rakyat Malaysia yang mengeluarkan wang sistem bank. Sejak kawalan ini dikenakan kita dapati bahawa ramai yang telah menyimpan kembali wang kertas bernilai RM1.5 ribu juta. Ini adalah satu lagi petanda yang menunjukkan langkah-langkah yang telah diambil ini berkesan.

Seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa kebanyakan daripada dengan izin, offshore Ringgit ini adalah di Singapura lebih 90% daripada wang ini dan seperti yang saya katakan tadi RM12.6 ribu juta telah pun kembali setakat 22 September. Secara umumnya langkah-langkah ini tidak menimbulkan sebarang masalah dan kerajaan tidak menghadapi sebarang rintangan dalam melaksanakan langkah ini. Kita telah mendapat kerjasama daripada semua pihak dan jika dilihat beberapa buah negara lain mereka menghadapi banyak masalah dalam melaksanakan kawalan modal secara selektif ini. Dalam kes Malaysia, kita tidak menghadapi banyak masalah dan ia juga tidak mengganggu perdagangan dan pelaburan. Kita kata kawalan ini cuma melibatkan dengan izin, short term capital flows, dengan itu pelaburan digalakkan dan tidak ada masalah untuk me'remit' keluar dividen dan keuntungan. Begitu juga perdagangan tidak ada masalah kalau kita hendak membeli barang luar negara oleh kerana kedudukanimbangan dagangan begitu baik, maka kerajaan tidak ada masalah untuk melaksanakan kawalan tersebut. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan selagi architecture perdagangan tukaran asing mata wang di dunia tidak berubah maka dengan itu kawalan akan dikenakan selama-lamanya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat bilakah kita akan dikenakan kawalan seumpama ini dan saya nampak RM12.6 bilion bukannya satu jumlah yang sangat besar kalau dibandingkan dengan wang yang masih ada di

Singapura, Thailand dan Hong Kong dan mengapa masih ada orang yang tidak membawa balik wang itu?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya RM12.6 menunjukkan angka setakat 22 September, sekarang 20 Oktober. Jadi itu yang pertamanya.

Yang keduanya, saya ingin maklumkan bahawa RM12.6 ribu juta merupakan angka yang masuk dalam sistem bank dengan izin, banking system. Ada lagi wang yang mungkin dalam pasaran saham, dalam CLOB dan lain-lain yang tidak diambil kira. Kalau mengikut anggaran kita offshore Ringgit ini jumlahnya RM32 bilion, ada banyak anggaran RM25 ribu juta ada, RM32 ribu juta ada. Jadi RM12.6 ribu juta ini cuma merujuk kepada wang yang mengalir dalam sistem bank (banking system) yang tidak termasuk dalam pasaran saham CLOB dan lain-lain, itu yang pertama.

Keduanya, pendirian kita adalah jelas iaitu selagi architecture sistem kewangan antarabangsa tidak diubah, tidak ada transparency, tidak ada kawalan maka selama itulah kita akan dikenakan kawalan. Itu pendirian kita yang kita tegaskan rata-rata di seluruh dunia, mengapa kita kata begitu? Sebabnya ialah kerana kita berpandangan bahawa masalah utama yang kita hadapi hari ini adalah kerana aktiviti para spekulator yang tidak bertanggung jawab termasuklah hedge fund ataupun tabung lindung nilai ini yang masih lagi bermaharajalela walaupun banyak masalah dihadapi. Itu adalah pendirian kita. Jadi selagi hedge fund dan currencies speculators, dengan izin, tidak dikawal dari segi transparencynya, kita hendak tahu siapa dia, dari mana dia dapat wang

dan bagaimana mereka berniaga, itu semua kita hendak tahu sebelum kita dapat mengkaji kemungkinan kita menarik balik kawalan.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, belum ada tanda-tanda yang jelas yang boleh meyakinkan kita bahawa langkah-langkah untuk mereformasi architecture sistem kewangan antarabangsa ini akan dilaksanakan. Oleh kerana belum ada tanda-tanda yang jelas, belum ada keyakinan dan kita tidak ada komitmen di masyarakat antarabangsa maka kita belum dapat menyatakan bila langkah-langkah ini akan ditarik balik.

Dr. Ramli bin Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri mengenai penggunaan kad kredit. Adakah benar ada laporan mengatakan kad kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan sudah tidak diterima di setengah-setengah negara luar. Yang keduanya, adakah had (limit) RM10,000 nilai Ringgit Malaysia ini juga akan dihadkan kepada penggunaan kad-kad kredit di luar negara?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rakyat Malaysia ataupun siapa jua yang melawat Malaysia cuma dibenarkan mengeluarkan RM1,000 cash ataupun wang tunai daripada negara dan RM10,000 dalam traveler's cheque dan foreign currency termasuk RM10,000 merupakan had yang dikenakan setakat ini untuk pelancong dan mereka yang keluar negara. Kerajaan masih lagi belum menetapkan had yang melibatkan kad kredit. Maknanya setakat ini kalau perbelanjaannya lebih daripada RM10,000, umpamanya bagi satu transaction kena RM10,000. Tetapi kalau ada tiga, empat, lima, enam kad kredit dari segi teorinya seorang itu boleh membawa keluar ataupun membuat bayaran lebih RM10,000. Kerajaan sedang merangka dan

mengkaji perkara ini dengan detail kerana ada masalah-masalah teknikal yang terlibat. Oleh itu, berkaitan kad kredit belum ada lagi peraturan tertentu yang dikenakan. Peraturan sekarang cuma melibatkan wang tunai, melibatkan foreign currency dan juga traveler's cheque dan lain-lain. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kita ada menerima juga laporan bahawa beberapa perniagaan di luar negara tidak menerima kad kredit Malaysia. Ini antara lainnya kerana kekeliruan (confusion) di peringkat awal. Sekarang ini kita tidak banyak dengar laporan dan Bank Negara akan cuba menyelesaikan masalah ini dengan pihak-pihak yang berkenaan. Pada peringkat awal ada laporan masalah ini, sekarang ini berkurangan, tetapi Bank Negara sedang menangani isu ini.

STRATEGI PEMULIHAN EKONOMI NEGARA – KESAN POSITIF

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Perdana Menteri menyatakan kesan-kesan positif strategi-strategi pemulihan ekonomi negara yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara sejak ia ditubuhkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah serentak dengan soalan-soalan mengenai perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sri Aman pada hari ini juga, Telok Kemang pada 22 Oktober 1998, Kota Melaka – 27 Oktober 1998, Jelutong – 11 November 1998 dan Ipoh Timur – 8 Disember 1998.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memulihkan kegawatan ekonomi yang melanda negara telah pun menunjukkan kesan-kesan positif. Di antara langkah baru yang telah diambil oleh kerajaan termasuk penetapan nilai Ringgit Malaysia kepada RM3.80 bagi US\$1. Peraturan kawalan pertukaran mata wang dan mengemaskinikan

peraturan urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur. Di sini haruslah saya jelaskan bahawa kawalan pertukaran mata wang adalah secara selective dan bertujuan untuk menyelamatkan Ringgit daripada serangan pedagang mata wang asing.

Aktiviti urus niaga saham Malaysia di pasaran CLOB Singapura yang telah menjejaskan harga saham Malaysia telah pun diberhentikan pada 15 September 1998. Di samping itu, pindaan peraturan undang-undang telah dibuat bagi menjamin ketelusan dan penzahiran dalam urus niaga saham di BSKL, Indeks Komposit Kuala Lumpur telah meningkat dari paras 262.70 mata pada 1 September 1998 kepada 393.25 mata pada 15 Oktober 1998.

Langkah-langkah lain untuk memulihkan ekonomi adalah melalui peningkatan kembali kemudahan pembiayaan kredit oleh sistem perbankan. Bank Negara telah mengarahkan institusi-institusi perbankan supaya menyalur lebih banyak pinjaman baru untuk membiayai kegiatan ekonomi yang kadar minimum pertumbuhan pemberian pinjaman sekurang-kurangnya 8.0% menjelang akhir tahun 1998. Kadar faedah pinjaman juga telah berkurangan dari BLR 94% pada BLR 2.5% dan telah mengurangkan kos perniagaan.

Langkah-langkah yang diambil bukan sahaja memberi kelegaan kepada para peniaga dan usahawan, tetapi kepada orang ramai yang mana mereka tidak lagi tertekan daripada keperluan membayar ansuran bulanan pinjaman rumah ataupun kenderaan kesan dari penurunan kadar faedah pinjaman.

Kerajaan sudah meneliti kesan daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan. Ekonomi negara dijangka kembali mengalami pertumbuhan positif pada awal tahun hadapan. Adalah diperhatikan bahawa tahap keyakinan telah mula meningkat disebabkan tindakan kerajaan yang serius untuk mengatasi kegawatan. Aktiviti urus niaga BSKL telah pun menunjukkan reaksi yang positif seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam Indeks Komposit.

Indeks Komposit telah melonjak daripada paras terendah 262.70 mata pada 1 September 1998 sehingga mencapai 294.59 mata sehari selepas pengumuman dibuat dan terus meningkat pada hari-hari seterusnya dengan mencapai mata tertinggi kepada 445.06 mata pada 7 September 1998.

Kedudukan Indeks Komposit sekarang adalah berada di paras antara 180 hingga 390 mata. Hari ini tinggi lagi sedikit. Kos pinjaman menjadi lebih rendah berikutan pengurangan margin ke atas kadar pinjaman asas kepada 2.5% berbanding dengan 4.0% sebelumnya. Ini tentunya mengurangkan beban kepada peminjam di samping mengurangkan berlakunya pinjaman tidak dibayar dan seterusnya kebangkrapan. Tempoh pengelasan NPL telah diklasifikasikan semula dari tiga bulan kepada enam bulan. Seterusnya sektor pembinaan dijangka akan berkembang semula berikutan arahan Bank Negara Malaysia supaya institusi kewangan perlu memberi kemudahan pinjaman kepada sektor-sektor tertentu, terutama untuk pembinaan rumah kediaman yang berharga RM250,000 ke bawah yang mana permintaan untuk perumahan jenis ini adalah tinggi. Perkembangan sektor ini seharusnya juga dijangka memberi kesan yang positif kepada pelbagai sektor dan subsektor lain dalam ekonomi yang berkaitan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mesyuarat dengan Precouncil Ahli-ahli Barisan Nasional kata bahawa untuk tahun depan agaknya adalah pertumbuhan positif 1% GDB. Tetapi sebelum peraturan kawalan modal dikenakan pada 1 September 1998 ada menteri-menteri Kabinet sudah membuat ramalan bahawa untuk tahun depan akan mencapai pertumbuhan positif 1%. Adakah ini bererti bahawa peraturan-peraturan kawalan modal tidak dapat kesan yang diinginkan, oleh kerana kalau begitu patutlah lebih tinggi. Dari segi kesan-kesan tindakan diambil, bolehkah kita tahu sebagai contohnya, apakah

hasil dicapai oleh Solomon Smith & Barney dalam usaha untuk menerbitkan bon-bon dan wang-wang di pasaran antarabangsa?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan yang dinyatakan memang betul kita jangka pada tahun hadapan, pertumbuhan positif 1% bermakna sekarang ialah pertumbuhan negatif 4.8%, maknanya kalau kita dapat pencapaian positif 1% bermakna kita ada pertumbuhan 5.8%.

Soalan yang kedua berkenaan dengan Salomon Smith Barney itu, sehingga ini kita belum mendapat apa-apa kajian daripada mereka, tetapi kalau kita melihat dari satu segi, iaitu permohonan untuk menubuhkan projek-projek pembuatan, maka kalau kita bandingkan pada bulan Ogos dengan bulan September di mana kawalan dibuat, maka ada pertumbuhan. Kalau dalam bulan Ogos foreign investment (pelaburan luar) ada RM235 juta, pada bulan September sehingga kini kita ada RM580.265 juta, ini menunjukkan ada pertambahan daripada luar sejak sekatan-sekatan ini dibuat.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah masalah terkini yang dikesan dalam usaha untuk mencapai matlamat pelaksanaan semua cadangan polisi yang terkandung dalam pelan pemulihan ekonomi negara. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menghuraikan. Terima kasih.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, kita baru melaksanakannya dalam masa sebulan lebih sahaja. Jadi, dalam pelaksanaan ini sering kita mengkaji dan membuat perubahan, seperti juga pengawalan mata wang keluar, ada perubahan. Jadi, untuk memberi satu jawapan yang komprehensif agaknya terlalu awal.

KETEGANGAN HUBUNGAN MALAYSIA/SINGAPURA - PENYELESAIAN

3. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia untuk menyelesaikan masalah ketegangan hubungannya dengan Singapura.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan Jawab Lisan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] pada 11 November 1998, Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim [Seputeh] pada 11 November 1998, Yang Berhormat dari Jelebu pada 12 November 1998 dan Yang Berhormat dari Seremban pada 25 November 1998. Ini kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan dua hala antara Malaysia dengan mana-mana negara adalah tertakluk kepada perubahan keadaan dari masa ke semasa. Keadaan sedemikian jugalah yang berlaku antara Malaysia dan Singapura yang pada masa ini tidak begitu memuaskan dan boleh dikatakan berada di tahap yang rendah. Keadaan ini dalam hubungan kedua-dua negara bukanlah satu perkara baru dan ianya telah berlaku beberapa kali sebelum ini.

Memandangkan kepada hakikat bahawa tahap hubungan Singapura/Malaysia seringkali berubah, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengkaji semula hubungan dengan Singapura.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan cuba menyelesaikan isu-isu dua hala yang tertangguh dengan Singapura. Isu-isu tersebut juga adalah rumit dan mungkin memerlukan masa yang lama serta perhatian yang khusus untuk mencari jalan penyelesaian. Dalam usaha untuk mencari jalan penyelesaian, beberapa faktor seperti faktor kejiranan dan sejarah perlu kita ambil kira. Selain daripada itu sikap bertolak ansur juga perlu agar masalah-masalah yang dihadapi ini tidak berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan di sini juga bahawa isu-isu dua hala ini wajar dilihat secara menyeluruh dan bukan dari sudut-sudut tertentu sahaja kerana hubungan dua hala dan kerjasama Malaysia/Singapura telah sekian lama dapat membawa manfaat kepada kedua-dua negara dan rakyatnya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah diberitahu keputusan-keputusan yang telah diambil dan tindakan yang dilakukan berhubung dengan perkara-perkara khusus yang dikatakan menjadi masalah seperti Pulau Batu Putih, ruang udara, masalah Imigresen dan beberapa perkara yang lain.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjawabkan di sini bahawa dalam isu-isu khas seperti Pulau Batu Putih itu kita pun boleh menyatakan rasa bangga kerana kita dapat menyelesaikan perbincangan dengan membuat suatu perjanjian khas yang sama-sama kedua-dua negara pun telah bersetuju untuk mengemukakan kepada International Court of Justice untuk dipertimbangkan dan perkara ini cuma memerlukan proses teknikal sahaja untuk mendapat kepastian dari kedua-dua pihak kerajaan.

Perkara-perkara lain seperti ruang udara ini kita telah pun menyesuaikan keperluan penggunaan ruang udara itu yang perlu dalam keadaan seperti 'search and rescue' itu, kita pun telah memberi penerangan dengan jelas kepada Kerajaan Singapura dan tentera Singapura mengenai isu-isu seperti itu yang telah ditimbulkan tidak lama dahulu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri Singapura, Goh Chock Thong mengeluarkan kenyataan, beliau mengatakan hubungan Singapura dengan Malaysia tidaklah sampai ke peringkat berperang. Saya ingin mengetahui adakah pihak Kementerian Luar Negeri membantah kenyataan ini kerana kalimah 'perang' digunakan sedangkan dalam perbahasan kita di Parlimen, walau marah sebagaimana pun, pembangkang atau pihak kerajaan tidak menyebut kalimah 'perang'.

Jadi, apakah pihak Kementerian Luar Negeri membantah Goh Chock Thong yang menyebut bahawa hubungan Malaysia dan Singapura tidak sampai ke peringkat berperang, jadi kalimah yang merbahaya yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Singapura, ada bantahan atau tidak daripada Kementerian Luar Negeri.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada salah tanggapan di sini, bukannya Perdana Menteri Singapura, tetapi pihak yang lain telah menyebutkan kenyataan itu dan adalah satu pendapat atau pendirian beliau sendiri dan memang kita mengambil berat apa-apa yang telah disebut oleh mana-mana pihak dari negara jiran atau pemimpin negara jiran kita, akan tetapi kita terus memberikan gambaran bahawa betapa pentingnya kita bukanlah pihak yang ingin membuat masalah dan kita seterusnya memang ada polisi untuk berbaik. Pemimpin kita telah menyatakan bahawa tujuan kita dengan jiran-jiran kita ialah untuk bekerjasama seterusnya, dan sama-sama membangunkan wilayah ini.

Kalaulah ada isu yang ditimbulkan yang kurang menimbangkan sensitiviti jiran itu, kita berharap mereka yang mengeluarkan perkataan yang seperti ini dapat menimbangkan bahawa kita sentiasa menganggapkan bahawa kestabilan, keamanan dan kedamaian wilayah ini memang bergantung banyak kepada cara-cara tanggungjawab kita mengeluarkan mana-mana kenyataan yang sensitif dan yang patut memberi pertimbangan kepada hubungan dua hala atau pelbagai hala di wilayah ini.

ANCAMAN FENOMENA LA-NINA - KESAN DAN LANGKAH PENGAWALAN

4. Dr. Yap Yit Thong [Lumut] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa seriuskah kesan dari ancaman fenomena La-Nina yang dijangka akan menimpa negara kita bermula dari bulan Oktober ini dan apakah langkah bagi mengatasi masalah tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Lumut bersama-sama dengan sebelas soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memandangkan terdapat persamaan di antara soalan-soalan tersebut.

Soalan-soalan tersebut dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- 28 Oktober 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang
- 2 November 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Beaufort
- 10 November 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera
 - Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut
 - Ahli Yang Berhormat dari Libaran
- 11 November 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Kapar
- 18 November 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Lanang
 - Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru
- 24 November 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Segambut
- 30 November 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Sibui; dan
- 2 Disember 1998 - Ahli Yang Berhormat dari Jelutong

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat fenomena La-Nina dijangka akan berlaku dari sekarang hingga Februari 1999. Peratusan kemungkinan berlakunya fenomena ini adalah 75%. Sekiranya ia berlaku maka purata jumlah hujan di Semenanjung Malaysia dijangka akan meningkat sebanyak 10% hingga 30% daripada biasa manakala di Sabah dan Sarawak diramalkan meningkat antara 20% hingga 50% daripada biasa.

Negeri-negeri yang dijangka akan menerima kesan yang lebih akibat fenomena ini ialah Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak kerana negeri-negeri ini mungkin mengalami hujan lebat yang berterusan selama beberapa hari yang menyebabkan banjir.

Oleh kerana fenomena La-Nina ini dijangka mengakibatkan berlakunya banjir, maka semua agensi yang terlibat dengan pengurusan banjir dan tanah runtuh di seluruh negara telah diarah membuat persiapan dengan mengambil tindakan dan langkah-langkah yang sewajarnya bagi menangani bencana ini. Jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang terlibat dalam tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Bahagian Keselamatan Negara
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca
- (iii) Polis dan Tentera
- (iv) Jabatan Kerja Raya
- (v) Jabatan Pengairan dan Saliran
- (vi) Jabatan Kebajikan Masyarakat
- (vii) Jabatan Penerangan
- (viii) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (ix) Jabatan Rela
- (x) Jabatan Pertahanan Awam; dan
- (xi) Kerajaan-kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Jabatan-jabatan atau agensi-agensi di atas akan memainkan peranan yang penting dalam aspek-aspek berikut:

- (i) Ramalan dan pengawasan mengenai keadaan cuaca serta amaran banjir;
- (ii) Menyebarkan maklumat mengenai keadaan cuaca dan banjir dari masa ke semasa;
- (iii) Menyediakan pengangkutan dan kemudahan bagi operasi pemindahan/menyelamat;
- (iv) Menyediakan pusat-pusat pemindahan dan memastikan bekalan makanan mencukupi.

Kesemua operasi di atas diselaraskan oleh Bahagian Keselamatan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan perbelanjaan bagi persediaan menghadapi fenomena La-Nina ini akan diselaraskan oleh Bahagian Keselamatan Negara di samping peruntukan sedia ada dari jabatan dan agensi masing-masing.

Selain daripada jabatan atau agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan juga akan mengambil bahagian dalam bidang-bidang tertentu selaras dengan fungsi dan peranan badan-badan atau pertubuhan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena La-Nina yang mungkin berlaku ini bukanlah merupakan fenomena baru yang dialami oleh Malaysia. Fenomena seumpama ini telah dialami oleh negara ini sebelumnya dan masalah itu telah dapat ditangani dengan berkesan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian rakyat tidak perlu terlalu bimbang dengan keadaan ini kerana berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lalu masalah ini dapat ditangani dengan berkesan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Sebagai langkah menghadapi fenomena ini kerajaan dari masa ke semasa menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai perkembangan La-Nina melalui radio, televisyen dan surat khabar. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan ini melalui laman web Jabatan Kajicuaca. Jabatan Kajicuaca setakat ini telah mengadakan 85 sesi taklimat kepada pelbagai agensi kerajaan dan swasta mengenai perkembangan fenomena ini. Dengan usaha-usaha ini semua pihak yang terlibat dijangka dapat memainkan peranan masing-masing sekiranya fenomena ini berlaku.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menangani masalah La-Nina, negara kita harus mengadakan satu sistem ramalan cuaca yang canggih dan tepat. Soalan saya, adakah negara kita mempunyai peralatan yang canggih dan sejauh manakah ketepatan ramalan cuaca kita?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ramalan cuaca di Malaysia ini oleh kerana negara kita terletak di iklim tropika, cuaca di kawasan-kawasan tropika adalah 'convective' dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ciri utama hujan 'convective' ialah 'localization' dengan izin dan oleh itu adalah sukar untuk meramalkan tempat dan masa hujan turun. Dan hujan tropika ini ada diramalkan akan turun luasannya hampir 10 kilometer dan lama hujan itu dianggarkan di antara 1 hingga 2 jam. Ketepatan ramalan cuaca di Malaysia adalah 75% setanding dengan ketepatan ramalan cuaca di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat di mana ketepatan ramalannya bagi kawasan

tropika di antara 70% dan 80%. Walau bagaimanapun negara-negara maju atau di Barat masih meneruskan kajian bagaimana ramalan cuaca di kawasan tropika ini boleh dipertingkatkan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu ramai rakyat di Sarawak tinggal di luar bandar di rumah panjang, pesisir pantai serta kampung di tepi sungai, apakah tindakan yang spesifik yang diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka memandangkan kalau berlaku La-Nina ini, pengangkutan akan menjadi satu masalah yang besar. Saya difahamkan hanya sebuah helikopter disediakan untuk kawasan Miri, tidak ada helikopter yang disediakan untuk Bintulu yang boleh digunakan pada masa itu dan hanya akan berkongsi menggunakan helikopter di Miri. Sekian, terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan yang di-Pertua, persiapan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri sepanjang pengetahuan saya adalah sangat mencukupi. Di setiap daerah telah menubuhkan Jawatankuasa Daerah untuk menangani masalah ini sekiranya berlaku dan juga selain daripada itu Jabatan-jabatan seperti yang saya terangkan dalam jawapan itu, semua telah membuat persiapan untuk menghadapi ini dan di semua pengkalan hadapan dan lokasi helikopter semua disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai informasi apa yang telah disediakan oleh jabatan-jabatan lain. Oleh kerana ini terlalu panjang jika Ahli Yang Berhormat berminat ingin mengetahuinya saya akan memberikan satu salinan kepada Ahli Yang Berhormat.

KENAIKAN HARGA BARANG KEPERLUAN – USAHA KAWALAN

5. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed [Tanah Merah]:** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapakah harga barangan keperluan harian naik melambung seperti minyak masak, beras dan lain-lain. Adakah barang-barang ini dikawal. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan dan kajian yang dibuat oleh kementerian terhadap 233 barangan keperluan harian didapati bahawa tidak semua barangan

keperluan meningkat harganya. Sebagai contoh pada minggu kedua bulan September 1998 hanya 20 barangan sahaja yang meningkat harganya sementara 16 barangan pula telah mengalami penurunan harga. Harga barangan keperluan lain adalah stabil, Turun naik harga barang keperluan tertentu seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan adalah dipengaruhi oleh faktor musim. Kementerian hanya mengawal harga barang makanan seperti minyak masak, gula, tepung, ayam daging dan roti yang dijadualkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan. Bagi barang-barang keperluan yang lain, kementerian membuat pemantauan dari masa ke semasa. Tindakan untuk mengawal harga barang-barang tersebut hanya dilakukan sekiranya kedudukan bekalan dan harga menjadi serius. Mengenai minyak masak, skim penstabilan harga minyak telah diperkenalkan berkuat kuasa mulai 16 Disember 1997. Di bawah skim tersebut harga runcit minyak masak telah ditetapkan. Mengenai beras pula, kerajaan hanya mengawal harga beras gred standard dan premium yang dikawal di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994. Bagi harga beras super yang tidak dikawal harganya yang mana baru-baru ini harganya telah meningkat, kerajaan peka terhadap masalah ini dan Kementerian Pertanian telah berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi menangani masalah ini.

Manakala barangan kawalan harga yang lain tidak mengalami sebarang kenaikan harga. Kenaikan harga terakhir bagi susu, gula dan tepung adalah pada 1 Februari 1998.

Tuan M. Kulasegaran : Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu apakah sebab baru-baru ini di seluruh Malaysia sangat berkurangan minyak masak dialami oleh semua pengguna-pengguna dan adakah dasar yang dilancarkan oleh kerajaan supaya menyekat penjualan minyak masak kepada orang-orang yang datang dari Singapura dan Thailand itu efektif?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini memang kementerian ini dapat aduan dari penduduk di negeri Kelantan, Terengganu,

Pulau Pinang, Perlis, Kedah di mana pihak pengguna sukar dapat beli minyak masak dan sebab-sebabnya adalah oleh kerana kecenderungan peniaga untuk menjual minyak masak untuk household consumption, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan harga minyak masak untuk kegunaan industri bagi mendapatkan keuntungan berganda dan ada pihak pengusaha industri membeli minyak masak yang diperuntukkan untuk household consumption daripada penjual runcit dan hyper market dan juga rakyat asing yang tinggal bersempadan dengan Malaysia untuk membeli minyak masak untuk household consumption mengikut kuantiti yang dibenarkan iaitu dua kilo seorang bagi sesuatu masa dan di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, aktiviti penyeludupan dan barter trading telah berlaku dan ini bermakna minyak masak telah dikeluarkan dari negara kita. Sama juga, ada setengah pengguna telah melakukan pembelian yang berlebihan oleh kerana membuat persediaan menghadapi musim tengkujuh yang akan tiba.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya iaitu Kerajaan telah mengumumkan bahawa pihak pengilang minyak masak tidak dibenarkan untuk menjual minyak masak yang diperuntukkan bagi domestik kepada pihak pengusaha industri dan sesiapa yang terlibat lesen mereka akan dibatalkan. Dan lagi satu tindakan yang telah diambil

iaitu rakyat asing tidak boleh membawa minyak masak keluar daripada negara kita, walaupun pada masa lalu mereka dibenarkan, tadi saya kata 2 kilo minyak masak yang boleh dibawa keluar, tetapi sekarang ini mereka tidak dibenarkan. Tindakan-tindakan lain sedang diambil dan setakat ini komplek pun telah kurang.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhubung dengan masalah minyak masak. Yang lain itu biarlah dahulu, kira minyak dahulu. Sebab sikit lagi ikan kering orang akan bakar, tak main minyak, sebab di Kelantan minyak teruk benar, jadi saya hendak tahu, berapa ton. Metrik, berapa tak tahulah, daripada Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna dia bekal kepada satu syarikat pembekal minyak di negeri Kelantan, di kawasan Batu Tiga Setengah, Jalan Kuala ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat slow sedikit ...

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: Slow...nak slow boleh juga tu.. Jadi, mengikut pembekal itu, dia kata dapat kuota hanya 20,000 ton tetapi hanya dapat 10,000 ton sahaja, 11,000 ton lagi ke mana, satu. Keduanya, kalau orang Kelantan hendak pakai minyak terpaksa pergi ke Kampong Mulok, negeri Thailand, dijual dengan harga RM3.30 di Kelantan tidak ada, Jadi bagaimana, minyak masuk ke negeri Thailand. Di sana kawal, di sini kawal, tetapi minyak di Siam belaka.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat

Datuk Tan Chai Ho: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara pengguna kita memerlukan sebanyak 35 ribu metrik ton minyak masak sebulan dan kuota untuk setiap negeri adalah ditetapkan oleh pihak PORLA. Jadi, saya

minta Tuan Ibrahim Mohamad boleh rujukkan pertanyaan kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama, dan dari segi harganya tidak berubah, di mana-mana negeri harga untuk minyak masak adalah sama, dan jika ada apa-

apa masalah atau aduan-aduan yang spesifik boleh rujukkan kepada kementerian saya.

**TAWARAN PENGAMPUNAN -
SAMBUTAN PENDATANG ASING TANPA IZIN**

6. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang asing tanpa izin yang menyambut “tawaran pengampunan” Kerajaan untuk pulang ke negara masing-masing dalam tempoh 01.09.1998 - 30.10.1998: mengikut kewarganegaraan masing-masing. Juga nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan kedudukan sambutan begini rupa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendatang tanpa izin yang telah menyambut tawaran pengampunan kerajaan untuk pulang ke negara masing-masing setakat 13 Oktober, 1998 adalah berjumlah 48,946 orang. Jumlah mengikut kewarganegaraan adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah Pendatang
Indonesia -	41,995
Bangladesh -	3,112
Pakistan	428
Filipina	1,722
Thailand	58
Kanada	2
India	930
Nepal	140
Iraq	1
United Arab Emirates	9
Rep. Rakyat Cina	124
Myanmar	319
Vietnam	5
Singapura	3
Australia	5
Cambodia	33
Sri Lanka	39
Iran	2
Ghana	2

Lain-lain 17

Bilangan ini akan bertambah memandangkan tempoh tawaran pengampunan ini masih berjalan dan akan berakhir pada 31 Oktober, 1998.

Tuan Md. Isa bin Sabu : Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bagaimanakah keadaan kerjasama dan juga sokongan dan pendirian kedutaan-kedutaan asing untuk membantu pendatang tanpa izin ini untuk mendapatkan surat perjalanan yang sah supaya memudahkan mereka pulang ke negara masing-masing seberapa cepat yang boleh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengampunan yang diberikan oleh kerajaan ini adalah kerana banyaknya permohonan daripada kedutaan-kedutaan asing untuk memberikan pengampunan kepada rakyat mereka untuk membolehkan mereka pulang ke negara masing-masing. Tetapi apabila di peringkat awal pengampunan ini kita syaratkan mereka yang hendak balik mesti mempunyai pasport negara mereka, misalnya Indonesia sampai kehabisan pasport di Kedutaan Indonesia akhirnya kita benarkan mereka pulang dengan hanya surat perjalanan yang dikeluarkan oleh kedutaan. Misalnya Nepal, mereka terpaksa membuat pasport daripada Bangkok. Ini juga menyulitkan mereka dan akhirnya kita benarkan mereka pulang ke negara mereka menggunakan surat perjalanan sehalu. Jadi inilah perkara-perkara yang timbul dan kita berharap masih tinggal 10 hari lagi supaya mereka akan dapat pulang beramai-ramai sebelum tarikh yang ditetapkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kelonggaran dan peluang yang diberikan kepada PATI untuk pulang melalui program Pengampunan Sempena Hari Kemerdekaan Malaysia. Bagaimanakah pandangan ataupun pendapat kerajaan kita di atas rayuan yang dikemukakan oleh pihak Indonesia terutamanya untuk melanjutkan tempoh pengampunan itu supaya mungkin lebih ramai lagi rakyat Indonesia yang berada di Malaysia dapat pulang

berdasarkan kepada kesediaan pemimpin mereka untuk mengadakan perundingan dengan kerajaan kita dan rakyat mereka di sini. Apakah pandangan kerajaan sekiranya tarikh pengampunan ini tidak dilanjutkan dan masih ramai lagi yang belum pulang tetapi tempohnya telah pun tamat malah mereka masih mempunyai tiket perjalanan untuk pulang walaupun tempohnya telah pun tamat? Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang sudah pun ada tiket perjalanan untuk pulang tetapi tiket ini kemungkinan misal tarikhnya ialah 5 November, mereka bolehlah berhubung dengan Jabatan Imigresen untuk mendapatkan perlanjutan tempoh passport ataupun visa sehingga 5 November untuk membolehkan mereka pulang pada 5 November. Bagi mereka-mereka yang telah ada tiket mereka boleh berhubung dengan Jabatan Imigresen untuk mendaftarkan diri mereka dengan Jabatan Imigresen sebelum 31 Oktober ini. Bagaimanapun ingin juga saya tegaskan bahawa daripada bulan Januari sehingga bulan Ogos tahun ini 105,000 orang telah kembali ke negara mereka secara sukarela, bersendirian dan 58,000 orang dihantar pulang oleh Jabatan Imigresen menjadikan jumlah semuanya 163,000 orang . Ini tidak termasuk 48,946 orang yang kembali ke negara mereka di bawah program pengampunan.

Soalan No.7 – Yang Berhormat Datuk Philip Yong Chew Lip [Gaya] tidak hadir.

**PERJANJIAN KONSESI TOL JALAN KUCHING – TEMPOH
AKHIR**

8. Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai kedudukan perjanjian konsesi bagi tol Jalan Kuching:

- (a) bilakah perjanjian konsesi itu akan berakhir; dan
- (b) bilakah lebuhraya itu akan dibaik pulih.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara kerajaan dengan syarikat konsesi pada 15 April 1985, tempoh konsesi asal bagi projek penswastaaan jalan tol Jalan Kuching sepatutnya tamat pada 7 Januari 1996. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh konsesi jalan tol Jalan Kuching disebabkan kerajaan telah mengarahkan syarikat konsesi iaitu Kamunting Corporation Bhd. melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop asal konsesi. Arahan ini dibuat di bawah peruntukan 38 perjanjian konsesi di mana kerajaan boleh mengarahkan syarikat konsesi melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop konsesi asal. Sebagai balasan syarikat konsesi tidak akan diimbuh secara langsung melalui pembayaran wang tunai tetapi melalui perlanjutan tempoh konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan supaya tempoh konsesi asal dilanjutkan selama 7 tahun bagi membolehkan syarikat konsesi mendapat kembali perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi melaksanakan kerja-kerja tambahan tersebut. Ini bermakna konsesi akan tamat pada 7 Januari 2003.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selaras dengan peruntukan dalam perjanjian konsesi, syarikat konsesi adalah bertanggungjawab untuk menyenggara dan membaik pulih Jalan Kuching supaya sentiasa dalam keadaan baik, selesa dan selamat digunakan oleh pengguna-pengguna jalan raya. Oleh itu, ingin saya tegaskan di Dewan ini bahawa kerja-kerja baik pulih jalan berkenaan adalah dilaksanakan dari masa ke semasa apabila didapati keadaan fizikal jalan raya tersebut tidak selamat dan tidak selesa dilalui oleh pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat .

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No.9 hingga 23 akan dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN
TUNKU ABDUL RAHMAN (PINDAAN) 1998
Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS 1998
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.08 pagi

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan untuk mengawal selia francais-francais dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Francais 1998 ini bertujuan untuk menyediakan peruntukan mengenai pendaftaran, pentadbiran dan penguatkuasaan perniagaan francais Malaysia. Akta ini akan mengadakan satu sistem pendaftaran yang sistematik bagi mengawal selia industri francais supaya pembangunan perniagaan francais di negara ini dapat berjalan dengan teratur, terkawal dan dapat diatasi.

Perniagaan francais ialah satu bentuk perniagaan yang berkembang dengan pesatnya di seluruh dunia termasuk di negara-negara di rantau ini. Di

negara ini pula kerajaan sedang memberi perhatian yang berat terhadap pertumbuhan perniagaan francais kerana ia merupakan salah satu program penting dalam membangunkan usahawan baharu. Malah semasa persidangan Asia Pacific Franchise Federation baru-baru ini, ahli-ahli mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia ialah kerajaan paling mesra dalam bidang francais ataupun dengan izin, the most franchise friendly government.

Perniagaan francais melibatkan perhubungan yang rapat di antara kedua pihak iaitu pihak pemberi francais ataupun franchisor dengan pemegang francais ataupun franchisee. Dalam pada itu, peranan pihak broker francais juga adalah penting. Akta ini akan memberikan garis panduan kepada pihak pemberi francais ataupun franchisor dan penerima francais ataupun franchisee dan lain-lain yang terlibat dalam industri francais mengenai perkara-perkara yang mereka perlu lakukan dan patuhi supaya dapat menentukan industri francais tumbuh dengan sihat dan tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan di atas satu pihak yang lain, atau khuatir untuk mendedahkan apa-apa maklumat mengenai perniagaan kepada pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya akta ini ada orang yang akan menyatakan ianya akan menambahkan lagi kerenah birokrasi dan menyusahkan lagi sesebuah perniagaan untuk difrancaiskan. Saya suka menjelaskan bahawa perkara ini tidaklah tepat. Sebenarnya dengan adanya akta ini kerajaan berharap setiap syarikat yang hendak memfrancaiskan akan merasakan perniagaannya lebih terjamin, dan orang ramai yang hendak menjadi pemegang francais akan merasa lebih selamat.

Akta ini memberikan peruntukan-peruntukan tertentu bagi melindungi kedua-dua belah pihak iaitu bagi pihak franchisee dan pemegang francais. Akta ini juga membendung perlakuan atau percubaan untuk menipu, memperdaya dan diskriminasi dalam tawaran untuk menjual mana-mana perniagaan francais, mencegah pengaliran dokumen penzahiran yang mengandungi maklumat yang mengelirukan atau tinggalan apa-apa maklumat yang penting atau maklumat yang tidak tepat kepada bakal-bakal pemegang francais, mencegah amalan perdagangan serta layanan yang tidak adil kepada pemegang francais termasuklah perbuatan menipu, memperdaya, diskriminasi, penamatan perjanjian tanpa sebab yang munasabah dan sebagainya.

Akta ini juga menggalakkan amalan-amalan murni dalam perniagaan termasuklah jujur ataupun *bona fide*, bertanggungjawab untuk berhati-hati dan bertanggungjawab fiduciary. Akta ini melindungi pemberi francais daripada usaha-usaha memegang francais, pemegang francais meniru perniagaan yang difrancaiskan dan menjaga hak-hak cipta francais. Di negara ini adalah dianggarkan terdapat sekurang-kurangnya sebanyak 200 bilangan produk perniagaan francais dengan seramai kira-kira 2,500 bilangan outlet pemegang francais.

Francais dimulakan pada tahun 1992 di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan apabila kementerian ini dimulakan pada tahun 1995. Pada tahun 1995 hanya ada 15 produk francais dan 64 penerima francais. Kini daripada 15 telah menjadi 65 produk francais dan penerimanya telah bertambah daripada 64 ke 382. Kebanyakan daripada syarikat yang memfrancais ini ialah produk tempatan dan sebanyak hanya 21 daripada 65 buah adalah syarikat francais daripada luar negara. Hasrat kementerian ialah untuk membangunkan seramai 1200 orang penerima francais bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam pada itu kementerian ini perlu mengadakan data dan perangkaan-perangkaan perniagaan francais di dalam negara ini dengan bilangan syarikat-syarikat yang memfrancaiskan semakin bertambah maka kawalan terhadap industri ini perlulah diadakan.

Terdapat kebelakangan ini kes-kes tertentu di mana bukan sahaja penggunaan perkataan francais telah disalahgunakan tetapi kes-kes yang mempunyai unsur-unsur penipuan telah mula wujud. Perkara yang tidak sihat ini perlulah dibendung daripada awal lagi. Hasrat kerajaan secara jangka panjang ialah untuk membolehkan syarikat-syarikat tempatan yang memfrancaiskan dengan berjaya di negara ini dapat memfrancaiskan perniagaannya di luar negeri. Dengan adanya satu Akta Francais yang dapat menentukan hanya syarikat-syarikat francais yang teratur dan sempurna sahaja dapat difrancaiskan maka sekiranya mereka dapat memfrancaiskan ke luar negara, kita akan dapat sekurang-kurangnya merasai yakin bahawa syarikat-

syarikat berkenaan akan berjaya dan lebih dapat diterima oleh pihak penerima francais di luar negeri dan tidak akan memburukkan nama dan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan satu Akta Francais bagi mengawal perniagaan francais bukanlah merupakan satu perkara yang aneh. Terdapat sekarang ini beberapa buah negara asing yang mana perniagaan francaisnya telah bertumbuh dengan cemerlang, juga mempunyai Akta Francais tersendiri. Negara-negara ini ialah di antaranya seperti Amerika Syarikat, di mana 12 daripada 25 buah negerinya mempunyai Akta Francais. Di Kanada iaitu di daerah Alberta, di Brazil, Perancis, Itali, Korea dan baru-baru ini juga di Indonesia.

Akta Francais yang akan diadakan ini telah mengambil kira aspek-aspek penting, peruntukan-peruntukan Undang-undang Francais di negara-negara yang tersebut itu. Dari segi definisi francais ertinya kontrak atau perjanjian sama ada secara nyata ataupun tersirat, sama ada secara lisan ataupun bertulis antara dua orang atau lebih dan dengannya, satunya, pemberi francais memberi pemegang francais hak untuk mengendalikan perniagaan mengikut francais yang ditentukan oleh pemberi francais selama tempoh yang ditentukan oleh pemberi francais.

Kedua, pemberi francais memberi pemegang francais hak untuk menggunakan cap ataupun rahsia dagangan ataupun apa-apa maklumat sulit atau harta intelektual yang dipunyai oleh pemberi francais dan termasuk keadaan apabila pemberi francais yang merupakan pengguna berdaftar atau dilesenkan oleh orang lain untuk menggunakan apa-apa harta intelektual, memberikan apa-apa hak yang dimilikinya untuk membenarkan pemegang francais untuk menggunakan harta intelektual itu.

Ketiga, pemberi francais memiliki hak untuk melaksanakan kawalan berterusan sepanjang tempoh francais terhadap pengendalian pemegang francais mengikut sistem francais.

Keempat, pemberi francais mempunyai tanggungjawab untuk memberikan bantuan kepada pemegang francais untuk mengendalikan perniagaannya termasuklah apa-apa bantuan seperti peruntukan atau bekalan

bahan dan perkhidmatan, latihan, pemasaran dan bantuan perniagaan atau teknik.

Kelima, sebagai balasan kepada pemberian hak-hak itu, pemegang francais dikehendaki membayar fi atau bentuk balasan yang lain.

Keenam, pemegang francais mengendalikan perniagaan secara berasingan daripada pemberi francais dan hubungan pemegang francais dengan pemberi francais tidak boleh dianggap sebagai satu perkongsian kontrak perkhidmatan atau agensi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat beberapa amalan salah laku yang berlaku dalam perniagaan francais. Ini termasuklah amalan-amalan salah laku di mana syarikat-syarikat pemberi francais tidak menunaikan tanggungjawab mereka yang sewajarnya sebagai syarikat pemberi francais. Contohnya ialah perlantikan dua pemegang francais dalam satu kawasan operasi yang mana atau pemberi francais tidak membuat tindakan susulan terhadap pemegang francais. Di pihak pemegang-pemegang francais pula ada yang mengambil kesempatan terhadap pemberi francais. Ini termasuklah kes-kes di mana pemegang francais tidak mematuhi sepenuhnya perjanjian francais dan manual operasi, tidak membayar yuran dan royalti yang ditetapkan, menjalankan perniagaan lain yang tidak dibenarkan oleh pihak francais dan sebagainya. Istilah francais juga telah digunakan dengan sewenang-wenangnya begitu meluas sampai mengelirukan orang ramai.

Kementerian Pembangunan Usahawan telah juga mendapat ulasan dan pandangan daripada Persatuan Francais Malaysia mengenai draf undang-undang tersebut. Pandangan-pandangan daripada Persatuan Francais Malaysia telah juga diambil kira dalam menyediakan Rang Undang-undang Francais ini. Antara kandungan Rang Undang-undang yang dicadangkan ialah dalam Bahagian I - mengandungi tajuk ringkas akta, pemakaian, bidang kuasa akta dan tafsiran bagi istilah-istilah yang berkaitan dengan perniagaan francais.

Dalam Bahagian II - ialah berkenaan dengan keperluan pendaftaran, perlantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar serta kuasa-

kuasa, prosedur dan syarat untuk pendaftaran perniagaan francais dan juga broker francais, kelulusan atau penolakan permohonan, tarikh dan tempoh kuatkuasa pendaftaran, notis penggantungan, penamatan dan sebagainya bagi atau pun ke atas pendaftaran. Laporan tahunan dan pindaan terhadap mana-mana dokumen yang telah didaftarkan, amalan-amalan yang diwajibkan dan dilarang serta rayuan terhadap keputusan pendaftar.

Bahagian III - ialah berkenaan kandungan perjanjian francais, pembayaran fi francais, larangan terhadap diskriminasi ke atas pemegang francais, bayaran fi franchisee, francais atau royalti, penubuhan dana promosi, fi promosi, pendaftaran cap dagangan dan cap perkhidmatan, tempoh francais, maklumat rahsia, larangan terhadap perniagaan serupa, pembatalan apa-apa terma perjanjian yang mengecualikan pematuhan terhadap akta ini adalah tidak sah.

Bahagian IV pula ialah berkenaan dengan amalan ataupun tatalaku pemberi francais dan pemegang francais dan penamatan perjanjian francais, tanggungjawab pemberi ataupun pemegang francais, penamatan awal tempoh francais, perlanjutan tempoh francais dan perjanjian francais yang tidak diperbaharui.

Bahagian V pula ialah berkenaan penubuhan Lembaga Penasihat Francais yang ahlinya akan dilantik oleh menteri dari kalangan orang-orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai perniagaan francais. Berfungsi sebagai penasihat kepada kerajaan dalam usaha untuk mengembang dan memajukan lagi industri ini di Malaysia.

Bahagian VI ialah berkenaan kesalahan dan penalti iaitu mengadakan kesalahan bagi fraud, perdayaan, menghalang pegawai dan peruntukan penalti am seperti denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan pertama ialah RM5,000 sehingga RM50,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak kurang RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu mahkamah boleh mengisytiharkan perjanjian francais menjadi batal, memerintah supaya pemberi francais memulangkan bayaran

kepada pemegang francais ataupun melarang pemberi francais membuat apa-apa perjanjian baru atau melantik pemegang francais baru. Terdapat juga kuasa pengkompaun kesalahan.

Bahagian VII ialah berkenaan penguatkuasaan meliputi kuasa untuk menyiasat dan pendakwa.

Bahagian VIII ialah berkenaan keperluan memohon kelulusan Pendaftar bagi mana-mana perniagaan francais dari luar Malaysia berniaga dalam Malaysia dan penjualan francais dari dalam Malaysia ke luar Malaysia. Pendaftaran pemegang francais bagi pemberi francais asing. Pemeriksaan dokumen penzahiran oleh orang awam, pengiklanan, kuasa menteri untuk mengecualikan mana-mana pihak dari mematuhi mana-mana peruntukan akta dan kuasa-kuasa menteri untuk membuat apa-apa peraturan ataupun kaedah berhubung pelaksanaan akta serta peruntukan bagi pengecualian dan peralihan untuk menghendaki pemberi francais ataupun broker francais untuk mendaftarkan francaisnya dengan Pendaftar tidak lewat daripada 12 bulan dari permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Rang Undang-undang Francais ini akan mewajibkan semua syarikat-syarikat dan individu yang menjalankan perniagaan francais sama ada pemberi francais, pemegang francais induk ataupun master franchisee, pemegang francais produk luar negara serta broker francais bagi mendaftar dengan Pendaftar dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan di dalam rang undang-undang ini.

Bagi tujuan ini, satu unit amat perlu diwujudkan di Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menguruskan segala perkara yang perlu dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang. Penubuhan unit ini akan melibatkan sedikit pertambahan kakitangan sokongan, penyediaan peralatan pejabat serta sedikit pertambahan perbelanjaan mengurus. Cadangan

mengadakan Rang Undang-undang Francais ini adalah perlu bagi memastikan perkembangan sihat industri francais di negara ini.

Rang Undang-undang tersebut akan dapat memberi perlindungan kepada semua pihak yang terlibat dari sebarang bentuk amalan perdagangan yang tidak adil. Dengan adanya rang undang-undang ini adalah diharapkan agar hasrat kerajaan untuk membangunkan lebih ramai usahawan-usahawan tempatan terutamanya usahawan-usahawan bumiputera akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Francais 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini untuk kali yang kedua.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan untuk mengawal selia francais-francais dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

11.25 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dengan bermulanya sidang Dewan pada pukul 10.00 pagi ini ada yang

Tuan Michael Lisa Kaya: Terus sahajalah!

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat masih tidak begitu segar lagi. *[Ketawa]* Walhal pembentangan rang undang-undang ini adalah satu perkara yang baik, memandangkan perniagaan francais pun sejak Shell petrol itu sejak Perang Dunia II. Ini bermakna perniagaan francais telah pun dilakukan di negara ini sejak lebih 50 tahun yang lalu dan baru sahaja kita

adakan satu rang undang-undang untuk mengawalseliakan perniagaan francais ini. Ini memang satu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang timbul kerana kita tidak mempunyai pengalaman yang cukup untuk mengawalinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga dari segi menggalakkan francais di kalangan rakyat Malaysia, pertamanya saya nampak kalau dari negeri Kelantan seperti nasi dagang, nasi berlauk dan sebagainya, jadi mungkin kita boleh menggalakkan peniaga-peniaga di seluruh negara misalnya seperti nasi berlauk, nasi dagang, kita boleh adakan satu francais untuk seluruh negara dan untuk luar negara dan mungkin pihak Kementerian Pembangunan Usahawan mengkaji psikologi mengapa rakyat Malaysia memang misalnya di Kuala Selangor, saya pergi ke situ semalam, walaupun Yang Berhormat sibuk, francais di Kuala Selangor sebab di situ ada banyak restoran, banyak jenis makanan daripada Kuala Selangor, dan beraneka jenis makanan dari Kota Bharu, Kelantan dan sebagainya dan kita mesti adakan di mana sekarang kita ada Unit Francais akan ditubuhkan di kementerian, kaji psikologi mengapa mereka enggan menjalankan perniagaan secara francais, mungkin mentaliti tradisional tidak begitu sesuai untuk memajukan satu perniagaan yang mempunyai skop dan harapan yang begitu besar untuk seseorang peniaga dan ini memang mengadakan satu peluang untuk pihak mereka ini untuk memajukan perniagaan ini.

Satu lagi bagi saya, kerana saya pun besar dengan orang-orang di Kota Bharu dan di Besut, di Bachok dan sebagainya dan mungkin ini satu peluang untuk orang-orang di situ juga memajukan perniagaan mereka dan memang saya berharap kementerian memainkan peranan yang lebih aktif untuk menggalakkan orang-orang seperti yang saya sebutkan ini untuk memajukan francisnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di kawasan saya di Kepong Baru sejak lebih 20 tahun lagi ada satu gerai nasi lemak, nasi lemak istimewa kerana peniagaanya orang Melayu tapi pelanggannya orang China dan paling laris. Tiap-tiap malam mereka berbaris Tidak kiralah malam Isnin atau malam Ahad, bertahun-tahun mereka berbaris untuk membeli nasi lemak yang istimewa ini. Dan mungkin pihak peniaga ini boleh francaiskan nasi lemak seumpama yang jenis mereka ini. Cuma saya nampak Yang Berhormat Menteri sudah pun menggalakkan satu nasi lemak yang difrancaiskan di Pyramid dan juga di beberapa kawasan yang akan difrancaiskan.

Tuan Yang di-Pertua di 'Daily Giant' ada satu lagi jenis nasi lemak. Masalah akan timbul kerana nasi lemak ini banyak jenisnya. Daripada Kuala Lumpur satu jenis, daripada Kuala Selangor jenisnya tidak serupa sebab ada banyak makanan laut. Nasi lemak ini sotongnya lebih banyak (*Ketawa*). Memang macam mana kita boleh kira kita ada di 'Daily Giant' ada satu jenis nasi lemak dan mungkin nasi lemak Kepong Baru pun satu jenis. Macam mana kita boleh mengendalikan francis ini sebab akan timbulkan banyak jenis. Nasi dagang pun banyak jenis, nasi berlauk pun banyak jenis juga dan macam mana kita boleh dengan tidak mengelirukan orang ramai supaya perniagaan serupa itu boleh dijalankan dengan teratur.

Saya pun tidak tahulah di Amerika Syarikat misalnya dengan Kentucky Fried Chicken, dengan MacDonald mereka boleh buat francais dengan teratur ke seluruh bukan sahaja di Amerika Syarikat bahkan di seluruh dunia. Saya percaya mereka mempunyai banyak jenis. Jenis hamburger dia banyak dan jenis fried chicken pun jenis banyak. Macam mana mereka mengendali saya tidak ada pengalaman, mungkin Kementerian pun tidak mempunyai pengalaman, yang banyak untuk mengendalikan semua ini supaya tidak timbulkan kekeliruan, kekacauan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dengar ada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bukan sahaja nasi lemak, nasi beriani, nasi minyak dan sebagainya sebab di Pulau Pinang saya banyak tahun sudah menikmati nasi lemak dan nasi beriani. Bagi saya di situlah nasi seumpamanya yang baik sebab selera saya mirip kepada kawasan itu dan Tuan Yang di-Pertua bolehkah Yang Berhormat terangkan banyak jenis dari segi makanan sahaja sekarang bukan dari jenis-jenis yang lain. Sebab kita mula dengan makanan kita kaya dengan makanan kita mula dengan - saya tidak setuju juga tapi ada jenis-jenis yang lain, jenis-jenis francais yang lain yang mungkin kita boleh terokai untuk dimajukan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua bolehkan Yang Berhormat terangkan dengan adanya Unit Francais ini bagaimana pihak Kementerian dapat mengadakan satu jenis unit yang paling sophisticated dan paling berkesan untuk mengawal mungkin pihak Kementerian hantar kakitangan ke Amerika Syarikat ataupun negara-negara lain untuk dilatih supaya memahami masalah yang akan timbul sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai kesalahan-kesalahan, kerenah dan masalah yang timbul di dalam perniagaan francais ini.

Saya nampak sebab saya pun dari semasa ke semasa pergi misalnya ke Kentucky Fried Chicken. Pada beberapa tahun ini iaitu jenis campuran resipinya telah bertukar sedikit lebih pedas dan lebih mirip kepada selera orang Malaysia. Kalau resipi itu tidak serupa dari resipi yang asal macam mana kita selesaikan masalah ini, adakah ini masih resipi Kentucky Fried Chicken? Saya rasa tidak serupa. Inilah masalahnya sebab dari pengalaman saya sendiri pada 10 tahun yang lepas Kentucky Fried Chicken tidak serupa dari jenis asalnya kerana resipi sekarang sudah bertukar. Apakah pendapat Kementerian mengenai hal ini bolehlah kita sifatkan ini sebagai satu francais daripada Kentucky Fried Chicken lagi kerana tidak serupa.

Kalau Yang Berhormat perhatikan bila kita pergi ke United Kingdom misalnya resipi itu tidak serupa dengan resipi di sini. Mungkin resipi itu untuk orang-orang Inggeris tapi di sini untuk orang-orang Malaysia. Dan saya berharap Yang Berhormat dapat terangkan macam mana kita selesaikan masalah resipi ataupun formula ditukarkan kemudian bolehkah kita tidak anggap sebagai francais lagi ataupun pemberi francais masih menjadi franchisor mengenai resipi seumpama ini sebab Tuan Yang di-Pertua masalah francais ini memang satu masalah yang rumit walaupun perniagaan itu boleh dikembangkan sehingga kita boleh menjayakan banyak jenis makanan dan jenis-jenis perniagaan yang lain di negara ini tapi kita mesti berhati-hati supaya kita dapat kawal dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat Yang Berhormat Menteri ada sebutkan mengenai satu mesyuarat ataupun perhimpunan untuk peserta-peserta francais. Apakah hasil atau penemuan-penemuan daripada mesyuarat tersebut yang diadakan pada dua bulan yang lepas kalau tak silap saya di Putra World Trade Centre dan apakah penemuan-penemuannya mengenai perhimpunan itu.

Di sini saya hendak bangkitkan satu perkara lagi sebab saya nampak apabila saya menggunakan lebuh raya terutamanya PLUS dan dari masa ke semasa terutamanya larut malam saya ada singgah di restoran-restoran jejantas PLUS dan saya nampak banyak jenis makanan, mungkin di francais saya tidak tahu di situ dan apakah itu cadangan kementerian dengan outlet-outlet seperti ini. Outlet-outlet PLUS dan outlet-outlet lain untuk menyelaraskan atau mengaturkan semua francais ini dengan lebih baik dan lebih berkesan. Apakah perjanjian di antara kementerian dengan syarikat-syarikat seperti PLUS untuk memajukan perniagaan francais ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada PLUS ataupun syarikat lebuh raya yang lain di tiap-tiap Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Dewan Bandaraya memang mereka mempunyai banyak kawasan, tempat-tempat penjaja, 'food court' ataupun medan-medan selera masing-masing. Di Kuala Lumpur terdapat banyak tempat penjaja-penjaja ini yang lebih bersih, mungkin di Ampang pun sudah ada sekarang dua, tiga tak silap saya, terutamanya di supermarket, pasar raya dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya pihak Unit Francais di kementerian mengkaji semua potensi outlet-outlet ini untuk memajukan perniagaan francais. Itu memang satu langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk menggalakkan perniagaan francais kerana di dalam tempat-tempat atau pusat-pusat penjaja ini memang kita boleh mengawal dengan lebih berkesan dan maklumlah di rumah-rumah terbuka menteri-menteri saya nampaklah kadangkala mereka menggunakan penjaja-penjaja daripada pusat-pusat seumpama ini. Ini memang satu amalan yang baik kita boleh

menggalakkan penjaja-penjaja tetapi itu mungkin lebih elok lagi kalau Kementerian Pembangunan Usahawan dapat menyelaraskan semua pusat ini supaya kita boleh adakan lebih banyak perniagaan francais dan saya suka juga kerana tempoh hari saya nampak di beberapa tempat, sebab saya selain dari masa ke semasa pergi ke luar negara untuk bercuti tetapi satu, dua kali setahun saya bercuti di dalam negara. Seperti semalam saya pergi ke Kuala Selangor malangnya Yang Berhormat di situ sangat sibuklah, tidak dapat layan langsung tetapi ada usaha yang baik juga kerana sekarang kita ada resort untuk serangga kelip-kelip, kunang-kunang, api-api ini, baik juga. Ada resort, Resort Belimbing, Kampung Belimbing.

Seorang Ahli: Baju barukah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, apa? Di Sarawak tidak ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Jangan berdialog.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak saya bagi dia maklumat sedikit, di Semenanjung ini ada banyak perkara, banyak tempat seperti tempat kelip-kelip, di Sungai Selangor itu, di Sarawak tidak ada. Memang saya tidak nampak di Sarawak. Di Sungai Lalang, di tebing-tebing sungai tidak nampak langsung.

Seorang Ahli: Sungai Rajang.

Dr. Tan Seng Giaw: Rajang, Sungai Rajang mana ada kelip-kelip, tidak nampak langsunglah. Saya cuba hendak tolong sedikit Yang Berhormat dari Kuala Selangor sebab dia senyap-senyap di situ sahaja, selama saya hendak tolong dia, dia tidak tolong saya langsung. Tetapi, walau bagaimanapun seperti yang saya sebutkan tadi, memang kita berharap kementerian dapat mengambil langkah-langkah yang tertentu termasuk menyelaraskan semua tempat penjaja dan kita boleh memajukan francaisnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara daripada Rang Undang-Undang ini yang saya pun tidak begitu faham kerana maklumlah ini kali yang pertama

kita kemukakan peruntukan-peruntukan seumpama ini misalnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa pada Bahagian VII - Penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa pegawai diberi kuasa termasuk kuasa masuk dan memeriksa, kuasa menggeledah dan menyita tanpa waran dan kuasa untuk mengelak apa-apa benda bagi maksud penyiasatan adalah dinyatakan di dalam beberapa peruntukan. Bagi masalah peniaga francais saya berpendapat kita mesti adakan satu waran sebab ini bukan satu masalah cemaskah, masalah kita perlukan dengan masa yang cepat beberapa saat kita mesti mengambil tindakan, ini perniagaan francais berjalan dengan bertahun-tahun, berbulan-bulan kalau timbulkan masalah kita sempat, ada masa untuk mendapat waran. Di sini saya nampak tidak mahu waran langsung seolah-olah ini satu kecemasan, satu darurat, kita tidak payah ambil itu waran. Saya sebutkan hal ini sebab kalau kita ambil masa sedikit untuk mengkaji mungkin kita boleh ambil tindakan dengan lebih berkesan mengikut undang-undang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa kita tidak mahu waran langsung di dalam perniagaan yang berjalan mengambil masa yang panjang, tidak payah kita dengan tergopoh-gapah ambil tindakan dengan begitu sahaja, bolehkah Yang Berhormat terangkan sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, penting sekali bila kita memberi kuasa yang mutlak, hampir mutlak kepada pihak penguat kuasa maka boleh timbul masalah, termasuk penyelewengan. Kita hanya manusia saja, bukan insan yang begitu kamil sangat. Itulah pendapat saya mengenai Bahagian VII, kuasa-kuasa penguatkuasaan sehingga tidak perlukan satu waran untuk menyita, menggeledah, dan memeriksa premis di mana berlakunya perniagaan francais.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu perkara lagi, saya nampak pada awal tahun ini pihak Yang Amat Berhormat memberi hadiah kepada beberapa syarikat yang disebutkan sebagai mempunyai prestasi dalam industri francais yang baik, misalnya Nelson PTD Sdn. Bhd. yang disebutkan sebagai pemberi

francais (franchisor) yang mempunyai harapan yang terbaik dan juga Edaran Otomobil Nasional (EON) dan juga Langkawi Cristal Sdn. Bhd. sebagai pemegang ataupun pemberi francais yang diwujudkan di Malaysia semata-mata, 'home-grown' dan bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa kita Nelson PTD sebab ada disebutkan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat tetapi saya pun tidak nampak apakah mereka buat sehingga mereka mempunyai status yang begitu baik sebagai franchisor yang mempunyai harapan yang terbaik di negara ini, iaitu Nelson PTD dan juga Edaran Otomobil Nasional, apakah francais EON? Saya pun tidak nampak kerana mereka sudah keluarkan Proton, siri Proton, motokar Malaysia yang belum lagi mempunyai isi kandungan 100% Malaysia punya, ada benda-benda yang penting, yang sophisticated, yang canggih yang masih diimpot daripada negara Jepun, Mitsubishi dan sekarang kita nampak ada Edaran Otomobil Nasional dihadiahkan kerana terlibat dalam industri francais. Boleh Yang Berhormat terangkan apakah EON buat sehingga boleh jadi pemberi francais di dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Yang Berhormat tadi ada sebutkan mengenai kesatuan francais dan rang undang-undang ini pun dikemukakan selepas rundingan dengan pihak kesatuan francais ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan siapakah yang menjadi orang yang bertanggungjawab untuk kesatuan francais ini, sama ada EONkah yang bertanggungjawab ataupun Nelson PTD bertanggungjawab dan sebagainya.

Saya sebutkan hal ini sebab di dalam krisis ekonomi kita, walaupun saya setuju bahawa spekulator luar yang menjejaskan nilai mata wang kita kerana kumpulan wang dana timbang nilai dan sebagainya yang raksasa yang dapat menjejaskan ekonomi kita, memang! Tetapi salah satu masalah yang timbul ialah masalah dalaman. Di dalam industri francais, saya menyeru supaya jangan wujudkan masalah-masalah penyelewengan, masalah nepotisme, masalah pilih kasih sebab kita dituduhkan di dalam krisis ekonomi kita, salah

satu faktornya kerana pilih kasih, kerana favouritism, kerana nepotisme dan sebagainya. Bagi saya sedang kita hendak membangunkan industri francais, baik pada mulanya, dengan adanya Rang Undang-undang Francais ini, kita memastikan tidak akan wujudnya masalah kongkalikung, masalah penyelewengan di dalam industri francais ini. Itu paling penting di negara ini sebab pada pendapat saya kita mesti menggunakan tempoh masa kita adakan kawalan tukaran asing sekarang dan beberapa langkah susulan untuk menjaga mata wang kita. Semasa ini kita pun mesti menggunakan masa keemasan ini untuk memastikan segala kecurangan boleh dibanteraskan sama sekali dan bagi saya hari ini saya sekali lagi bangkitkan supaya pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dapat mengambil langkah yang berkesan untuk menghapus segala penyelewengan yang bakal berlaku.

Sekian, terima kasih.

11.54 pagi.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membentang Rang Undang-undang Francais 1998 bagi tujuan penyeliaan dan kawalan ke atas program francais di negara kita.

Saya amat bersetuju bahagian-bahagian tertentu diadakan terutama bahagian tentang perjanjian francais serta kelakuan pihak-pihak dan penamatan perjanjian francais kerana dua isu ini merupakan masalah terbesar yang dihadapi sekarang oleh franchisee. Saya juga bersetuju diadakan penguatkuasaan agar kita dapat memastikan perkembangan program francais yang sihat. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, adakah dengan adanya rang undang-undang ini kerajaan akan semata-mata mengadakan penyeliaan dan kawalan ke atas perkembangan dan pembangunan program francais ataupun kerajaan akan turut terlibat secara langsung dalam pembangunan francais ataupun campur tangan dalam pembangunan francais,

umpama dari segi pemilihan franchisor dan franchisee seperti mana yang dilakukan sekarang.

Saya ingin memberi pandangan saya tentang perkara ini. Saya berpegang kepada pendirian bahawa sektor perniagaan mesti berkembang melalui proses semula jadi (natural process). Saya mengambil contoh daripada ARASTU, salah satu franchisor yang pada suatu ketika dahulu sebagai terbesar dalam industri francais. Sebelum ARASTU terlibat dengan program francais, ia berkembang dengan begitu pesat di dalam industri jualan yang ARASTU terlibat. ARASTU adalah antara syarikat yang begitu terkemuka, perancangan pembangunannya begitu rapi dan pada ketika itu ARASTU telah mempunyai cawangan-cawangan di merata negeri dan tempat di seluruh negara kita. Apabila kementerian campur tangan dengan memilih ARASTU sebagai franchisor dan melaksanakan program francais, dalam beberapa tahun selepas itu ARASTU telah jatuh dan ramai franchisee yang menghadapi masalah yang besar, malahan sebulan sebelum ARASTU jatuh, mereka masih lagi melantik franchisee. Saya amat hairan mengapa ARASTU yang sudah menghadapi masalah kewangan, sebulan sebelum kejatuhan masih lagi melantik franchisee dan franchisee sekarang melalui kementerian, saya difahamkan sedang berusaha untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas ARASTU.

Apa yang saya nampak daripada perkembangan tersebut adalah ARASTU mengalami kejatuhan kerana apabila kerajaan terlibat dalam program francais melibatkan ARASTU, ARASTU merasa seolah-olah ia disokong oleh kerajaan. Dengan sebab itu pertumbuhan ARASTU lebih daripada kapasiti yang sepatutnya. Kita sedia maklum dari segi perniagaan, banyak faktor mesti diambil kira dari segi keupayaan pengurusan, pengurusan kewangan, soal pemasaran, pasaran itu sendiri, soal stok dan soal produk dan kerana memikirkan adanya satu badan besar, adanya kerajaan dan kerajaan tentu akan menyokong, ARASTU telah berkembang jauh daripada kapasiti dengan nisbah

gearing yang begitu tinggi dan pertumbuhan franchisee yang cukup meluas sehinggakan di satu-satu tempat, satu bandar yang tidak begitu besar mempunyai ramai franchisee sehingga produknya tidak dapat dijual berasaskan kepada stok yang banyak tetapi jualan yang kurang daripada yang sepatutnya.

Saya juga nampak di dalam krisis ekonomi yang kita hadapi, apabila kita membuat analisis ke atas syarikat-syarikat yang menghadapi masalah terutama syarikat-syarikat gergasi, ini juga berpunca kerana mereka mendapat sokongan daripada kerajaan terutama di bawah projek penswastaaan – satu projek kepada satu projek diberikan sehingga syarikat berkembang tidak mengikut kapasitinya – tidak melalui proses semula jadi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

Dengan sebab itu apabila berlaku serangan ke atas mata wang kita, syarikat tidak mempunyai kekuatan kerana asas-asas yang memberi kekuatan kepada syarikat tidak ada daripada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi seperti pengurusan kewangan, pemasaran dan sebagainya.

Jadi saya berpendapat bahawa industri francais ini mesti dibenarkan supaya berkembang mengikut semula jadi atau the natural process. Kalau ada campur tangan kerajaan dari segi mempromosinya supaya ia mendapat galakan ataupun menarik minat syarikat-syarikat untuk menjadi franchisor dan kemudian dari segi peraturan-peraturan, kawalan-kawalan serta penguatkuasaan.

Lagi satu contoh yang saya ingin ambil ialah perbezaan antara Kentucky Fried Chicken dan Ayam. Kita dapati Kentucky Fried Chicken difrancaiskan dari U.S. kepada seorang pengusaha dalam negara kita. Ini tidak difrancaiskan,

walaupun Kementerian Pembangunan Usahawan berusaha supaya K.F.C. difrancaiskan tetapi K.F.C. berpegang kepada pendirian bahawa dalam business kini yang melibatkan soal kualiti ia lebih yakin kalau K.F.C. sendiri menjalankannya. Kita nampak perkembangan yang begitu menarik dengan pertumbuhan dari segi jualan dan juga keuntungan yang tinggi. Ayamas mengambil sistem francais dan kita dapati perkembangannya terhad. Di Bandar Ipoh pada peringkat awalnya ada 4 franchisee tetapi sekarang tinggal satu sahaja. Malahan kalau kita bandingkan kualiti antara satu outlet dengan outlet yang lain, ia berbeza dan tidak sama. Jadi bermakna Kentucky Fried Chicken mengambil sikap yang bijak berasaskan kepada kapasitinya dan berasaskan produk yang dikeluarkan. Ia lebih yakin menjalankan perniagaan secara sendiri dengan ia mempunyai kawalan yang sepenuhnya ke atas pengurusan manakala Ayamas menggunakan sistem francais, ia ingat dapat berkembang dengan pesat tetapi akhirnya perkembangan syarikat tersebut tidak begitu pesat.

Saya juga ingin menyentuh tentang isu-isu operational daripada pengamatan saya ke atas perkembangan industri francais. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kementerian mempunyai satu target hendak melahirkan beberapa ribu franchisee dalam tempoh waktu tertentu. Tetapi saya ingin menyatakan rasa bimbang saya apabila kita mempunyai satu target dan target ini boleh kita gunakan sebagai satu panduan. Tetapi kalau kita kata target mesti ada 3,000 franchisee sehingga hujung tahun

ini dan kita gunakan itu sebagai asas perkara-perkara yang hendak diusahakan ke arah itu, kita boleh mendapatkan 3,000 franchisee tetapi 3,000 yang tidak berkualiti.

Pada saya franchisee yang hendak dilahirkan mestilah franchisee yang berkualiti. Saya menyentuh soal kualiti ini ada dua faktor yang perlu diambil kira. Satu soal keupayaan kementerian sendiri untuk memilih franchisee. Saya tidak merendahkan keupayaan kementerian tetapi yang ingin saya nyatakan dalam soal perniagaan, saya percaya orang-orang yang berpengalaman dalam perniagaan yang tahu menilai yang mana individu-individu yang boleh dipilih untuk sesuatu program. Kalau dia tidak ada terlibat dengan perniagaan secara teori mungkin, pengalaman daripada segi paper work mungkin, saya tidak percaya mereka dapat mengenal pasti mana franchisee yang baik.

Dengan sebab itu kita dapati kadangkala franchisor gagal dan franchisee juga gagal kerana pengurusan pemilihan dan melihat perkembangan program ini tidak dijalankan dengan baik oleh pegawai-pegawai di kementerian. Bukan kerana pegawai-pegawai itu tidak mempunyai kepakaran tetapi pengalaman dalam bidang perniagaan, kerana orang dalam perniagaan dapat mencium bau dan apabila ada masalah dia dapat cium. Itu yang saya katakan pembangunan sektor perniagaan atau sektor korporat mestilah berasaskan kepada pembangunan dan pertumbuhan semula jadi (natural process).

Individu mencapai tahap yang matang selepas bersaing berkali-kali menghadapi naik turun daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain barulah dia mencapai pembangunan yang besar. Kadangkala kita lihat kilang cukup besar, kita katakan pengusaha kilang itu bijak. Tetapi kilang tersebut dibangunkan sekarang kerana dirancang daripada tiga generasi yang lalu. Dimulakan dengan seorang datuk yang membuka perniagaan kecil, dipindahkan atau diturunkan kepada seorang anak ataupun bapa dan kemudian generasi anak pula baru membangunkan satu kilang yang besar. Bermakna perkembangan daripada satu tingkat ke satu tingkat dan ke satu tingkat, pembangunan yang terus ke tingkat yang tinggi tanpa kekuatan-kekuatan asas ia akan jatuh dengan mudah.

Kedua, saya dapati di kalangan franchisee kebanyakan franchisee yang saya temui yang pergi ke kementerian-kementerian adalah businessman ad hoc, bukan businessman yang memang telah mempunyai perniagaan dan hendak memperkembangkan perniagaan. Tetapi individu yang gagal dalam hidup, gagal dalam perniagaan, gagal dalam pekerjaan dan sebagainya, hendak menjadi businessman kerana pada mereka businessman ini bermakna menjadi orang yang kaya dan menjadi seorang jutawan. Jadi dia masuk dalam bidang perniagaan dan kemudian salah satu daripada program yang dapat mereka ceburi adalah melalui menjadi franchisee. Dengan itu pergi kepada kementerian dan minta kementerian program-program franchisee. Saya banyak

bertemu mereka dan saya tahu latar belakangnya, saya percaya kakitangan kementerian tidak tahu orang ini siapa, di mana dia gagal dan sebagainya tetapi kita kenal orang-orang ini.

Jadi yang menjadi kebimbangan dalam pemilihan franchisee ini kita mengambil businessman ad hoc yang tidak mempunyai kepakaran dan tidak mempunyai pengalaman tetapi pandai bercakap. Ada seorang yang tunjuk kepada saya satu surat program franchisee untuk 'Popular Book'. Saya kenal dia, memang dia gunakan surat itu untuk mendapatkan pinjaman. Dia tidak pernah berniaga tetapi pandai bercakap, dia boleh impress orang secara bercakap yang begitu pandai tetapi dia tidak mempunyai kebolehan secara praktikal.

Lagi satu isu operational ini ialah isu kos. Saya menyentuh balik tentang Popular Book Store, apabila franchisee tadi dapat francais tersebut, saya ingat franchise system – pengedaran wakil jualan buku. Ada dua syarat yang dikenakan, satu mengeluarkan modal tetap sebanyak RM200,000 untuk membuat renovation tempat jualan dan kedua, RM60,000 untuk working capital membeli buku daripada franchisor. Di situ sahaja franchisor sudah mendapat keuntungan. Kalau tidak silap saya 5% daripada jualan di mana kalau dia jual sahaja kepada franchisee dia dapat 5%, jual sahaja mendapat 5%. Jadi pada syarikat franchisor ini tidak ada masalah.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yan minta jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat sama ada beliau setuju atau tidak kadang-kadang franchisor ini dia hendak beri francais kepada seseorang itu, contohnya, equipment – katalah dia hendak buat fish and chip punya outlet. Alat-alat kelengkapan untuk memasak ikan itu pun kena mengikut standard mereka sedangkan kadang-kadang perkakasan itu boleh didapati di pasaran tempatan yang lebih murah dan sebagainya. Di samping itu royalti dia kutip lagi dari segi bahan dan ikan pula kena beli ikan dia sedangkan ikan itu kalau kita tangkap di sebelah Yan pun banyak tetapi hendak kena ambil juga ikan daripada syarikat itu dan sebagainya kerana ini hak mereka. Mereka juga mengenakan lagi royalti yang begitu tinggi dan untuk menjadi franchisee ini mereka terpaksa juga membayar royalti.

Jadi kesudahannya yang berniaga itu hanya menjadi – hendak dikatakan hamba itu tidaklah kerana dia hendak berniaga tetapi menjadi sebagai kuli kepada franchisor itulah. Jadi adakah cara dan bentuk lain yang boleh kita cari supaya jadi win-win situation rather than 70, 30 kadang-kadang 80, 20 punya profit margin. Yang kerja kuat franchisor tetapi franchisee mendapat untung banyak sedikit daripada franchisor. Terima kasih, Selamat Deepavali.
[Bercakap dalam bahasa Tamil] [Ketawa].

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Yan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara ini memang saya ingin sentuh dalam pelbagai aspek. Salah satu yang ada kaitan dengan Yang Berhormat dari Yan katakan adalah soal kepentingan diri. Ini tidak boleh kita lari dalam sektor perniagaan, kerana matlamat pengusaha melibatkan diri dalam perniagaan adalah untuk memaksimumkan keuntungan.

Saya belum pernah berjumpa dengan syarikat yang mengatakan “syarikat kita tidak mengapalah kita untung sedikit, kita beri peluang kepada syarikat lain.” Tetapi melainkan semua syarikat berhasrat untuk memaksimumkan keuntungan (maximization of profit).

Sepertimana kata Yang Berhormat dari Yan, saya bersetuju bayaran royalti 5%, R&D, promosi, produk. Produk yang lebih membahayakan, kerana ia seolah-olah program jualan langsung di mana franchisor tiap-tiap bulan hantar kepada franchisee, sama ada franchisee ada duit atau tidak ia terima. Hantar RM100,000 ia sudah dapat, kalau 5% keuntungan, dia sudah dapat 5% tanpa jualan. Ini termasuk Modenas sendiri. Kalau kita jadi franchisee Modenas, dia kata dia akan hantar 30 motosikal satu bulan, franchisee terpaksa terima 30. Ada duit atau tidak ada duit kena terima, sama ada jual atau tidak, kena terima. Jadi, di sini kita nampak isu kepentingan diri. Franchisee terpaksa menjual sama ada berupaya jual atau tidak, ada modal atau tidak, ada tempat atau tidak untuk menyimpan produk tersebut. Dia terpaksa menerima, kalau tidak, dia melanggar perjanjian.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah pada awal tadi saya menyatakan pembangunan program francais ini mesti berasaskan kepada pembangunan semula jadi (a natural process). Kerajaan tidak boleh terlibat campur tangan, cari beberapa syarikat, ada 1,000 dan pilih 20 dijadikan franchisor. Yang itu saya percaya tidak akan berjaya, kerana akan timbul isu-isu lain. Sepertimana saya katakan bila ada di belakang syarikat itu satu badan kerajaan, ia akan gunakan kesempatan, ia akan pergi bank. Jadi, over gearing yang begitu tinggi, dan ini dihadapi oleh syarikat-syarikat yang kita dapati rugi sekarang ini.

Tadi saya menyentuh soal isu kos. Saya menyatakan Popular Book memerlukan dua bentuk kos; kos modal RM200,000 dan juga kos operasi RM60,000. Kos modal RM200,000 untuk mengubahsuai tempat jualan supaya

mengikuti standard dan spesifikasi Popular Book sebagai franchisor, dan juga kos operasi sebanyak RM60,000 pula untuk membeli buku-buku daripada Popular Book. Saya menyentuh perkara ini kerana cuba kita bayangkan, dalam keadaan ekonomi sekarang, dalam keadaan krisis ekonomi, semua syarikat berusaha untuk mengurangkan kos. Bagi franchisee, belum lagi memulakan perniagaan sudah mengeluarkan duit sebanyak RM260,000. Kepada saya sebuah rumah kedai tingkat bawah tidak memerlukan satu pengubahsuaian sehingga memakan belanja RM200,000. Ini satu modal yang tenggelam di dalam perniagaan tersebut. RM200,000 kalau dipinjam daripada bank, kalau bank mengenakan sekarang ini 15%, bermakna dia kena bayar faedah lebih kurang dalam RM30,000 satu tahun. Satu bulan sudah RM2,500. Kalau dia sewa pula rumah kedai RM3,000 di situ dia sudah habis RM5,500. Kemudian hendak menjual produk RM60,000 berapa harga yang boleh dapat. Kalau kita katalah 30% daripada RM60,000 sebulan, baru RM18,000. Kemudian hendak bayar kos dan sebagainya, itu kalau dia dapat menjual keseluruhan RM60,000 hasil jualan. Kalau tidak, yang saya maksudkan hendak membuka di Ipoh, kedai buku memang sudah banyak. Lokasi yang luar daripada bandar Ipoh tidak terdapat banyak sekolah. Kedai-kedai buku yang ada di Bandaraya Ipoh pun sebahagian besarnya sekejap dibuka, kemudian ditutup. Yang ada empat sahaja yang kekal jangka panjang, tiga oleh pengusaha India.

Saya sentuh pengusaha India kerana dari segi pengamatan saya, pengusaha India walaupun keuntungannya tidak banyak tetapi dia boleh hidup, kerana kos perbelanjaannya kecil. Kita tengok restoran India, tidak ramai orang datang pun dia boleh survive. Dia jual kacang putih pun dia boleh survive, pasal budaya dia begitu. Tetapi kalau individu tadi buat perniagaan ini dan kos asal (fixed cost) sudah begitu tinggi, saya tidak percaya dia akan survive. Habis tinggi sebulan atau dua bulan. Siapa yang hendak kita salahkan. Itu yang saya kaitkan dengan berapa faktor tadi, termasuk pemilihnya siapa. Adakah

pegawai-pegawai kementerian mempunyai kewibawaan untuk memilih ataupun kerana dia mempunyai desakan mesti memenuhi target 3,000 orang franchisee. Jadi, mesti buat juga. Kalau sudah mencapai 3,000 bermakna pegawai tersebut diiktirafkan sebagai 'menegak, melintang'. Jadi, ini masalah-masalah yang saya dapati yang mesti diambil perhatian oleh pihak kementerian kalau hendak melihat program ini berjaya.

Satu perkara lagi berkaitan dengan Yang Berhormat dari Yan sentuh tadi, bagaimana kita hendak pisahkan antara program francais dengan program jualan langsung terutama francais yang berbentuk pengedaran wakil jualan. Saya difahamkan ada empat jenis francais; francais format perniagaan, francais pengedaran wakil jualan, produk berlesen, lesen jenama, tanda niaga dan sebagainya. Bagi francais yang berbentuk pengedaran wakil jualan, bagaimana kita hendak pisahkan sama ada dia akan menggunakan sistem ini untuk mempromosi produknya lebih kurang sama dengan jualan langsung ataupun sebenarnya dia menjalankan program francais. Kerana kalau saya sendiri pun sebagai franchisor, saya ada tiga cawangan, tiba-tiba dipilih untuk menjadi franchisor dan ada 10 franchisee bumiputera menunggu. Itu pada saya okay. Kemudian, tiap-tiap bulan saya hantar produk kepada mereka. Saya dapat keuntungan, kalau satu RM50,000, kalau ada 10 franchisee sudah ada RM500,000 sebulan, jika 5% margin saya dapat keuntungan dalam RM25,000. Saya tidak payah buat apa-apa, dengan hanya mengikuti program mendapat keuntungan. Jadi, bagaimana kita hendak mengelakkan daripada program

francais ini disalahgunakan untuk tujuan mempromosikan produk secara jualan langsung.

Satu lagi yang saya amati, Tuan Yang di-Pertua, isu kepelbagaian. Saya mengambil contoh Modenas. Dalam industri penjualan motosikal, konsep yang digunakan ialah berbentuk supermarket. Dia jual Honda, Yamaha, Kriss dan sebagainya. Tetapi Modenas menetapkan franchisee hanya menjual motosikal Kriss, sistemnya jual Kriss sahaja. Dengan sebab itu kita dapati persaingan antara franchisee Modenas dengan pengedar motosikal biasa, yang franchisee ini akan tenggelam. Saya nampak, kerana saya buat survey di Bandaraya Ipoh ada 30 lebih penjual motosikal, franchisee Modenas saya ingat ada dua-tiga, yang mana Modenas ini dalam keadaan tenggelam. Kerana konsep mesti jual Kriss sahaja. Yang lain konsep supermarket, jual berbagai-bagai jenis motosikal. Kalau pembeli minat Yamaha, dia beli Yamaha, kalau minat Suzuki dia beli Suzuki, kalau minat Honda dia beli Honda, bila dia nampak Kriss dia beli Kriss. Yang ini dia datang Kriss sahaja.

Akhirnya daripada pengamatan secara mata kasar, kita dapati pengunjung ke kedai franchisee Modenas cukup sedikit berbanding dengan pengedar biasa. Jadi, ini satu masalah yang saya lihat dalam kita hendak mengembangkan program francais kalau produk-produk yang bermutu tinggi macam KFC atau Pizza Hut dan sebagainya mungkin boleh, tetapi kalau produk itu tidak begitu popular, ada beberapa yang dikenali mungkin di Kuala Lumpur boleh dijual seperti mana Merry Brown, tetapi hendak dikembangkan di tempat lain ia tidak boleh, bermakna ia memerlukan promosi yang memakan masa

panjang setelah ia terkenal di seluruh negara barulah jalankan program franchisee, baru franchisee akan berjaya dengan menjual satu produk sahaja, kalau tidak ia perlukan kepelbagaian produk baru ia boleh mencapai kejayaan.

Lagi satu saya berbalik kepada isu businessman ad hoc. Kita tahu businessman ad hoc ini seperti yang saya katakan tadi, tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan satu perkara yang saya lihat apabila ia menjadi franchisee katalah ia berjaya sudahnya, kita akan dapati ia akan menjadi seorang usahawan yang rigid. Dalam dunia akan datang kita memerlukan usahawan yang fleksibel kerana perubahan dunia yang begitu pantas sedang dan akan berlaku pada masa yang akan datang. Dalam beberapa artikel yang saya baca boleh dikatakan kesemua syarikat gergasi di Amerika Syarikat melakukan research supaya dapat menangani masalah kepantasan perubahan pada masa akan datang.

Jadi, dengan terlibat sebagai franchisee peniaga-peniaga ini terhad di dalam bidang tersebut, dengan tidak adanya produk lain, soal inovasi dan kreativiti pengusaha akan terjejas. Itu yang saya nampak sebagai satu dari perkara yang menimbulkan kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali isu financing. Isu financing ini saya harap pihak Kementerian Pembangunan Usahawan membuat kajian yang menyeluruh tentang masalah financing. Saya nampak financing ada dua masalah, satu, kita dapat memberi pinjaman kepada peminjam yang baik, itu tidak ada masalah, satu lagi, peminjam yang tidak baik.

Ada satu program yang dijalankan oleh kementerian, seorang individu yang hendak meminjam, ia dikehendaki menghadiri kursus, selepas kursus akan dipertimbangkan untuk pinjaman. Saya ambil dua orang sebagai contoh. Seorang ini membuat perniagaan menjual kek dan biskut secara sambilan, melalui kursus ia mendapat pinjaman beberapa ribu ringgit, dia membuat perniagaan secara lebih tetap dan ia berjaya. Yang seorang lagi memang telah

berniaga selama sepuluh tahun dalam bidang pendandan (saloon) dan berjaya, dia ada customers yang tetap. Dia juga pergi menghadiri kursus dan mendapat pinjaman tetapi dia gagal dalam perniagaannya. Itu yang saya ingin menyatakan dalam soal pinjaman (financing) pegawai berkenaan perlu mengkaji betul-betul.

Peminjam kedua gagal kerana customers dari satu tempat di tempat A, oleh kerana mendapat pinjaman dia pergi ke tempat B, pergi ke kompleks beli belah yang besar, dia membuka perniagaan di situ dan kemudian oleh kerana jauh dengan pelanggan, pelanggan ini tidak pergi ke kedainya dan di sini pelanggan baru tidak ada, jadi pinjaman yang diberi untuk membeli alat perkakas-perkakas modal dan sebagainya rugi begitu sahaja. Begitu juga dalam soal franchisee, saya berpendapat setelah kementerian membuat kajian yang mendalam memilih individu yang betul-betul pakar hendaklah disediakan sokongan dari segi financing. Kalau tidak, individu ini akan pergi mencari-cari dan pergi kepada bank. Tuan Yang di-Pertua, kalau peminjam yang telah berniaga selama sepuluh tahun ataupun dia pernah meminjam, dia akan dikenakan kos pinjaman yang rendah, bagi peniaga baru dan baru pertama kali meminjam, dia akan dikenakan faedah pinjaman yang tinggi. Di situ sahaja apa-apa keuntungan yang diperolehi dari kegiatan ataupun perniagaan yang dijalankan itu akan pergi kepada membayar faedah pinjaman kepada bank.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Batang Lupar.

12.27 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang tertarik mendengar hujah-hujah yang dibuat oleh rakan saya dari Tambun yang begitu teliti sekali mengulas soalan-soalan perdagangan francais di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, perdagangan ataupun business franchise ini telah berlaku di Malaysia dan telah berkembang begitu rupa dalam masa lima tahun yang telah berlalu dan kita boleh mengatakan Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai perkembangan 'franchise business' yang begitu cepat, yang begitu besar sekali.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, basic regulating, dengan izin, ataupun perundangan sepatutnya kita adakan. Jadi, dengan landasan itu, saya memuji pihak kementerian kerana mengadakan undang-undang ini untuk menentukan ke hala mana business ataupun industri francais ini dihalakan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang rakan dari Tambun sebutkan dan saya amat bersetuju iaitu business ini patut digalakkan membangun dengan sendirinya secara natural process dan over regulating mungkin akan membantutkan perkembangannya ataupun hala businessnya.

Di samping kita membuat regulation ataupun peraturan supaya perkembangannya menuju ke satu hala yang sihat, yang betul, kita juga tidak hendak industri ini berkembang dan dibantutkan dengan over regulation yang kita buat.

Jadi interference daripada pihak kerajaan kadang-kadang baik tetapi kadang-kadang ada juga mendatangkan satu kelemahan. Jadi dengan itu pihak kementerian semasa melantik pegawai-pegawai yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang ini mestilah mempunyai bukan sahaja kepakaran dari segi undang-undang ini sendiri tetapi juga businessnya kerana kepandaian dari segi undang-undang ini kalau di`apply`, dengan izin, akan membantutkan usaha yang sepatutnya bebas berlaku. Dengan sendirinya keperluan umpamanya kalau satu-satu business yang kita hendak wujudkan dan kita lantikan satu orang franchisor dan di sebaliknya pula kita hendakkan franchisor ini melantik pula beberapa franchisee di seluruh negara atau di satu-satu tempat tertentu. Kalau ini diwajibkan, dengan sendirinya perlantikan itu

nanti cara melulu, tidak melihat dari segi kualiti dan pengurusan yang ada pada mereka yang dilantik, dengan sendirinya bukan sahaja produk itu tidak akan laku tetapi juga akan membinasakan industri francais ini sendiri.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian semasa melaksanakan undang-undang ini nanti melihat dengan sendiri. Walaupun kita hendak memberi peraturan tetapi cara menjalankan business itu mestilah cara business itu berkembang dengan sendirinya. Saya juga mengamati kita tidak boleh melihat kemampuan peniaga itu daripada segi kertas dan working paper itu sahaja. Kadang-kadang orang boleh keluar daripada universiti menuliskan satu working paper yang begitu baik dan begitu rapi tetapi daripada pengalaman dan kepandaian menjalankan business mungkin tidak ada langsung. Jadi kalau itulah landasannya untuk memberi francais kepada seseorang ataupun pusat francais kepada seseorang mungkin kita akan berjumpa dengan jalan buntu. Jadi penilaian patutnya melihat daripada latar belakang orang yang diberi francais, menjalankan business francais ini. Walaupun daripada segi franchisor ada kemungkinan ini tidak begitu dikehendaki sangat kalau benda itu benda retail, benda yang kecil dijual secara retail shop dan sebagainya.

Oleh kerana pengurusan kewangan dan pengurusan franchisor itu berlainan sedikit dengan pengurusan yang bakal dibuat oleh franchisee di peringkat perjumpaan di antara businessmen dengan customers dia yang mana marketing dia berlainan, cara pengendalian dia berlainan. Jadi di peringkat franchisee ini memang kita lihat daripada dulu lagi masyarakat Cina umpamanya atau masyarakat Tionghua yang telah daripada segi tradisi dia menjalankan business secara retail secara family holding dan sebagainya telah lama turun menurun tahu dengan business sedemikian. Dan mereka lebih arif lagi dalam menjalankan business retail sebagai franchisee. Jadi ini bukanlah bermakna kita mestinya memilih semua orang keturunan Cina sahaja jadi

franchisee dan tidak melantik orang lain kerana semenjak tiga puluh tahun yang lalu banyak juga masyarakat bumiputera telah melibat diri dalam business berbagai-bagai, sama ada di peringkat penulisan, peringkat retail outlet dan sebagainya banyak orang bumiputera telah melibatkan diri.

Jadi pemilihan itu sepatutnya bukanlah berlandaskan kertas working paper dan write-up yang dimajukan kepada kementerian tetapi hendaklah dilandaskan kepada latar belakang mereka yang telah membuatkan satu business yang kemungkinannya relevan dengan apa yang mereka buat sebelum mereka dilantik. Tujuannya bukanlah kita hendak melarang yang lain terlibat mencubakan nasib mereka di bidang satu-satu business tetapi ialah untuk melihat supaya industri francais ini tidak digagalkan oleh kerana pemilihan yang dibuat di dalam satu bilik kementerian berlandaskan working paper yang dimajukan dan interview atau temuduga yang dibuat kepada mereka yang memajukan kertas-kertas sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak dijumpa oleh masyarakat terutama sekali bumiputera membincang soalan-soalan francais ini iaitu business francais. Saya juga melihat banyak business francais ini berkembang maju walaupun ada sebahagiannya yang telah gagal oleh kerana produk yang mereka buat kurang diterima ataupun kurang promosi, belum mendapat penerimaan umum. Jadi masalahnya bumiputera, penglibatan bumiputera di bidang francais ini pada masa sekarang adalah amat berkurangan. Dua tiga perkara ialah oleh kerana kemungkinan tidak mengetahui bagaimana hendak mendapatkan maklumat-maklumat yang tertentu, mendapatkan kemudahan-kemudahan tertentu ataupun penjelasan-penjelasan yang tertentu untuk terlibat ataupun melibatkan diri dalam business francais. Walaupun kita menerima hakikatnya banyak bumiputera ini belum mengetahui macam mana hendak business menjual ayam, belum sampai berapa tahun tetapi business jual ayam Kentucky

Fried Chicken dan sebagainya Merry Brown, Pizza Hut dan banyak lagi benda macam itu pun baru di negara kita.

Kalau di Sarawak kita boleh katakan enam tujuh tahun baru sampai, jadi takkan kita tidak boleh menggalakkan bumiputera terlibat di dalamnya oleh kerana produk atau bisnes itu baru. Jadi saya percaya banyak bagi bumiputera umpamanya di Kelantan, di Terengganu yang mana masyarakat Melayu telah terlibat dengan jualan secara retail, mereka ini telah turun temurun terlibat dengan penjualan sedemikian. Saya percaya dengan ajaran dan garis panduan yang tertentu diberi bagaimana menjalankan business sedemikian kita boleh menggalak mereka dan memberi insentif-insentif yang tertentu supaya mereka terlibat juga dalam industri francais ini kerana industri ini adalah industri yang berkembang begitu maju sekali dengan keadaan semula jadi. Jadi kalau bumiputera ini tersisih daripada pembangunan ini, saya bimbang bumiputera itu sendiri akan tersisih daripada satu industri yang mana penglibatan langsung bumiputera kepada industri penjualan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah kemudahan-kemudahan yang telah diwujudkan untuk bumiputera memberi insentif kepada bumiputera untuk melibatkan diri dalam business francais kerana sebagaimana yang kita tahu sebagaimana kawan daripada Tambun tadi telah menyebutkan business francais, umpamanya kalau kita hendak mulakan business francais, benda yang pertama kita hendak fikirkan ialah wang iaitu kita hendak beli francais, to the right untuk buat satu tempat jualan, hendak dibayar dengan franchisor. Selepas itu kita hendak ubahsuaikan satu tempat, kos pengubahsuaian mengikut apa yang dikehendaki oleh pihak franchisor itu sendiri dan the rolling capital, wang keperluan menjalankan business itu sendiri. Jadi tiga perkara ini semuanya perlu kewangan.

Kadang-kadang kita nampak pihak franchisor ini telah mendapat hak untuk menjualkan satu item ataupun satu produk di negara ini secara francais,

menjualkan hak itu kepada seseorang untuk menjadi outlet dia dengan begitu tinggi sekali. Dengan keadaan sedemikian bukan sahaja telah membantutkan ataupun menggagalkan seseorang yang ingin terlibat walaupun mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kebolehan menjalankan business sedemikian melibatkan diri.

Lagipun, business francais di peringkat franchisee ini adalah business yang kecil bukan business yang besar sangat, tidak boleh jadi multimillionaire overnight, oleh kerana business ini adalah long term process. Jadi oleh kerana ia long term process, orang yang terlibat bukanlah orang yang sudah jadi kaya, sudah jadi jutawan, maknanya, mungkin orang peringkat bawah yang ada kemampuan, ada keinginan mungkin mempunyai track record tersendiri, tetapi yang masalahnya tidak mempunyai cash, hard cash dalam tangannya. Jadi dalam keadaan yang sedemikian terbantutlah, hamba Allah yang ingin melibatkan diri dalam franchise ini. Mungkin juga, dalam keadaan ekonomi yang baik, kita boleh pergi kepada bank, kalau bank itu memikirkan business ini adalah business yang boleh dijualkan, bank boleh bagi duit untuk bayar franchisor, bank boleh bagi duit untuk renovating, ubahsuaikan kedai, boleh juga bagi sedikit wang untuk rolling capital untuk menjalankan perniagaan, mungkin juga.

Tetapi dalam keadaan sedemikian, sekurang-kurangnya tiga tahun orang itu masih terikat tidak boleh mendapat untung kerana kena bayar hutang pada bank. Jadi, kalau dia menggunakan sedikit keuntungan itu untuk peribadi dia, untuk makan dia, ada berkemungkinan business itu akan gagal, habisnya dia berhutang dengan bank, business dia tidak jadi, dia berhutang, habis-habis dia jadi bankrap. Ini bukanlah statement yang pesimis, benda yang benar berlaku.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, dua tiga perkara perlu diambil tindakan iaitu kos daripada franchisee kepada franchisor ini mestilah dilihat

supaya jangan sangat ditekan dengan harga, umpamanya kalau hendak ambil Kentucky Fried Chicken di Kuala Lumpur, bukan sekarang, tetapi empat tahun lepas, kos dia satu franchise outlet, kita orang Sarawak nak ambil 'apek' simpan 'apek' depan kedai dia, cost RM180,000. Jadi, kalau orang yang ada RM180,000 dalam poket dia, orang yang tidak ada bermatlamat besar, matlamat kecil sahaja, masukkan RM180,000 dalam Amanah Saham Nasional (ASN) ataupun (ASB), dia kata dia boleh terima RM2,000 sebulan, buat apa buat business. Jadi ini besar sangatlah untuk orang kecil-kecilan, orang yang bawah-bawah hendak terlibat kalau tidak ada duit.

Saya melihat satu perkara berlaku di Kuching, ini bukan franchise tetapi keadaan yang hampir sama, yang mana satu syarikat yang menubuhkan satu usaha perkilangan, kerajaan bagi tanah, kerajaan bagi kemudahan, tanah itu pun dibayar dengan 'pepper corn' kalau di Sarawak, dikatakan dengan 'pepper corn' iaitu dengan harga yang murah sekali. Jadi, makna kos kepada orang yang kena bagi konsesi ini adalah begitu rendah sekali, tetapi bila dia hendak lantik orang sebagai mentee dia, dia lantik dengan syarat pertama dia kena beli tapak kilang daripada dia dengan harga RM1.2 juta, yang kedua dia kena beli mesin dia dengan harga RM1 juta, ketiga dia kena pinjam duit daripada bank untuk rolling capital dia, RM1 juta, habis-habis dia kena pinjam RM3.2 juta sebelum business take off. Kita percaya, pihak kementerian dalam keadaan business dia boleh pergi berjumpa dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar minta beli mesin yang kecil-kecil untuk buat furniture ini boleh dapat, kementerian boleh tolong, bahkan kementerian ada peruntukan tertentu tetapi tidak dikehendakki oleh tauke yang membuat konsesi ini kerana ia bimbang tidak dapat untung daripada penjualan mesin, penjualan kilang, bahkan dapat komisen dari bank oleh kerana pinjaman-pinjaman yang tertentu.

Jadi dalam keadaan yang demikian, banyak bumiputera yang dijemput, orang ahli yang kuat ada perhubungan, buat surat jemput jadi mentee kita dan

ini tawaran dia. Bila habis-habis berjumpa dengan saya, saya kata, sebelum dia bermula apa percentage keuntungan yang akan didapati, dia kata keuntungan dijamin 8%. Kalau dijamin 8% keuntungan, tetapi bayaran dengan bank ialah 10% atau lebih, berapa puluh tahun dia boleh bayar hutang. Jadi habis-habis dia balik kepada apa Yang Berhormat daripada Yan katakan tadi, dia bekerja dengan orang yang memegang konsesi, orang yang memegang konsesi jadi kaya raya tetapi mentee jadi papa kedana, mungkin jadi bankrap.

Jadi, perkara yang sedemikian, pihak kementerian hendaklah melihat macam mana mengatasi agar orang yang menjadi franchisee ini tidak tertekan menjadi kuli kepada pihak franchisor yang akan mendapat keuntungan yang begitu besar. Jadi, soal kos ini, initial capital outlay yang diperlukan, pihak-pihak yang ingin terlibat dalam franchisee ini hendaklah dilihat dengan pasti supaya mereka golongan bawahan yang ingin terlibat yang memang melihat ini satu business boleh dia jalankan, boleh kita bagi pertolongan dan insentif.

Satu perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua ialah franchisor. Kalau kita lihat mereka yang dilantik menjadi franchisor itu ialah manusia yang telah mempunyai satu inisiatif, mempunyai banyak wang untuk membeli franchise daripada dalam ataupun luar negara. Jadi dalam keadaan demikian ini orang kaya hendak jadi lebih kaya lagi. Tetapi, adakah kementerian mempunyai satu cadangan agar melihat businessmen yang kecil-kecilan, umpamanya dia memang sudah buat business, saya cukup yakin, pihak kementerian tahu siapa businessmen di seluruh negara, di tiap-tiap negeri yang mempunyai kemahuan, kemahiran, kebolehan mengurus business ini. Dengan itu adakah pihak kementerian bercadang untuk melantik satu konsortium di tiap-tiap tempat umpamanya, menjadi franchisor, bukan jadi franchisee, tapi konsortium peniaga kecil-kecilan yang berkemahuan, ada mempunyai wang, tiap seorang dapat RM250,000 menjadi franchisor, kalau 10 orang daripada ini dilantik di bawah satu syarikat menjadi franchisor. Kalau sorang dapat duit

RM200,000, sepuluh orang dapat RM2 juta. Kalau dapat RM2 juta, dia sudah boleh belikan satu produk yang akan dijual menjadi franchisor dan dia sendiri akan lantik franchisee dia di tiap-tiap tempat yang difikirkan boleh menjualkan produk mereka secara apa yang diberi garis panduan di sini. Apa yang saya mahu ialah franchisor itu bukan daripada mereka yang kaya raya sahaja, tetapi daripada mereka yang bawahan yang sudah mempunyai track record, mempunyai sedikit wang, yang sepatutnya boleh menjalankan business franchisee tetapi kita suruh menubuhkan satu konsortium menjadi holding kepada satu business franchise. Jadi konsep ini kita elevating, ataupun menaikkan tahap yang orang dah buat business ini ke satu tahap pengurusan bukan sahaja daripada outlet lagi.

Itu pertanyaan dari saya, saya juga mendengar iaitu pihak kementerian ingin mewujudkan di tiap-tiap negeri satu yang dikatakan franchise village ataupun perkampungan franchise. Jadi macam manakah konsep ini hendak dilaksanakan dan di negeri manakah telah menerima tawaran ataupun membuat satu saranan kepada kementerian supaya diadakan franchise village ini di negeri mereka dan macam manakah konsep untuk mengadakan franchise village ini supaya mendatangkan hasil yang boleh menghidupkan industri francais ini. Kerana kalau kita lihat konsep yang ada sekarang sebagaimana Yang Berhormat dari Tambun sebut tadi Modenas, saya banyak melihat dan tahu sendiri perdagangan kalau kita ada satu item sahaja memang masalah. Kalau kita ada satu item sahaja hendak jual, orang tertentu sahaja yang hendak item itu sahaja pergi ke tempat itu. Kalau perkara itu berlaku dengan sendirinya kita tidak boleh membukakan banyak sangat outlet di satu-satu tempat. Umpamanya kalau Modenas hendak menjual motosikal, bandar seperti bandar Kuching, kita boleh buat dua, tiga outlet sahaja tidak boleh lebih dari itu. Kalau satu sahaja Modenas punya produk motosikal Kriss sahaja tetapi kalau Modenas outlet dibenarkan juga menjual motosikal-motosikal lain

kemungkinan kita boleh mengadakan beberapa buah outlet di seluruh pekan ataupun bandar kecil seperti Kuching umpamanya supaya orang yang pergi ke kedai itu ada choice untuk memilih mana satu motor yang hendak dia beli.

Jadi begitu juga dalam konteks franchise village ini. Kalau franchise village ini tidak dipelbagaikan penjualannya mungkin tidak mendatangkan satu attraction kepada sesiapa yang datang. Walaupun ada di negara-negara lain kalau kita lihat salah satu daripadanya saya melihat sendiri di New York ada satu tempat, saya lupa nama tempat itu, dikatakan nama tempat itu ialah factory outlet, Woodbury Park.

Di Woodbury Park itu macam-macam kita boleh beli daripada Christin Dior, apa benda sahaja, ada benda yang high quality product daripada factory-factory di seluruh kawasan di New York ada juga benda-benda yang low quality, sampai kepada benda-benda reject daripada factory-factory tertentu ada dijual di situ. Tempat itu cukup besar macam satu bandar, kalau kita hendak pergi ke sana naik kereta makan masa sejam lebih baru sampai. Jadi kalau konsep sedemikian kita buat ada kemungkinan kita boleh bangunkan franchise village ini bukan sahaja untuk pedagang franchisor, franchisee ini melaksanakan perdagangan mereka tetapi juga membuatkan satu tempat menjadi satu kawasan tarikan perlancong. Jadi di samping membuat bisnes juga membuatkan satu tempat menjadi satu pusat tarikan pelancong dari luar kawasan sama ada dalam ataupun luar negara. Kerana macam Woodbury Park memang ramai orang sampai berduyun-duyun dari pagi sampai ke petang kerana dapat membeli benda yang jauh lebih murah daripada tempat yang lain. Walaupun kalau difikirkan dari segi minyak dan sebagainya bukan murah sangat tetapi harganya murah. Jadi konsep village ini saya harap pihak kementerian kalau betul-betul hendak dilaksanakan hendaklah dikaji dan siapa mereka yang boleh dijemput masuk terlibat dalam perdagangan di sana dan perdagangan itu tidak melibatkan sewa-sewa yang begitu mahal dan tinggi

sangat oleh kerana di Woodbury itu tempat dia bukan elok sangat, bangunannya bukan canggih sangat tetapi cukup memuaskan. Jadi tidak payah hendak buat tempat macam di Mines atau Sunway tapi cukup sekadar yang boleh kita menggunakan sebagai tempat penjualan.

Tuan Yang di-Pertua, franchise ini adalah bisnes yang belum lama di negara kita, mungkin lima atau enam tahun, membangun dengan begitu cepat dan banyak masyarakat kita terlibat di dalamnya dan dalam keadaan yang sama kerajaan telah membuat undang-undang yang dibawa ke Dewan pada hari ini untuk menentukan perjalanan industri franchise ini dengan baiknya. Tetapi di samping kita menjalankan undang-undang ini supaya industri ini menghalu kepada arahan yang betul, saya berharap pihak kementerian tidak menggunakan rigid control kerana takut benda ini akan membantutkan kemajuan industri yang kita hendak majukan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Bukit Mas.

12.53 tgh.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengucapkan tahniah khususnya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan oleh kerana dapat membentangkan Rang Undang-undang Francais 1998 yang saya rasa pada setakat ini adalah satu masa yang baik dan sesuai untuk rang undang-undang ini dibentangkan. Memandangkan keadaan ekonomi di negara kita di mana syarikat-syarikat gergasi ataupun syarikat-syarikat yang besar sekarang ini oleh kerana kegawatan ekonomi sedang menghadapi beberapa masalah dengan itu tepat dan kena pada masanya supaya kementerian dapat mengalih semula lagi ke satu masyarakat khususnya usahawan-usahawan kecil ataupun dengan izin, middle level businessmen. Oleh kerana di dalam negara kita ini kalau kita kaji secara terperinci peranan usahawan-usahawan dengan izin, middle level businessmen ini memang begitu

penting dari segi membantu ekonomi negara dan oleh kerana itu saya rasa secara peribadi saya menyokong penuh perbentangan rang undang-undang ini.

Di dalam sistem perdagangan franchise kita telah difahamkan tadi beberapa masalah yang kita sedang hadapi sekarang ini dan harapan kita supaya rang undang-undang ini dapat memperbaiki keadaan-keadaan ataupun kelemahan-kelemahan yang kita hadapi sekarang di dalam industri franchise ini. Misal kata dari segi masalah-masalah mengenai pentadbiran ataupun pengurusan baik di peringkat franchisor dan franchisee dan juga tanggungjawab franchisor ataupun syarikat induk untuk membantu franchisee baik dari segi mengurus ataupun menjalankan tugas seharian supaya, misal kata dari segi kualiti barang-barang ataupun produk-produk yang dipasarkan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa. Selain daripada itu masalah dalaman misal kata dari segi perjanjian ataupun kontrak yang ditandatangani di antara franchisee dan franchisor seharusnya dapat dikawalkan khususnya dengan adanya rang undang-undang ini yang memberi banyak kuasa kepada Menteri dan juga pendaftar-pendaftar tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, saya bersetuju dengan beberapa hujah yang diutarakan oleh rakan daripada Tambun dan Bukit Mas, saya cuba tidak mengulangi perkara tersebut tetapi secara ringkasnya saya ingin supaya Kementerian Pembangunan Usahawan betul-betul mengkaji bagaimana kementerian ini dapat membantu ataupun mengembangkan usahawan middle class di seluruh negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa yang diperuntukkan untuk sidang sebelah pagi sudah cukup nanti sambung sebelah petang. Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mas, sila sambung.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyebutkan beberapa perkara yang harus diambil kira dari segi pengurusan modal dan lain-lain perkara yang juga disebutkan oleh Yang

Berhormat dari Tambun dan Batang Lupa. Kali ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara supaya Dato' Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan atau jawapan. Yang pertama, iaitu, setakat ini selepas program francais ini dijalankan di negara kita, berapakah syarikat yang boleh dikatakan berjaya di dalam bidang ini yang boleh diiktirafkan sebagai syarikat tempatan yang dapat diperkembangkan di negara-negara jiran khususnya di negara ASEAN. Dan daripada syarikat-syarikat tertentu berapakah syarikat yang dimiliki oleh golongan kaum bumiputera.

Saya ingin bertanya soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya rasa sebagai wakil rakyat daripada kawasan di mana kebanyakan peratusan pengundi saya adalah kaum bumiputera, ini adalah satu cara yang baik untuk membantu golongan kita khususnya masyarakat bumiputera untuk menceburi di dalam bidang perniagaan iaitu melalui sistem perdagangan francais dan sekiranya setakat ini tidak ada syarikat bumiputera yang boleh diiktirafkan sebagai syarikat yang boleh bersaing dengan negara-negara jiran, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan atau kementerian untuk membantu syarikat-syarikat tertentu. Kita tidak mahu mendengar ataupun tengok nama Kentucky Fried Chicken ataupun Merry Brown selama ini oleh kerana saya ingin ataupun kita di Malaysia ingin tengok nama asal misal kata Sate Kajang. Kalau nama-nama yang lain itu Kentucky Fried Chicken, Merry Brown itu berasal atau berupa, dengan izin, little bit foreign.

Yang kedua, setakat ini berapakah syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti ataupun diiktirafkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang boleh melibatkan agensi-agensi lain seperti MARA, seperti SEDC dan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan sendiri juga.

Tujuan saya mengutarakan persoalan ini iaitu saya ingin tahu perkembangan ataupun rancangan kementerian pada masa akan datang supaya agensi-agensi kerajaan yang dapat membantu dari segi memberi bimbingan dan kursus ataupun seminar dari segi modal pusingan ataupun membantu dari segi menumpukan program francais ini memerlukan pertolongan ataupun kerjasama misal kata daripada MARA dengan tiap-tiap SEDC di seluruh negara khususnya di negeri-negeri tertentu. Kita mahu supaya program yang baik

seperti ini tiap-tiap agensi kerajaan ada matlamat masing-masing. Kalau boleh, oleh kerana Kementerian Pembangunan Usahawan ini adalah satu kementerian yang baru ditubuh dalam beberapa lama ini harus memainkan peranan penting ataupun diutamakan untuk memajukan golongan bumiputera middle class, dengan izin, dan semua agensi kerajaan yang lain seperti MARA, SEDC dan lain-lain yang dapat membantu dari segi meminjamkan modal dapat bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang ketiga, untuk memberi kesedaran bahawa program ataupun industri francais ini adalah satu cara perdagangan yang dapat dipertingkatkan khususnya di Malaysia oleh kerana keadaan iklim ekonomi (economic climate), dengan izin, itu memang ada di negara kita, telah dibuktikan oleh Dato' Timbalan Menteri tadi sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa Malaysia adalah satu negara yang sesuai untuk memperkembangkan program francais ini.

Salah satu cara untuk memberi kesedaran khusus kepada banyak golongan masyarakat bumiputera ialah melalui seminar ataupun mempromosikan pelbagai program yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan di sini saya ingin bertanya sejak ini ataupun dalam tahun yang lepas, berapakah kursus ataupun seminar yang dianjurkan oleh kementerian khususnya di beberapa tempat, supaya ditumpukan kepada negeri Sarawak, adakah seminar ataupun program untuk meningkatkan penglibatan bumiputera di bidang francais ini diadakan khususnya di negeri Sarawak. Kalau tidak, saya rasa mungkin Dewan ini dapat membantu kementerian untuk meluluskan ataupun memberi peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Usahawan oleh kerana kementerian ini begitu penting, Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini saya menutupprasmikan satu kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Saya begitu gembira sekali oleh kerana setakat kita mengalami beberapa masalah akibat kegawatan ekonomi, Kementerian Belia dan Sukan misal kata sampai ke hujung Sarawak, di kawasan Bukit Mas dapat menganjurkan seminar satu hari "Kempen Bela Negara". Selepas saya menutupprasmikan kempen ini saya menerima maklum balas. Sebetulnya

kementerian hanya memperuntukkan tidak lebih dari RM10 ribu untuk menganjurkan seminar dan seminar itu begitu penting untuk masyarakat setempat.

Oleh kerana itu saya rasa, kalau saya ingin bertanya secara terperinci, saya sebagai wakil rakyat kerajaan pun tidak rasa senang oleh kerana program francais ini kalau kita adakan di dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak orang tidak kenal ataupun belum merasai apa yang kita akan laksanakan. Inilah harapan saya dalam pertanyaan yang ketiga ini supaya dapat mempertingkatkan atau mempromosikan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan ada kaitan dengan perkara ini iaitu mengenai kadar fi ataupun dengan izin, the chargeable fees, saya rasa boleh dikatakan, mulai sekarang, oleh kerana kita ada satu kementerian yang dikhususkan untuk memajukan golongan usahawan bumiputera harus mengkaji kadar fi dengan izin, the chargeable fees yang dikenakan kepada franchisee-franchisee, misal kata franchisor mengenakan fi untuk franchisee dan sekiranya fi ini terlalu tinggi, selain daripada kos permulaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi, ada lagi fi yang kita berikan kepada franchisor, bermakna adalah satu beban.

Sekiranya fee itu adalah 5%, kalau margin kita 10%, 5% itu diberi kepada franchisor. Harus dikaji semula, oleh kerana kita ada kementerian yang khusus untuk membantu golongan bumiputra di dalam bidang ini kita ingin supaya banyak lagi golongan kaum bumiputra middle class, dengan izin, terlibat secara langsung di dalam kegiatan ataupun industri francais ini.

Tuan Yang di-Pertua saya benar-benar setuju oleh kerana ini adalah satu cara untuk menambahkan jumlah, dengan izin, degression of bumiputra in commercial and industrial community. Ini adalah salah satu cara kerajaan untuk membantu golongan bumiputra.

Yang kelima, iaitu melalui Rang Undang-undang ini kita difahamkan tadi, ditubuhkan satu unit di dalam Kementerian Pembangunan Usahawan

untuk mengawal dan melaksanakan beberapa peraturan dan membantu untuk mengembangkan industri francais di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju oleh kerana sekiranya kita tidak memberi tekanan kepada unit ini yang memerlukan tenaga manusia, memerlukan alat-alat dan lain-lain dan juga memerlukan peruntukan, saya setuju kalau terus sahaja diberikan peruntukan dan laksanakan apa yang dikehendaki oleh kementerian ini. Kita tidak mahu kementerian hanya mencadangkan dalam 2000 atau 2020 kita akan mengadakan satu matlamat misalnya 5,000 franchisee. Ini satu matlamat sahaja tetapi yang penting bagaimana kita dapat melaksanakan matlamat ataupun objektif untuk merealisasikannya, kita memerlukan tenaga, kita memerlukan unit ini dan harapan kita selepas unit ini ditubuhkan di dalam Kementerian Pembangunan Usahawan kerana saya sendiri telah melawat kementerian ini, saya setuju supaya unit ini dapat menggiatkan penglibatan golongan bumiputra middle class, dengan izin, dalam sistem francais ini. Misalnya kalau rakan saya tadi sebut mengenai ARASTU kelemahan dan kegagalan. Sebetulnya segala kegagalan dan kelemahan yang kita dapati dari syarikat yang lain menjadi satu pengajaran untuk kita dan harapan kita unit ini betul-betul dapat membantu bumiputra di manakah bidang yang dapat diceburi. Jangan sahaja kita mengambil peluang oleh kerana ingin berniaga, kalau kita tidak ada pengalaman dalam pengurusan, pada satu masa nanti akan merugikan bukan sahaja kita tetapi juga masyarakat kerana peluang yang diberi kepada kita sebetulnya harus diberi kepada orang lain yang layak dapat menerima peluang itu. Harapan saya juga supaya unit ini betul-betul mengkaji beberapa kelemahan yang sudah kita bincangkan tadi daripada beberapa Ahli Parlimen di sini dan harapan kita juga agar unit ini dapat memperuntukkan setiap negeri di seluruh negara ini, misalnya kalau matlamat kita ingin membangunkan 5,000

franchisee di dalam tahun 2020, kita agihkan, berikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, misalnya 50 orang, negeri Sabah 50 orang.

Kita tidak mahu tujuan kerajaan yang begitu baik tidak dapat diserapkan di merata tempat di negara kita ini. Ini adalah harapan saya dan kita juga ingin bertanya adakah satu unit yang dapat mengembangkan program francais ini ditubuhkan di negeri Sarawak atau tidak, kalau tidak saya mohon kerana di Sarawak juga mungkin penyertaan golongan bumiputra harus diambil kira, oleh kerana di sebelah sana kebanyakan bumiputra melibatkan diri dalam perniagaan, dengan izin, at the lower level oleh kerana industri-industri pembalakan dan industri-industri yang besar itu kebanyakan dimiliki oleh golongan bukan bumiputra. Oleh kerana itu tekanan dan tumpuan daripada kerajaan khusus kepada golongan bumiputra, harapan saya dapat dipertingkatkan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan melalui unit yang ditubuhkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan harapan saya kelima-lima perkara yang saya bangkitkan tadi, saya benar-benar inginkan jawapan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yan.

2.48 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang nampaknya begitu serius untuk mewujudkan perniagaan francais di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah mungkin satu perniagaan ala baru dalam peruncitan, di mana sistem francais ini lebih kemas, lebih tersusun dan teratur. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kementerian akan mengadakan 'win-win system' ataupun sistem keuntungan kedua belah pihak dalam segi franchisor dan franchisee ini kerana kadang-kadang kita dapat lihat

seseorang itu terlibat di dalam bidang perniagaan ini seperti yang disarankan oleh rakan-rakan saya tadi iaitu melibatkan modal yang besar dan perniagaan ini adalah wajar disebabkan oleh sistem yang diwujudkan ini memudahkan. Contohnya, kalau seseorang itu ada sedikit sebanyak basic dari segi perniagaan maka mereka telah boleh melibatkan diri di dalam bidang perniagaan francais ini kerana sistem telah dibentuk begitu rupa yang kita perlukan hanyalah outlet yang betul, pengurusan yang tersusun dan juga pasaran yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita bimbang ialah kebanyakan barang-barang yang wujud dalam sistem francais di Malaysia ini adalah barang-barang daripada luar negara. Kita dok riuh-rendah cerita guna, makan, pakai barang tempatan tetapi ayam yang dipelihara di Yan dijual di Kentucky outlet harganya mahal. Tiga ketul RM6.00 kita beli ayam di Yan seekor RM3.00 boleh makan sekeluarga. Jadi yang ini pun kita kena lihat juga jangan kita biar mereka letak harga ikut badan. Kalau mereka kata Kentucky Fried Chicken, Kenny Rogers, apa salahnya kalau kita kata 'Ayam P.Ramlee', itu nama bintang filem kita yang teragung 'P.Ramlee Fried Chicken' ataupun 'Jins Shamsuddin Apom' atau apa pun. Kita agungkan benda-benda yang wujud di dalam negara kita selain daripada kita hari ini dok banggakan Kentucky Fried Chicken malah 'bapa Kentucky' datang ke Kuala Lumpur begitu ramai orang mengerumuninya, setakat janggut putih, rambut putih ini di Malaysia pun ramai. Ahli Dewan Rakyat kita rambut putih pun berapa orang.

Jadi kita mengagung-agungkan, membesar-besarkan barang-barang makanan, barang-barang keperluan daripada negara asing, kemudian bila keuntungan difrancais ini depa bawa balik. Pengurusan kita buat di sini, perniagaan kita buat di sini, keuntungan dikaut oleh syarikat-syarikat Barat. Tapi kita dok marah orang Barat. Ayam kita dok kekah juga ayam depa. Jadi inilah kita kena fikirkan. Saya minta pihak kementerian mengkajikan sesuatu

francais nak masuk ke Malaysia ini perlu dikaji dengan lebih mendalam supaya ia mendapat manfaat jangka masa panjang atau tidak kepada rakyat Malaysia dan Malaysia itu sendiri. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita akan menjadi hamba depa sajalah.

Ayam Kuala Lumpur yang dibuat di Kuala Lumpur orang tak makan kerana pertamanya kurang mendapat sambutan disebabkan mungkin dari segi pasarannya, kedudukannya tidak begitu sempurna dan tertib tetapi Kentucky Fried Chicken, Mc Donald – Mc Donald itu bukan susah sangat, Tuan Yang di-Pertua, bakar roti bubuh daging di tengah, bubuh tomato dengan timun, tuang sikit cili sos, tokaklah. Tapi Mc Donald, budak-budak dok dalam ndoi pun reti dah Mc Donald sebab mak tu tengah mengandung pun dok makan Mc Donald lagi, dah tu mana anak tak reti. Cuba kita gunakan francais-francais ini, francais ini pada pandangan sayalah, Tuan Yang di-Pertua kedai sayur boleh difrancaiskan, kita jadikan macam green corner di mana corner-corner ini difrancaiskan, disusun dengan elok ataupun kita kata buah-buahan - yang ni FAMA sedang merancang nak buat, Tuan Yang di-Pertua, adakan green corner. Kalau ikan pun ada sistem francais.

Di negara-negara maju, Tuan Yang di-Pertua ikan depa jual dalam supermarket besar-besar, duduk third floor, second floor dengan kedai-kedai lain tapi taklah hanyir macam market kita di sini. Bersih, terususun, ikan depa siang elok-elok dan sebagainya. Itupun francais sistem juga. Tapi tak diwujudkan di sini kerana kita ini celik-celik dah tengok hak yang orang putih bawa masuk. Jadi saya kira unit yang ditubuhkan ini perlu kaji juga. Bagi

pengarah unit ini orang yang reti berniaga, pegawai kerajaan yang reti berniaga, kalau tak reti berniaga pun susah buat kerja juga Tuan Yang di-Pertua. Kita cerita A dia kata B, last sekali yang A menanggung kerugian, B tengok saja, dia kata nasib, tak kacau kita.

Jadi yang inilah saya minta Unit ini bubuh pegawai-pegawai yang faham. Belanja sikit tak apa hantar dia pergi luar negeri, tengok francais sistem yang dibuat overseas, cara-cara mereka pasarkan, spare part pun dia pakai francais, gunting rambut pun francais. Sungguh, di Australia gunting rambut pun francais. Keluar mai rambut jenis tu sahaja, dia ada francais (*Ketawa*). Masuk kepala macam mana pun, keluar mai satu stail. Hak botak tak upayalah, Yang Tuan Yang di-Pertua, hak botak tu kena pakai baja rambut lebih Tuan Yang di- Pertua (*Ketawa*).

Jadi, lagi satu kita dok tengok francais yang ada ini, syarikat-syarikat ini dia dah bubuh harga dia. Kita katalah Deli France, pada hal benda itu, perkakas-perkakas dia itu boleh buat di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana negeri, murah saja, tetapi depa hendak sistem depa, alat depa dan sebagainya. Yang ini pun saya dok ingat tiap-tiap syarikat francais yang nak masuk ke negara Malaysia ini kementerian kena kaji, bagi peraturan-peraturan kepada dia, cara dia macam ini. Kalau dapur kita buat di Malaysia harga dia lima puluh ringgit, hak yang orang putih reka itu 500 ringgit, pasal apa, api nak keluar macam itu juga, Tuan Yang di-Pertua. Bukan guna jelaga, bukan kita nak bubuh arang, kita nak bubuh gas juga. Dia dok nak hak lubang keluar dua tiga gas, dia dok nak hak macam tu, pasal apa, ha ini cara dia. Sebenarnya dia nak ambil keuntungan, kemudian royalti pula. Setiap paha ayam Tuan Yang di- Pertua kita jual dia untung seduit kita kata. Kalau seorang makan tiga paha ayam sehari, dia untung tiga duit. Bukan dia buat apa, dia dok nun di Amerika. Setahun, dua tiga tahun sekali pak janggut tu turun mailah. Tunjuk kata kentucky, kita pun cuti bawa keluar anak-anak mai, nu, kentucky mai. Kolonel

apa? Kolonel Saunderskah padahal retired kolonel di Malaysia sedikit banyak, Tuan Yang di-Pertua. Siapa pun tak ambil berat pasal kolonel tu tak reti goreng ayam, bukannya susah sangat, tapi yang ni iklan.

Contoh, Tuan Yang di-Pertua, sate Malaysia dulu. Sate Malaysia dulu pasal apa orang tak makan, yang MARA buat dulu. Yang ini kita kena kaji balik di mana kegagalan dia. Padahal sate Tuan Yang di-Pertua, orang putih ni kadang-kadang dia tokak dengan lidi-lidi sate, punya dia syok makan, Tuan Yang di-Pertua. Yang kata orang putih ni bukannya cerdik, tapi dah kita dok tengok Mat Salleh-Mat Salleh, kita percaya padahal dengan lidi-lidi pun dia tokak orang putih ni. Saya tahu saya dok naik kapal terbang, dia tak order hak lain dah, dia dok nak satay Malaysia tu. Timun, bawang, dia kekah habis yang kata orang putih. Tapi bila kita buat francais di Malaysia tak berjaya, pasal apa banyak kedai sate dok ada, rata penjurong kedai dan sebagainya. Tetapi cuba pihak kementerian kaji balik sistem dia, kemudian kita eksportlah kita punya francais pula ke England, ke Amerika, ke Afrika, ke New York, kita hantar pergi. Contohnya kalau kita pergi ke London, Tuan Yang di-Pertua, kita nak carilah mee Malaysia, mee rebus, sate dan sebagainya. Kadang-kadang sebatang tu duit kita dekat

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan kepada Yang Berhormat Yan. Kita kagum melihat hujah-hujah beliau tentang francais ini. Saya nak bertanya sedikit, kegagalan Yang Berhormat sentuh tadi tentang produk-produk tempatan yang hendak difrancaiskan. Adakah kerana isu pemasaran, isu jenama, misalnya sate Malaysia mungkin salah satu sebab menyebabkan ia tidak berjaya oleh kerana nama itu tidak ada, yang kita terkenal dan semua orang daripada jauh datang ialah sate Kajang. Dia pergi ke Kajang. Maknanya kalau nak francaiskan, francaiskan sate Kajang, bukan sate Malaysia. Saya nak bertanya oleh kerana kadang-kadang dari segi pemasaran kita itu memilih jenama satu produk itu kita

kurang menghayatinya dan juga kita kurang dari segi mengeluarkan peruntukan yang besar untuk memasarkan produk-produk kita. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' dari Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Memang dalam perniagaan ini jenama yang mustahak. Kadang-kadang baju itu dibuat di Simpang Empat, Yan saja tapi di Pendang pun ada buat, tau-tau dia bubuh cop Dunhil, Tuan Yang di-Pertua. Pakat pakai, depa nak iklan cop itu. Di Perlis pun ada kilang baju Tuan Yang di-Pertua, tapi kerana jenama itu. Jadi sebenarnya betul, kalaulah sate Kajang itu sudah popular, rata ceruk bila orang dengar sate Kajang orang akan pergi. Pasal apa? Mungkin sate dia itu bermutu, kuah dia tu lebih kacang dari minyak, jadi orang suka. Jadi kadang-kadang kuah sate ini Tuan Yang di-Pertua, kita celup sate ini naik minyak saja kacang pun tak lekat, jadi siapa nak makan sate macam tu.

Jadi kita kena promote, promosi ini important dalam perniagaan. Berniaga apa-apa pun, Tuan Yang di-Pertua, kena promosi. Yang itu kadang-kadang syarikat, Tuan Yang di-Pertua, iklannya lebih daripada benda itu. Kadang-kadang bukan ada apa saja, jadi yang ini mustahak. Bermaknanya saya nak minta kementerian di samping kita hendak lulus syarikat-syarikat luar masuk, hak dalam negara kita ini kita promotekan. Kemudian kalau kita pergi ke luar negeri, delegasi kita mengikut kerajaan ke, dengan Y.A.B. Perdana Menteri ke, dengan Menteri Perdagangan ke, kita bawa kita punya barang. Sate kita, bawa barang-barang dalam negeri kita, buka outlet-outlet kita.

MAS - penerbangan Malaysia ini saya nak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh macam naik kapal terbang hak duduk se belah depanlah, hak duduk se belah belakang dia bubuh air dalam botol, taruh-taruh macam tu saja. Hak duduk se belah depan, hak first class/business class Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dia bagi breakfast pun American breakfast. Apa salahnya kita serve nasi lemak, bubuh sikit dengan ikan bilis, dengan kacang

apa semua, ataupun roti canai segera pun bawa keluar bubuh kuah parpu atas itu Tuan Yang di-Pertua, hak inilah kita promote. Ini penerbangan kita pun dok promote makanan-makanan lobster hak orang putih saja. Jadi kalau kita sendiri tak boleh promote barang kita, kita dok harap luar negeri dok mai masuk Malaysia, bila dok boleh kita pertingkatkan foreign exchange kita? Kita pun nak perkenal juga kepada dunia what is satay. Mat Salleh ini Tuan Yang di-Pertua, makanan Mat Salleh Tuan Yang di-Pertua pun tahu depa makan sayur, depa makan daging, daging tawar heber, harap lada dengan garam saja, itu pun dia kata delicious. Kita bagi gulai terbeliak biji mata, sebab itu orang putih bila dia kena tomyam Tuan Yang di-Pertua dia bercakap bahasa Inggeris pun lebih laju. Hak botak tu merah kepala Tuan Yang di-Pertua, dia kena tomyam pedas.

Jadi tengok tomyam Tuan Yang di-Pertua, tomyam ini makanan Siam tapi Tuan Yang di-Pertua, datang ke Malaysia, pergi ke Chow Kit Road, rata cerok, tomyam, tomyam, tomyam, bukannya susah sangat tetapi pasal apa kuah pindang kita tidak boleh kita promote. Pasal apa asam pedas kita ini, kita tidak boleh promote. Jadi saya minta juga Tuan Yang di-Pertua kalau boleh Malaysia Airlines System, dia ada dia punya stesen di tiap-tiap negara, kita bukakan outlet Malaysia di situ di sebelah Penerbangan Malaysia punya Office sementara, buka outlet Malaysia perkenalkan makanan Malaysia kemudian kita buat sistem francais luar negara pula, barulah kita pun boleh promote barang kita yang ini kita tengok Tuan Yang di-Pertua benda-benda yang kita bawa masuk daripada Barat cukup mudah, bukannya susah sangat.

Makanan Jepun Tuan Yang di-Pertua, belut, di Kuala Yan bercambah belut, memang belut khasiat bagus kalau Tuan Yang di-Pertua makan belut, Allah, dia 'terkedik' [*Ketawa*]. Ini saya cerita betul ni. Tidak percaya buat sup belut, makan sup belut macam mana.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, dia gunakan bahasa yang kami tidak faham. 'Terkedik' saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa baku tu ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 'Terkedik' ni Tuan Yang di-Pertua, kalau bahasa Kuala Lumpur, fikiran dia ceria, dia syok macam tu. Pasal urat saraf dia elok. Belut ni boleh ganti viagralah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kita dok tengok banyak lagi benda-benda lain selain daripada makanan, barang-barang kita yang kita boleh buat francais, yang ini pihak kementerian kena kaji, sebenarnya francais ini peruncitan, outlet, macam kedai minyaklah, kena run kedai petrol kiosk, lebih kurang macam itu juga, Shell sudah buat lama, Esso, Petronas sudah buat. Cuma sekarang ini dia masuk dalam makanan, dalam alat-alat lain. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita kena

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua saya nak bertanya, ini satu saranan yang baik jadi saya hendak minta penjelasan yang lebih sedikit tentang Malaysian Airline ini, supaya mereka juga mempromosikan barang-barang makanan kita, kalau kita lihat, kita ambil kapal terbang yang ke Kuantan sahaja berikan kita sandwich dengan cheese, mengapa tidak diberikan makanan roti, pulut udang ke, goreng pisang panas dari Bagan Serai. Adakah Yang Berhormat mengambil kesempatan yang ada mengesyorkan supaya MAS mengambil ini sebagai tanggungjawab sosial, apa kurangnya makanan tempatan untuk dipromosikan, mengapa dipromosikan makanan Barat ini, sandwichlah, apa lagi, tidak dipasarkan makanan kita, kalau kita perlu ke airport restoran di sana, tidak ada juga restoran yang mempromosikan makanan dan buahan kita. Saya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat tadi setuju atau tidak. Ini Pengerusi FAMA kenalah kuat sedikit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang ni yang saya naik semangat Tuan Yang di-Pertua, kita tengok kalau kita pergi ke hotel-hotel lima bintang, kuih ketayap, Tuan Yang di-Pertua, kuih ketayap hak yang gulung bubuh kelapa dengan gula dalam di Parliament House pun ada, Parliament House, Dewan yang buat undang-undang pun ada kuih kampung, benda barangan Malaysia kita kena ada, Tuan Yang di-Pertua, kena ada syarikat-syarikat lain, kena megah, mewah menunjukkan makanan-makanan Malaysia, sebab itu Tuan Yang di-Pertua kita tengok di Malaysia, tapai, tetapi tapai jangan makan dalam kapal terbang, dia turun, turun melelong, kena tapai turun kapal terbang melelong. Macam pulut inti, apa salah kita promote pulut inti. Hak ini benda yang cukup orang suka dan saya percaya penuh, di Malaysia ni, Tuan Yang di-Pertua, kalau bercakap pasal makanan Tuan Yang di-Pertua, cukup nikmat Tuhan bagi sebab itu kita pergi hospital kita tengok penyakit lain, tidak ada, kencing manis, darah tinggi, jantung. Mana ada penyakit mati kurus kering, tiada, yang ada darah tinggi pasal apa makan tidak pantang daging dan sebagainya. Kencing Manis, gula macam-macam makan, kemudian jantung, kolesterol tinggi, mana tidak tinggi, ayam, daging, telur semua ada, tengok negeri-negeri lain, jiran-jiran kita Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang Presidennya gemuk, datang kepada rakyat seksa bukan main. Tengok Presiden Filipina hingga hendak jalan pun tidak larat Tuan Yang di-Pertua, rakyat kurus kering rata negara pergi mencari makan. Tidak ada rakyat Malaysia pergi merempat ke negeri orang, tidak ada. Jadi maknanya di Malaysia ini tentang makanan jangan susah, cuma cara kita hendak promote benda itu bagi bagus, yang ini pihak kementerian saya minta kaji.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat dari Yan, tetapi saya hendak tanya pendapat Yang

Berhormat, kadang-kadang bila makanan Melayu sudah terkenal, tetapi bila kita buat francais dia hilang, contohnya martabak Pak Din, dulu martabak Pak Din sebutlah di mana-mana sudah terkenal semuanya tetapi bila MARA ambil jadikan francais, martabak Pak Din menghadapi masalah dan nama Pak Din pun orang sudah tidak kenal. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat supaya apabila sesuatu makanan sudah terkenal macam Sate Kajang tadi, kita takut nanti bila francais Sate Kajang, nama Kajang pun orang terus lupa sebab sate Kajang terus hilang namanya. Jadi, mengapa benda ini boleh berlaku dan apa pandangan Yang Berhormat supaya nama itu tetap kekal apabila kita francaiskan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang ini senang Tuan Yang di-Pertua, minda kita, otak kita, 'Malaysia best'. Kita kena buat begitu Tuan Yang di-Pertua, dengan izin 'Malaysia boleh', makna boleh semua Tuan Yang di-Pertua, yang ini betul juga kita kena cek MARA, siapa Pengerusi MARA, tiada hari ini, kena cek balik. Betul ni, martabak Pak Din tu, nak kata Pak Din tak dan nak uli tepung, tak betul sangat, sekarang ini sistem baru dia boleh pakai mesin dan sebagainya. Jadi, kita kena cari cara, tetapi sekarang ni Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi supermarket-supermarket ada dah, karipap segera, roti canai segera, kuih pau segera pun ada, balik pi perangat, tau-tau kembang dah, tu dia. Jadi yang ni, benda kebanggaan kita boleh kita francaiskan, jadi saya hendak menyarankan kepada kementerian serius perkara ini bukan setakat benda-benda lain, makanan ini. Sebab makanan ini perniagaan yang paling laris, datanglah inflasi macam manapun Tuan Yang di-Pertua, makanan orang niaga tiada problem, tiada problem, kita nak makan, hidup nak makan, nak bagi sihat badan. Jadi yang ini pihak kementerian kena kaji, saya minta kita sekatlah hak luar-luar negara tu masuk. Macam Kentucky tu nama negeri di Amerika kalau tak silap saya, what's wrong with Kajang, Kajang is better of than

Kentucky dengan izin, and yet we are proud of Kentucky. I don't understand why.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, kita tengok, macam di Yan, yang popular di Yan ialah nira, nira ni antara tuak dan tak tuak. Todi, kalau ia masam, ia naik sikit jadi todi. Todi sudah tidak boleh, haram. Tetapi kalau minum nira Tuan Yang di-Pertua A1, dia kembangkan urat saraf. Kemudian rasa dia lebih baik daripada Coca-cola, lebih baik daripada benda-benda lain, cukup nikmat. Jadi kita kena promote benda-benda macam ini kita adakan nira corner. Green corner untuk vege. Kemudian kalau fruit, fruit corner, apa corner bubuh, pasal Melayu, Malaysia ni hendak nama sahaja. Kadang-kadang sebab itulah penyanyi kita nama Samiah tetapi dia bubuh Sam baru popular kalau bubuh Samiah orang tidak mahu. Itu fesyenlah kita Malaysia tidak apalah, hak nama kita bubuhlah, asalkan benda berjalan. Kemudian dari segi orang-orang yang hendak terlibat francais ini bagi sayalah perniagaan keluarga (family business) yang paling baik pasal kalau buka outlet dia, duduk semua orang yang nak pencen pun dia ada hadiah sikit, gratuity dapat sikit dia ambil satu-satu francais dia duduk di situ meniaga elok-elok dan sebagainya. Jadi lebih kurang perniagaan keluarga kerana peruncitan ini Tuan Yang di-Pertua dia lebih baik secara perniagaan berkeluarga.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian kalau seseorang itu datang kita kena kaji dia, dia tidak boleh jadi tauke duduk dalam bilik sahaja pasal dia hendak menjalankan perniagaan francais ini. Benda-benda ini dia kena serius dari segi pemasarannya. Sungguhpun pemasaran itu dibuat oleh syarikat induk tetapi dia sendiri pun kena buat juga kemudian pihak kementerian kalau hendak membantu, MARA dan sebagainya identifiedkan kawasan yang strategik untuk kita hendak berniaga. Kalau kita bagi dekat dia satu francais kemudian beri tempat yang tidak mendapat hasil jualan ataupun pasaran yang baik maka dia akan menanggung kerugian.

Saya bersetuju tadi dengan sahabat saya dari Tambun iaitu kadang-kadang modal keluar sampai RM100,000 atau RM200,000 tetapi berniaga tidak tentu lagi. Jadi, kapitalnya tinggi, kalau dia ambil pinjaman sudah tentu faedah dok jalan dan sebagainya. Jadi, lambat returnnya. Jadi, saya mengharapkan bahawa dari peringkat awal ini kita perkenalkan – kementerian identify dua, tiga jenis jenama yang boleh kita buat promosi yang baik di dalam negeri, kemudian kita eksport promosi kita ini ke luar negara. Kita pergi ke merata-rata negara – barat dan sebagainya. Kita pergi perkenalkan kepada mereka that we are the Malaysian and our food are the best food or product are the best product, tell the world, Tuan Yang di-Pertua, that we are the best in everything, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah dari segi – macam Yang Berhormat dari Tambun kata, saya bersetuju, peraturan itu jangan terlampau rigid, terlampau ketat sehinggakan apabila orang-orang kita hendak berniaga, dia tidak boleh, dia kontrol. Saya tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, macam kita tengok syarikat-syarikat makanan gergasi, contohnya saya hendak ambil Nestle produk, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat Nestle sudah besar di Malaysia, turnovernya di Malaysia billion of Ringgit. Hari ini dia jadikan Malaysia sebagai base makanan halal untuk dia eksport pergi ke negara-negara Arab, negara-negara Islam tetapi dia tidak tulis di situ nama jenama Malaysia, dia tulis di situ Nestle of Switzerland kerana Nestle ini asasnya di Switzerland sedangkan benda ini buat di Malaysia. Gunakan ‘halal’ itu untuk mendapatkan laluan masuk ke negara-negara Islam kerana orang tahu Malaysia ini sebuah negara Islam yang terbaik di dunia. Jadi, dia mendapat keuntungan dengan menggunakan jenama ini, jadi di sini pun sistem yang Nestle buat ini patut kita ambil iktibar, kita pelajari, benda-benda lain pun boleh kita gunakan dan Nestle bila dia sudah jadi besar, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok dari segi pengedar-

pengedar dan orang-orang dia bukan ada banyak sangat bumiputera, tidak ada kerana dia kontrol benda macam ini.

Jadi, saya berharap pihak kementerian jangan lepaskan benda ini, bila syarikat besar dari luar negara hendak masuk, kita yang atur dia, kita yang beri dia laluan, jangan dia atur sesiapa ikut suka dia. Kalau tidak kita akan rugi, Tuan Yang di-Pertua.

Dan satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tengok macam contoh senang sahaja, satu benda lagi saya lupa hendak beritahu, fasal orang kampung pesan suruh beritahu, 'copicinno', Tuan Yang di-Pertua, dari mana itialiankah kopi ini? Dari negara Barat, padahal 'kopi cap keris' dari Alor Star Tuan Yang di-Pertua, yang Ismail guru Quran dok buat itu – A1, Tuan Yang di-Pertua tetapi kerana tidak ada promosi dan sebagainya, tidak ada adunan dan sebagainya, maka 'copicinno' sekarang ini, budak-budak Darjah Enam pun mengerti, masuk-masuk dia hendak 'copicinno', kita pun naik terkejut, kita pun dok minum kopi O sahaja di sebelah kampung sana.

Contoh, nasi lemak – tadi saya bincang dengan ahli dari Pokok Sena. Nasi lemak yang Giant buat itu bukan sedap mana, hak yang Pak Man buat di Pokok Sena itu lagi sedap tetapi kerana tidak ada promosi daripada kawan ini, maka produk ataupun benda-benda kawan ini tidak dipasarkan dengan baik.

Jadi, saya gulung, Tuan Yang di-Pertua bahawa yang pentingnya di sini dari segi pemasaran kita kena pastikan dan kalau orang luar masuk, kementerian kena siasat juga sama ada benda ini boleh dipasarkan di Malaysia ini ataupun tidak, jangan misal kata orang beri francais, kita ambil kemudian kita keluar modal RM100,000 atau RM200,000 – terbenam, mati dan berniaga tidak ada! Yang ini pihak kementerian kena tolong satlah sementara kita boleh berdiri atas kaki sendiri.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, modal – kaji balik syarikat-syarikat francais luar negara yang masuk ini sama ada modal yang mereka tetapkan itu logik ataupun tidak logik, boleh atau tidak boleh diterima. Jangan kita ikut sebarang – kita ikut apa dia hendak, kalau dia kata RM200,000; RM200,000, kalau hendak RM500,000; RM500,000 kerana kita merasa mereka ini besar. Sebenarnya bukan taras mana pun mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Dan yang ketiganya pastikan orang-orang yang hendak menjalankan perniagaan francais ini orang-orang yang betul-betul hendak berniaga. Saya hendak mencadangkan, kalau boleh, banyak student kita di luar negara, Tuan Yang di-Pertua, yang masa pergi belajar mereka bekerja dengan syarikat-syarikat ini di luar negara. Macam Yang Berhormat dari Pokok Sena, dia beritahu kepada saya dia biasa bekerja di Kentucky – berniaga menjual ayam dahulu, setahun setengah. Tidak tahulah dia goreng ayamkah, dia makan ayamkah, dia buat apakah tidak tahu tetapi mereka ada pengalaman ini. Why not zaman ekonomi kita meleset ini, students yang keluar universiti dari luar negara balik berniaga, pergi berniaga di merata ceruk, cuma beri bersih, elok dan sebagainya. Benda-benda yang boleh kita ambil, kita ambil, Tuan Yang di-Pertua daripada Barat. Yang tidak boleh kita bubuh sebelah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian akan dapat memberi peluang ini juga melalui dewan-dewan perniagaan, Tuan Yang di-Pertua – identify melalui dewan-dewan perniagaan supaya peluang-peluang ini dapat disalurkan kepada ahli-ahli dewan supaya mereka dapat melibatkan diri dalam sistem berniaga francais ini kerana bagi saya sistem ini adalah satu sistem yang cukup baik dan saya juga difahamkan Tuan Yang di-Pertua sebelum saya terlupa, kita hendak wujud – saya difahamkan, saya baca dalam surat khabar hendak wujudkan franchise city. Jadi, saya harap franchise city ini akan menjadi kenyataan. Saya difahamkan di Selangor sudah ada, di Seberang Perai, Pulau Pinang kalau tidak silap saya akan wujud franchise city. Jadi, kita

hendak tengok franchise city macam mana fasal di setengah-setengah negara, Tuan Yang di-Pertua, mengurus mayat pun difrancais, Tuan Yang di-Pertua. Sungguh! Bukan saya melawak. Orang mati ini, beritahu sahaja orang mati, cukup hendak simpan pukol berapa, dia clear semua. *[Disampuk]* Ha, service funeral, mereka buat semua. Jadi, serba-serbi sekarang ini hendak francais, Tuan Yang di-Pertua. Wasiat pun sudah francais sekarang ini, sungguh! Benda ini mungkin lucu tetapi betul – dia francaiskan semua. Jadi ada banyak peluang dari segi francais ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu.

3.22 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik langkah kementerian menggubal dan membentangkan Rang Undang-undang Francais 1998 di dalam Dewan ini untuk dibahas dan diluluskan. Walaupun terlambat, namun rang undang-undang yang akan mengadakan peruntukan untuk pendaftaran dan mengawal selia francais dan hal-hal berkaitan dengannya wajar dikuatkuasakan memandangkan perniagaan sistem francais semakin berkembang di negara kita.

Setakat ini Malaysia sudah mempunyai 2,500 rangkaian perniagaan francais seluruh negara daripada 202 jenis perniagaan dengan 60 syarikat franchisor dan 382 franchisee membabitkan syarikat-syarikat luar negeri atau antarabangsa yang meliputi dari segi makanan, perkhidmatan, komputer malah pendidikan juga terlibat dengan francais – bidang yang baru berkembang dalam tempoh 10 tahun ini bukanlah boleh diceburi oleh sebarang orang atau individu yang memerlukan modal yang agak besar berbanding dengan perniagaan lain. Jika jualan langsung tidak mengkehendaki pengedar bebasnya menyediakan modal yang besar tetapi perniagaan francais memerlukan franchisee menyediakan modal besar.

Saya difahamkan sehingga kini seramai 22 franchisee telah mendapatkan pinjaman berjumlah RM5.64 juta dari tabung pembiayaan usahawan kecil dan skim pembiayaan francais dan yang lainnya bermodal sendiri. Perniagaan francais memerlukan ilmu pengetahuan kemahiran tinggi. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kementerian hendaklah memperluaskan produk tempatan dan jangan terlalu bergantung kepada produk asing.

Saya difahamkan setakat ini kementerian telah mengenal pasti 200 produk tempatan dan daripada jumlah itu, 60 produk sahaja yang berdaftar untuk mendapatkan lesen franchisor. Sesuai dengan kempen membeli barangan Malaysia sebagai satu usaha negara untuk keluar daripada krisis ekonomi, maka produk Malaysia tidak kurang hebatnya. Produk asing banyak bergantung kepada keberkesanan iklan masing-masing. Maka, cara yang sama iaitu memperhebatkan pengiklanan tempatan hendaklah dibuat supaya produk tempatan lebih digemari oleh para pengguna kita. Mengapa para pengguna lebih tertarik dengan produk asing sedangkan produk tempatan kurang sambutan dan banyak bergantung kepada perspektif pengguna kita sendiri. Perniagaan francais boleh dibangunkan dan dikembangkan di kawasan-kawasan lain jika kementerian turut membantu membuat promosi besar-besaran.

Masalah perniagaan franchisee ialah terpaksa bersaing dengan para peniaga lain dalam sesuatu kawasan. Franchisee yang tidak cekap atau lemah pasti menerima nasib malang – gulung tikar perniagaan mereka. Memilih strategi yang baik dan kurang atau tiada persaingan produk serta perkhidmatan yang memuaskan menjadikan perniagaan franchisee itu maju. Oleh itu pendedahan latihan dan pengalaman merupakan syarat asas untuk berjaya dalam perniagaan francais.

Kementerian dan Persatuan Francais Malaysia hendaklah berusaha menambah lagi bidang yang boleh difrancaiskan selain daripada 202 jenis

perniagaan, seperti menambah lagi produk barangan yang boleh dipasarkan, perkhidmatan pendidikan seperti yang terdapat sekarang, Smart Wash perniagaan cucian kering, Hijau Network yang memfrancais bidang Internet dan lain-lain memang menarik.

Tidak terkecuali ialah pendidikan yang mana IPTA di negara kita sedang mengorak langkah untuk memfrancais produk pendidikan mereka seperti yang dibuat oleh ITM. Malangnya francais pendidikan tinggi menyebabkan para pelajar dan ibu bapa terpaksa memikul bebanan kos belajar yang tinggi. Jadi langkah memfrancais pendidikan tinggi tidak akan mencapai matlamat jika ia akan membebankan para pelajar. Barang kali inilah sebab pertelagahan berlaku sama ada wajar atau tidak IPTA difrancaiskan. Pada asasnya sungguhpun IPTA ataupun IPTS merupakan tanggungjawab Kementerian Pendidikan tetapi apakah ia memerlukan kebenaran kementerian ini untuk menjalankan francais. Saya harap kementerian dapat memberikan penjelasan.

Rang undang-undang mengarahkan peruntukan francais asing seperti dalam Fasal 54 dan Fasal 55 memanglah kepakaran mereka masih diperlukan dalam negara kita dan jenama mereka diterimapakai di seluruh dunia tetapi disesuaikan dengan kehendak negara. Kementerian hendaklah mewajibkan francais asing menggunakan bahan mentah sepenuhnya dari Malaysia sendiri. Adalah tidak bijak menggunakan bahan mentah yang diimport sedangkan dalam pasaran tempatan ianya boleh diperolehi misalnya francais pizza. Ia dibuat menurut selera rakyat Malaysia bukan selera orang Barat. Selain daripada itu kita lihat francais makanan jenama McDonald yang sangat laris di Malaysia mempunyai sejarah yang sangat menarik. Untuk mendapatkan francais, perintisnya terpaksa melepasi ujian ketat yang franchiser di Amerika Syarikat mengalahkan pemohon atau peserta lain dari negara ini. Ini

menunjukkan mereka mementingkan mutu produk dan perkhidmatan yang tinggi kepada para pelanggan.

Hal yang sama patut juga disediakan kepada francais produk tempatan. Standard dan mutu yang tinggi hendaklah dipertahankan. Apa yang menarik dalam perniagaan francais ini ialah ia mengundang kemasukan broker francais. Apa yang saya faham tentang 'broker' ialah orang tengah yang mencari business bagi pihak franchisor yang akan diberi balasan fee pembrokeran yang tertentu. Selain daripada bidang perniagaan dan bidang kewangan lain yang memerlukan khidmat broker atau ejen dengan syarat dan kelayakan tertentu. Maka saya percaya broker francais juga perlu diwajibkan melepasi syarat dan kelayakan tertentu. Kita tidak mahu industri ini dipenuhi broker 'atas angin' yang mencari keuntungan tetapi gagal memberikan perkhidmatan yang baik.

Apa yang saya anggap kurang menarik dalam rang undang-undang ini ialah Fasal 14 – Pendaftaran broker Francais, Fasal 26 – Maklumat rahsia dan Fasal 27 – Larangan terhadap perniagaan serupa. Fasal-fasal ini menyebut bahawa baik broker, franchisee atau pekerja mereka tidak boleh menyebarkan maklumat sulit atau membuat perniagaan yang sama dalam tempoh dua tahun selepas francais ditamatkan. Jika ia berbuat demikian, ia menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang. Ini bererti sesiapa yang telah tamat perjanjian francais dengan franchisor tidak boleh membuka jenis perniagaan yang sama dalam tempoh dua tahun selepas perjanjian francais habis tempoh atau ditamatkan lebih awal. Ini menghalang hak orang lain membuka perniagaan. Sungguhpun ia bertujuan melindungi kepentingan franchisor tetapi ia menutup peluang orang lain untuk berniaga dalam tempoh yang begitu lama. Tempoh ini patut dikurangkan menjadi satu tahun sahaja, lagipun franchisee yang tamat tempoh mereka boleh membuat perniagaan atas nama yang lain walaupun produk atau perkhidmatan yang sama. Apakah cara ini juga bertentangan dengan undang-undang? Oleh itu dalam rang undang-

undang ini perlu diberikan tafsiran yang jelas mengenai perniagaan serupa jika tidak franchisee terdedah dengan tindakan mahkamah dan mahkamah akan menafsirkan perniagaan tersebut.

Oleh itu supaya perniagaan francais ini berkembang dengan sihat dan menguntungkan franchisor perlu menetapkan lebih awal kawasan operasi dalam satu-satu tempat. Ia adalah untuk mengelak saingan sesama sendiri dalam kawasan yang berdekatan. Tambahan pula pesaing-pesaing jenama lain telah pun memberi tekanan kepada sesuatu francais ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

3.27 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Francais bagi tahun 1998.

Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian kerana telah mengemukakan satu Rang Undang-undang Francais kerana ini penting dan sudah semestinya untuk membangunkan usahawan-usahawan bumiputera. Kalau kita lihat dari segi rancangan Malaysia di mana satu pendekatan telah diusahakan dan dilaksanakan untuk menggalakkan usahawan-usahawan bumiputera, saya yakin bahawa dengan pembentangan rang undang-undang ini ia merupakan satu lagi strategi kerajaan untuk meningkatkan lagi pembangunan usahawan-usahawan bumiputera.

Saya hendak bertanya sedikit sebelum pergi khusus kepada rang undang-undang ini. Dari segi pembangunan usahawan bumiputera saya hendak

bertanya sedikit kepada kementerian, setakat mana kejayaan kita sekarang ini? Dahulu semasa suasana ekonomi kita tumbuh dengan baik 8%, 9% pada ketika itu pun kita menghadapi masalah untuk mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera pada jumlah yang besar. Kita sudah ada kejayaan dan kita nampak sudah ada satu visible presage, dengan izin, satu kejayaan yang nampak umumnya orang Melayu sudah boleh menceburi industri perniagaan. Orang Melayu sudah boleh menjadi pengusaha, bumiputera tidak lagi tertinggal dalam ekonomi-ekonomi yang tradisi seperti pertanian, perikanan, nelayan tetapi sudah memasuki ekonomi moden ini seperti dalam industri-industri pembuatan.

Saya hendak bertanya, setakat ini apakah kejayaan kementerian sebab saya yakin bahawa kerajaan sendiri – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memandang serius tentang membangunkan usahawan-usahawan bumiputera ini. Oleh kerana itu diwujudkan khas satu kementerian untuk membangun dan memupuk pengusaha-pengusaha bumiputera.

Oleh kerana itu, saya hendak bertanya setakat mana kejayaan kita mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dengan kegawatan ekonomi sekarang ini, setakat mana ia telah memberi kesan negatif kepada usaha kerajaan itu? Kita banyak mendengar keluhan usahawan bumiputera dengan kemelesetan ekonomi ini, dengan peruntukan-peruntukan kerajaan yang dipotong. Tetapi alhamdulillah, baru-baru ini dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara ditetapkan tahap penukaran wang kita dengan duit Amerika, diturunkan faedah kepada kadar yang agak lega sekarang ini, ditambahkan liquidity,

kecairan dalam pasaran, selepas itu dipanjangkan NPL dari tiga bulan ke enam bulan. Alhamdulillah.

Tetapi setakat ini, saya hendak bertanya apakah kesannya, ada baiknya pelan pemulihan ini memberikan nafas baru kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Tetapi bagaimana pula yang lain-lain itu? Kepada pengusaha-pengusaha yang baru dua-tiga tahun yang lalu baru hendak berniaga, berusaha, tetapi dengan kegawatan ekonomi, pertumbuhan kita 5% pada tahun ini, bagaimana kesannya kepada pengusaha-pengusaha baru ini? Mereka ini sudah semestinya kerana baru, baru hendak berniaga. Modal yang ada pun masih kecil. Keuntungan bertahun-tahun dari simpanan mereka juga kecil. Pengalaman mereka dalam perniagaan juga baru. Teknologi yang ada juga mungkin tidak begitu tinggi. Apakah kesannya dengan kegawatan ekonomi yang ada ini. Saya minta sedikit kalau dapat kementerian berikan sedikit jawapan tentang perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi.

Berbalik kepada rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas. Seperti saya katakan tadi, dengan adanya strategi baru ini, iaitu dengan menggunakan francais – ini perkataan Perancis. Tidak ada bahasa Malaysiakah, perkataan ‘francais’ ini. Kalau ikut Yan tadi semuanya kita pakai perkataan luar, mungkin Dewan Bahasa kena gunakan perkataan Melayu kita. Tidak adakah? Memang ada, sebab kita terikut-ikut. Mungkin juga selain daripada perkataan Inggeris, cuba reka bentuk juga perkataan kita sendiri. Sebab saya rasa bahasa kita tidak kurang kayanya kalau kita betul-betul cari perkataan yang sesuai. Itu pandangan saya.

Yang keduanya, kita mengucapkan syabas dan tahniah kerana dengan ada strategi francais ini bahawa anak-anak muda yang semestinya yang baru hendak menerokai bidang perniagaan tidak ada apa hendak dijual, tidak ada produk, tidak ada yang hendak dibuat, hendak dikilang. Maknanya, tidak ada produk yang sedia untuk mereka menerokai bidang perniagaan. Yang

keduanya, kalau mereka hendak berniaga tidak ada teknologi, tidak ada kepakaran. Selalunya kalau pengusaha-pengusaha yang baru hendak memulakan perniagaan, dia tidak ada kepakaran, tidak ada teknologi. Ini perkara yang kedua.

Perkara yang ketiga, yang saya nampak penting dalam mewujudkan pengusaha-pengusaha bumiputera ialah marketingnya, pemasarannya. Dia tidak ada teknik pemasarannya, strategi pemasarannya. Kita telah lihat bagaimana syarikat-syarikat multinasional di dalam industri makanan, Kentucky Fried Chicken disebut oleh Yan tadi, dengan minumannya 7-Up, dengan Coca Colanya dan banyak lagi produk lain, kerana apa dia ada marketing network yang besar seluruh dunia, sebab itu dia boleh berjaya. Itu yang ketiga.

Perkara yang keempat mengenai kewangan. Ini juga merupakan satu faktor yang penting yang juga kadang-kadang bila berhadapan dengan pengusaha, mereka tidak ada peruntukan ataupun kekuatan kewangan. Oleh kerana mereka tidak ada modal, mereka tidak ada hubungan dengan pihak-pihak bank, ini juga merupakan masalah yang besar untuk menghalang mereka untuk menerokai bidang perniagaan. Dengan adanya sistem francais ini, saya yakin masalah produk ada. Yang memberi francais ada produknya. Dengan sistem francais ini ada teknologinya boleh diberi. Dengan sistem francais ini ada marketing network juga yang boleh diberi kepada anak-anak muda yang baru hendak menjual barang-barang mereka mengikut network yang ada. Saya yakin juga melalui sistem francais ini dia boleh juga berikan sumber atau kekuatan kewangan.

Atas empat dasar itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong satu usaha yang baik, atau empat perkara tadi melalui sistem francais ini ia ada produknya, ada teknologinya, ada network pemasarannya dan ada kewangannya. Kita minta kalau boleh dengan sistem francais ini dapat dilipatgandakan usaha kerajaan, khususnya kementerian untuk meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan

pengusaha-pengusaha atau usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Kita jaga juga kaum India, happy Deepavali. Kawasan pengundian saya juga ada 1,000 orang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam akta ini sendiri, saya hendak bertanya pihak kementerian sedikit, saya mengucapkan syabas sekali mengadakan peruntukan-peruntukan yang banyak, 1 hingga 61 peruntukan. Saya hendak bertanya pemberi francais ini selalunya gergasi belaka, besar-besar belaka. Yang hendak ditolong ini kerdil-kerdil belaka. Selalu undang-undang yang kita buat ia memihak kepada yang kuat, the law of the jungle selalunya. Saya hendak bertanya, ini mengenai masalah kawal selia ini. Isu yang kadang-kadang yang besar memakan yang kecil, macam ikan haruan makan anaknya. Sebelum dia kata hendak berikan francais, beri RM10,000 dahulu. Belum berniaga dia minta RM10,000 dahulu. Selepas itu dikenakan bayaran yang tinggi.

Saya melihat di sini bawah Fasal-fasal 13, 14, 19, 20, 21 yang mengatakan peruntukan bagi bayaran apa-apa fee, peruntukan Fasal 22 wang promosi, siapa menentu sama ada fee yang dikenakan itu fee yang adil, fee yang bukan yang besar mahu makan yang kecil, ini fee haruan. Sebab itu saya kata tadi dia hendak beri francais pendahuluannya besar-besar. Siapa yang menentukan sama ada keadilan ini wujud dalam pasaran? Selalunya kita dalam pasaran ini kita tahu dalam isu hedge fund, dengan izin, yang besar, the law of the jungle, yang kuat yang menentukan apa itu adil atau tidak. Saya hendak bertanya sama ada kawal selia francais ini, pegawai-pegawai yang bertugas, adakah mereka ini boleh memberikan pandangan sama ada kalau misalnya, selalunya francais ini dikenakan bayaran on sale jualan, untung tak untung dia mesti bayar, sama ada lebih sesuai hendak bayar francais mengikut keuntungan.

Kalau untung barulah dia bayar kepada tukang beri francais. Kita bimbang kalau fee yang dibayar itu berasaskan kepada turnover persale. Makna untung atau tidak untung yang tukang beri francais dia tidak peduli. Dia kata hang guna aku punya produk, hang guna aku punya logo, hang guna aku punya warna hang bayar, sama ada perniagaan francais tadi untung tidak untung dia tidak peduli.

Ini saya hendak bertanya sedikit kepada kementerian bagaimana hendak memastikan bahawa yang sebenarnya diwujudkan sistem francais ini untuk menjadi satu mekanisme atau platform untuk mewujudkan pengusaha-pengusaha yang baru bumiputera dan bukan bumiputera. Tetapi kalau nanti digunakan sistem francais, tidak ada satu pengawalseliaan, pengawasan agar fee-fee yang dikenakan tidak tinggi. Selepas itu ada lagi fee yang kedua marketing fee pula. Dia kata oleh kerana kamu menggunakan sedikit, tolong pasarkan jenama itu dia kata kena bayar 2%, 3%, untuk menggunakan itu 3%, untuk menggunakan pinggan mangkuk warna dia 3%. Sebelum apa-apa 10% turnover dia kena bayar kepada yang memberikan francais.

Saya tidak nampak di sini dalam Fasal 19, 20, 21, 22, 23 tidak nampak penentuan sama ada fee yang dikenakan itu adil atau tidak, lepas itu saya mengucapkan syabas juga, bagus alhamdulillah di sini bahawa kalau dikenakan satu yuran pemasaran tetapi diletakkan akaun yang khas, itu satu cadangan yang baik. Kadang-kadang wang itu digunakan bukan untuk marketing, tetapi wang yang dibayar oleh franchisee digunakan oleh 'emak franchisee' ini, 'bapa franchisee' ini untuk dia hendak beli kereta baru pula. Kadang-kadang perkara ini berlaku dan pernah kita dengar.

Yang keduanya, saya hendak bertanya juga adakah kerajaan akan mengeluarkan satu sistem structure franchisee yang tertentu, tidak ada pula kadang-kadang masing-masing memakai undang-undang masing-masing. Adakah kerajaan dalam industri pembinaan contract form, dia menggunakan

contract form Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) atau menggunakan contract document Jabatan Kerja Raya.

Saya hendak bertanya sistem francais ini adakah sistem francais yang digunakan itu sistem yang kita beri ataupun masing-masing boleh mengeluarkan sistem masing-masing, feenya adakah masing-masing boleh dikenakan jumlah masing-masing ataupun kerajaan kata 3% sahaja atau 2% sahaja, ataupun dia boleh caj 15%, kita hendak bertanya kepada kementerian, takut-takut nanti walaupun hajatnya baik, usahanya baik, nawaitunya baik, tetapi dari segi pelaksanaan nanti yang sepatutnya mendapat keuntungan, manfaat kepada yang kecil-kecil, tetapi akhirnya kita lihat nanti yang besar-besar yang mendapat manfaatnya dan yang kecil-kecilnya yang akan menjadi mangsa.

Satu lagi perkara sebelum saya menggulung iaitu dari segi pemasaran, saya hendak bertanya sedikit dari segi pemasaran. Bagaimana dengan pemasaran ini. Kita tahu bahawa marketing cost untuk memasarkan sesuatu produk yang baru memang mengambil belanja yang besar. Adakah dengan kerajaan, kalau nampak sesuatu produk itu baik yang difrancaiskan dan kalau untuk memasarkan sesuatu produk itu kos memasarkannya kita minta anak-anak franchisee yang membayarnya mungkin mereka tidak begitu mampu, adakah kerajaan sendiri bila melihat sesuatu produk itu baik, yang hendak bersaing, katalah sesuatu produk itu hendak bersaing seperti 'ayam goreng', tidak mungkin ia boleh apa franchisee pun. Tidak mungkin dengan siapa juga franchisee dapat bertanding dengan Kentucky Fried Chicken ini, yang mempunyai satu peruntukan pemasaran yang besar dan begitu juga kalau ada franchisee untuk minuman ringan, begitu juga tidak mungkin mereka ini akan bersaing dengan 7-Up, CocaCola, mereka ini mempunyai satu budget yang amat besar, kadang-kadang kalau mereka melihat satu pasaran seperti Malaysia yang produk-produk yang multinasional ini mereka sanggup rugi sesuatu

pasaran itu selama tiga atau lima tahun untuk mereka mendapat foot hole, dengan izin, dalam sesebuah negara.

Saya hendak bertanya sedikit dalam isu franchisee ini, sudah semestinya ia akan berhadapan dengan produk-produk multi nasional. Produk-produk yang dipasarkan oleh the giants dalam dunia. Saya hendak bertanya sama ada dari segi pemasaran produk-produk franchisee ini adakah kerajaan akan menolong membantu dari segi pemasarannya. Kalau kita hanya sekadar hendak francais sate Kajang, saya tidak nampak ia ada persaingan dari segi multi nasional, tetapi kalau produk-produk yang lain, ada kemungkinan ia akan bersaing dengan produk-produk multinasional sudah semestinya mereka ini tidak akan mampu untuk bersaing dengan keupayaan dari segi sumber kewangan, dari strategy marketing mereka.

Baru-baru ini di Sukan Komanwel kita, saya tidak nampak satu produk pun, saya tidak tahulah mungkin saya silap, produk tempatan yang ditaja, yang besar yang saya nampak, yang besar-besar multinasional yang menaja mungkin mereka tidak mampu untuk hendak mengeluarkan peruntukan yang besar.

Oleh itu saya hendak bertanya adalah penting dalam membangun francais ini dari segi pemasarannya mestilah betul, kalau pemasarannya tidak dikendalikan dengan baik, kita tidak mahu berlaku seperti apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi berkenaan dengan murtabak Pak Din tidak dipasarkan dengan baik, murtabak itu namanya kita tahu rasanya sedap dan lazat, tiba-tiba diambil dan bila hendak difrancaiskan, dia mati begitu sahaja, padam terus. Saya yakin dia padam ini kerana promosinya, kerana pemasarannya.

Baru-baru ini saya dimaklumkan ada sebuah fast food di Damansara, Italian food dalam masa ekonomi yang gawat begini, dia buat restoran networknya yang baru, dia jual makanan Itali. Tetapi makanan ini difrancaiskan dari Itali. Dia sanggup berniaga oleh kerana marketingnya baik,

dia pergi kepada anak-anak muda dan dia dapat membangunkan pertalian restoran ini, di Kuala Lumpur saya difahamkan ada lima diwujudkan dalam masa setahun sahaja. Sebab itulah saya hendak bertanya sedikit tentang pemasaran tadi, apakah strategi kerajaan nanti dan bila kita wujudkan dan melaksanakan akta ini, bagaimana kita hendak memastikan dari segi pemasaran itu akan berjaya sama ada kerajaan akan mengeluarkan sedikit peruntukan untuk memastikan kalau ada produk-produk tertentu ini francaisnya akan berjaya ataupun kerana kalau tidak dibantu, saya tidak yakin mereka ini akan berhadapan dengan jayanya dari usaha peruntukan yang besar yang dikeluarkan oleh produk multinasional.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak bertanya atau hendak berucap?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, di sini ada sedikit confusion dari segi soalan oleh kerana francais ini adalah perkara yang baru, kadang-kadang kalau perkara yang baru kita ada menghadapi masalah sedikit.

Jadi, saya tertarik dengan hujah-hujah Ahli Yang Berhormat Dato' dari Rompin, saya hendak bertanya dua perkara. Soalan yang pertama tadi ialah soalan kewangan. Saya memang telah mendengar dari pagi tadi semasa Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Yan dan Bukit Mas berucap, walaupun dari Bukit Mas banyak emas, dia juga menghadapi masalah, masalahnya ialah masalah kewangan terutama sekali di kalangan kaum bumiputera yang hendak melibatkan diri dalam business francais ini.

Kadang-kadang kalau kita melihat franchisor itu, dia meletak sendiri, inilah persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, siapa yang meletakkan cost franchise supaya dapat menjadi trader ataupun menjadi outlet ataupun menjadi franchisee kepada franchisor ini. Jadi, persoalan itu disoal oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, tetapi hakikatnya kos ataupun fees ini memang terpaksa dibayar setiap kali mereka mendapat franchise right untuk berdagang jadi outletnya memang dikenakan bayaran. Jadi, masalah kepada peniaga bumiputera ialah hendak mencari sumber kewangan untuk membayar kos ini. Kadang-kadang bukan semua, seperti Kentucky Fried Chicken yang RM180,000, RM150,000 umpamanya ada juga yang RM20,000, RM10,000 tetapi walaupun RM10,000 atau RM25,000, RM30,000 perkara ini masih terlalu tinggi ataupun terlalu mahal untuk masyarakat terutama sekali di kalangan bumiputera. Mereka mempunyai track record, mempunyai kemahuan dan mempunyai kemampuan membuat business outlet di luar-luar bandar ataupun di mana-mana tempat kawasan-kawasan bumiputera.

Jadi persoalannya di mana dapat wang ini? Di mana kita boleh dapat wang ini, pihak yang ingin berdagang ini mendapat sumber kewangan ini, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu tabung yang mungkin tidak ada faedah, tidak dikenakan faedah kepada mereka ini. Jadi kalau tidak ada kerajaan membuat satu tabung yang tertentu, persoalan saya dengan Yang Berhormat dari Rompin, adakah Yang Berhormat bersetuju, kalau pihak kerajaan membuat satu cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu ataupun korporat-korporat yang besar yang tertentu untuk mengadakan satu tabung untuk membiayai kos untuk membeli francais daripada franchisor ini agar mereka ini boleh dibantu daripada segi kewangan. Itu soalan yang pertama. Jadi saya ingat supaya Yang Berhormat boleh sekali gus menjawab nanti.

Soalan yang kedua, yang saya hendak tanya ialah satu masalah komunikasi. Pada masa sekarang orang yang tahu soalan francais ini ialah orang-orang bandar, orang-orang bandar yang memang sudah terlibat dengan business tetapi orang tidak kenal francais, Kentucky Fried Chicken (KFC) dan apa benda lagi yang dijual macam-macam, Merry Brown daripada francais juga.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ini berucap ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak, soalan ini panjang sedikit. Jadi persoalan saya, apakah cara untuk meluaskan penglibatan sampai ke luar bandar supaya maklumat-maklumat dan penjelasan-penjelasan boleh dibuat ke seluruh negara agar semua orang di negara kita ini bukan sahaja dari bandar tetapi juga di luar bandar mengetahui business of opportunity, dengan izin, dalam soal francais. Macam mana pandangan Dato' berkenaan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Cara Yang Berhormat Batang Lupar bercakap ini dia ini bukan sekadar bekas pegawai polis, nampaknya orang yang berniaga juga, cara dia bercakap. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, tentang pandangan beliau tentang dua perkara tadi. Pertama, tentang kos yang franchisee perlu biayai yang dikenakan oleh ibu francais tadi, yang tukang bagi francais. Saya setuju benar kadang-kadang pengusaha-pengusaha baru memang wang yang perlu dikeluarkan untuk membayar deposit kepada licence untuk mendapatkan francais itu kadang-kadang mereka ini memerlukan satu bantuan.

Di sini mungkin kementerian boleh timbang membawa MARA, pertolongan MARA ataupun PUNB. Saya yakin PUNB yang diwujudkan oleh kerajaan tidak lama dahulu sudah semestinya tujuan dia untuk memupuk dan membangunkan pengusaha-pengusaha bumiputera. Kalaulah industri francais ini sebenarnya merupakan satu peluang yang baik, peluang yang cemerlang

untuk membangunkan pengusaha-pengusaha bumiputera, mengapa tidak kerajaan meminta supaya PUNB merupakan rakan kongsi francais ini. Kita jangan lupa francais ini tidak semestinya kecil, ia mungkin besar, ia boleh menjadi besar. Mengapa tidak PUNB boleh menjadi rakan untuk membantu mereka dan kita juga bukan kurang dari segi dana-dana yang ada untuk membantu bumiputera. Mengapa tidak dana-dana yang ada ini dikendalikan ataupun diusahakan oleh kerajaan supaya pengusaha-pengusaha bumiputera dapat memohon daripada dana-dana ini.

Tentang memaklumkan kepada orang ramai, saya bersetuju dengan Batang Lular, kadang-kadang orang ramai ini dia kurang faham. Mereka mungkin ada minat tetapi mereka tidak tahu di mana diri mereka boleh mendapat maklumat, sumber maklumat untuk memasuki atau menyertai program-program francais ini dan apa produknya. Mungkin nanti bila jabatan akan ditubuhkan sudah semestinya untuk mengendalikan francais ini, ada baiknya mereka ini juga meminta atau bekerjasama dengan rangkaian-rangkaian yang ada. Rangkaian-rangkaian yang ada di mana rangkaian ini memang sentiasa ada hubungan yang baik dengan luar bandar seperti MARA, Bank Simpanan Nasional, banyak lagi network-network ASN sendiri yang ada network mereka dengan orang-orang di luar bandar. Tidak perlulah jabatan ataupun Bahagian Francais ini sendiri merujuk kepada pegawai-pegawai luar mereka, hanya cukup saya rasa mereka menggunakan network-network yang ada, hubungan-hubungan yang ada dengan agensi-agensi kerajaan yang tertentu seperti yang saya katakan tadi MARA dan badan-badan lain.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan, tadi saya sudah sebut tetapi untuk merumuskannya, pokoknya yang akan memulakan

memasuki sistem francais ini yang muda-muda belaka. Sudah semestinya apa yang ada kepada mereka ialah diri mereka sahaja. Kalaulah mereka ini sudah semestinya kurang dari segi modal, kalaulah kementerian melihat dari segi keupayaan mereka ada, tekunan mereka ada, dari segi intelek mereka ada dan kesanggupan untuk mereka berniaga ada, saya yakin dan saya mohon supaya kerajaan juga melihat supaya mereka ini dapat dijayakan dengan memberi bantuan-bantuan sama ada melalui PUNB ataupun badan-badan kewangan yang tertentu. Saya dengan ini memohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Machang.

3.55 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Francais bagi tahun 1998. Tuan Yang di-Pertua, bidang francais sebenarnya telah berkembang di negara kita agak lama tetapi tidak dalam satu bentuk yang dikawal dan dengan wujudnya undang-undang ini melalui Rang Undang-undang Francais 1998, kita berharap kita akan dapat mewujudkan satu sistem francais ataupun sistem perniagaan berbentuk francais yang lebih kemas dan teratur bagi menjaga kepentingan semua pihak sama ada pihak franchisor, franchisee ataupun pihak broker kepada francais ini.

Saya hendak membangkitkan beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan akta ini sendiri, melalui akta ini saya nampak ada dua bentuk produk yang boleh difrancaiskan dengan berkuat kuasanya akta ini. Satunya ialah produk yang dibuat di Malaysia dan diterima untuk di dalam atau luar Malaysia. Yang keduanya, produk yang dikeluarkan di luar Malaysia

tetapi diterima sebagai sistem francais di negara kita. Dengan kata lain, melalui Rang Undang-undang ini akan wujud dua bentuk francais yang akan diperniagakan di pasaran Malaysia iaitu satu produk yang berada di luar negara tetapi akan dipakai untuk sistem francais dalam negara kita. Yang keduanya ialah produk dalam Malaysia boleh diguna pakai untuk di Malaysia dan juga di luar negara.

Dalam kedua-dua perkara ini apa yang hendak saya tekankan, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya Rang Undang-undang ini mestilah dijadikan suatu pelengkap, iaitu suatu pelengkap untuk mengawasi sistem francais ini supaya ianya menjadi berkembang dengan lebih positif atau lebih baik lagi. Kita lihat bahawa sistem francais yang ada pada hari ini tidak mempunyai suatu peraturan dari segi undang-undang untuk mengawal kegiatan-kegiatan francais ini secara kemas dan teratur. Dan melalui akta ini kita berharap ianya akan mewujudkan satu sistem francais yang kemas dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya harapkan ialah pertama sekali kementerian mesti menggalakkan lebih banyak barang-barang keluaran tempatan untuk difrancaiskan. Pengeluaran barang-barang tempatan ini boleh jadi dalam bentuk produk makanan atau produk-produk yang sememangnya terkenal di negara ini. Misalannya produk makanan yang boleh kita ketengahkan di negeri-negeri Pantai Timur khususnya Kelantan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak produk makanan yang boleh kita jadikan satu bentuk perniagaan francais misalannya sambal daging dan berjenis-jenis kueh yang boleh dibuat oleh Kelantan dengan baik tetapi oleh kerana pada masa ini tidak ada suatu bimbingan atau rangkaian francais yang kemas maka produk-produk

seperti ini tidak dapat kita ketengahkan. Dan ada sebilangan besar produk-produk yang telah kita ketengahkan di negara kita tetapi oleh kerana kurangnya pengawasan dan kurangnya kesungguhan yang ditunjukkan oleh franchisor tadi, menyebabkan ianya mati di tengah jalan. Itu dari segi produk tempatan.

Dari segi produk luar negara pula, Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya cadangkan ialah kita tengok sekarang ini bahawa francais daripada luar negara yang hendak diperniagakan di negara ini mestilah menguntungkan orang-orang tempatan, mestilah dijadikan suatu batu loncatan untuk membimbing golongan-golongan peniaga kecil dan golongan peniaga menengah ini berkecimpung dalam bidang francais supaya ianya mendapat peluang yang lebih bagi menggalakkan mereka ini melibatkan diri dalam sekor ini dan kemudiannya melibatkan diri dalam sektor-sektor barangan pengeluaran yang baru.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya pihak kementerian kalau boleh dalam mengenakan syarat seperti yang telah dinyatakan di dalam akta ini sendiri bahawa pendaftar francais boleh mengenakan syarat-syarat. Dalam salah satu syaratnya ialah ekuiti pemegang saham dalam syarikat ataupun produk yang hendak difrancaiskan itu, terutamanya produk keluaran negara, dia mestilah menjaga kepentingan terutamanya golongan bumiputera supaya ekuiti pemegang saham mereka ini menggambarkan bahawa hasrat kerajaan kita untuk mewujudkan golongan 30% golongan bumiputera yang terlibat dalam perdagangan dan perindustrian tadi. Bukan kita hendak kata hendak beri syarat ketat supaya mereka mesti melibatkan 100% golongan tempatan, orang-orang tempatan, tetapi sekurang-kurangnya bahawa ekuiti pemegang syarikat tersebut mestilah sekurang-kurangnya mengandungi 30% penyertaan orang-orang tempatan.

Dengan ini barulah syarikat-syarikat besar ini akan dapat memberi nikmat atau kemudahan kepada penduduk-penduduk tempatan sendiri. Jika tidak, saya percaya bahawa akhirnya ialah orang luar juga yang akan mendapat keuntungan, kita orang tempatan tidak akan mendapat keuntungan daripada perniagaan francais ini kerana saya percaya oleh kerana di dalam akta ini diperuntukkan bahawa sesuatu perjanjian francais mesti berlangsung dalam tempoh paling tidak lima tahun. Dan ada restrain of trade, dengan izin, bahawa seseorang franchisee yang menerima francais dalam tempoh berlakunya perjanjian tadi selama lima tahun atau ditamatkan lebih awal, dan kemudian ditambah dengan dua tahun lagi berikutnya, mereka tidak boleh melibatkan diri dalam sistem perniagaan yang sama. Jika ini berlaku, saya rasa tidak akan menguntungkan orang-orang tempatan. Oleh kerana itulah cara kawalannya saya cadangkan kepada pihak kementerian ialah mengawal dari segi ekuiti supaya penyertaan orang-orang tempatan akan menjadi lebih bermakna dalam konteks ini.

Dari satu segi, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa sistem francais ini mesti dijadikan satu pelengkap untuk membimbing golongan peniaga kecil dan golongan peniaga pertengahan supaya mereka dapat berkecimpung lebih. Kalau dari segi pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, di bawah seksyen 27, restrain of trade, ini agak tidak menguntungkan kita. Misalannya, di bawah seksyen 27 telah diperuntukkan bahawa sesuatu perniagaan francais akan berlangsung untuk tempoh lima tahun, atau boleh ditamatkan mengikut perjanjian jika berlaku pemecahan syarat dan sebagainya lebih awal daripada itu, tetapi jika berlangsung dengan baik tempohnya tidak kurang daripada lima tahun. Dan selepas tamat tempoh perjanjian tadi, franchisee tidak boleh membuka perniagaan yang sama dalam tempoh dua tahun. Dengan kata lain, kepandaian mereka yang

didapati melalui sistem francais ini tidak boleh dipraktikkan dalam bidang perniagaan yang sama kerana adanya *restrain of trade* di bawah seksyen 27 ini. Jadi, cara hendak mengawalinya ialah supaya penyertaan di peringkat syarikat induk, di peringkat franchisor supaya mereka ini dapat memastikan bahawa penglibatan golongan tempatan ini menjadi lebih menyeluruh sama ada dari segi pemegangan ekuiti, dari segi pemilikan kemahiran dan sebagainya.

Saya nyatakan demikian kerana di bawah seksyen 27 bukan sahaja ianya terhad kepada franchisee yang tidak boleh menjalankan perniagaan yang sama dalam tempoh dua tahun tetapi termasuk juga kepada pekerja-pekerja franchisee. Ini bermakna misalannya, dalam produk Kentucky Fried Chicken, misalannya, maka semua orang yang bekerja dengan Kentucky Fried Chicken dan franchisee yang memegang tadi tempoh dua tahun tidak boleh menjalankan perniagaan ayam goreng. Jadi tentulah ini tidak akan menguntungkan orang tempatan, tidak akan menguntungkan orang kita. Jadi tempoh dua tahun selepas daripada tamatnya perjanjian francais ini, pada saya adalah satu tempoh yang agak lama. Munasabah kalau wujudnya satu francais dalam bentuk lima tahun, dalam tempoh lima tahun memang wajar. Mereka ini tidak boleh melibatkan dalam perniagaan yang sama kerana adalah tidak adil kalau seseorang franchisee diberi hak untuk suatu francais kemudian pada masa yang sama menjalankan perniagaan yang sama. Ini tentu tidak akan menguntungkan franchisor dan tidak ada orang yang sanggup menerima franchisee yang bersikap demikian, tetapi selepas tempoh perjanjian itu tamat mesti ada satu kelonggaran. Tetapi akta ini menetapkan bahawa dua tahun selepas perjanjian francais itu tamat mesti ada period iaitu dua tahun mereka tidak boleh membuka perniagaan yang sama.

Jadi, ini akan membantut jika pengalaman-pengalaman yang mereka perolehi daripada perniagaan francais tadi tidak boleh dipraktikkan selepas itu, tentulah tentulah akan merugikan. Jadi cara hendak kawal, seperti yang saya

katakan tadi memastikan supaya ekuiti dalam syarikat franchisor tadi, penyertaan bumiputera ataupun penyertaan orang tempatan mestilah pada satu tahap yang boleh membayangkan yang ianya boleh menguntungkan orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kepong bangun

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di Pertua, penjelasan, saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat Macang tadi. Bagi saya dengan pelaksanaan ataupun penguatkuasaan rang undang-undang yang lebih berkesan maka lebih ramai orang tempatan lebih berjaya dalam bidang industri francais ini. Cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan misalnya, kalau seorang usahawan di Kota Bharu, atau Machang, dia sangat pandai, misalnya, nasi dagang, dia buat satu francais, francais bukan sahaja untuk negara juga untuk luar negara dan bagaimana franchisor dapat dilindung dengan sepenuhnya supaya usahawan ini dapat maju.

Dato' Haji Shukri bin Haji Mohamed: Inilah tadi Tuan Yang di-Pertua, Akta ini sebenarnya ialah suatu akta untuk melindungi franchisor tadilah. Dengan terlaksananya akta ini ia akan jadi satu pelindung kepada pemegang-pemegang franchisor baik, ataupun franchisee ataupun broker-broker francais ini. Tetapi seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini jangan dianggap satu undang-undang yang ketat kerana kalau kita memperkenalkan satu undang-undang yang ketat dalam bidang perniagaan yang baru seperti ini ianya akan membawa kesan yang lebih negatif. Misalannya, ada peruntukan di bawah seksyen ini yang memerlukan syarat-syarat perjanjian francais hendaklah di dalam bentuk bertulis, kemudian perjanjian francais hendaklah mengandungi tidak terhad kepada beberapa perkara (a) sampai kepada (m). Kemudian syarat-syarat pendaftaran telah disebutkan.

Apa yang saya hendak hujahkan di sini, Tuan Yang di Pertua, kita tidak boleh mengamalkan peraturan undang-undang ini dalam bentuk yang ketat seperti kita mengawal undang-undang jenayah, misalannya. Seorang yang mencuri ditangkap dihukum, kemudian di bawa ke penjara dan sebagainya, tidak boleh. Kalau kita anggap bidang perniagaan francais ini dan penguatkuasaan aktanya sampai sama taraf dengan itu ianya akan membantut perniagaan. Sebab itu saya katakan tadi bahawa undang-undang ini mesti dijadikan sebagai suatu pelengkap, atau peraturan, pengawasan kepada sistem perniagaan francais ini, tetapi kita tidak boleh menganggapnya sebagai satu penal law ataupun undang-undang yang menghukum. Jangan kita tengok dari segi aspek itu sebab jika kita tengok dari segi aspek itu sahaja saya percaya ini akan membantut, franchisor yang hendak datang pun tengok kepada peruntukan undang-undang yang ketat, dia akan menjadi lebih bersikap negatif, kemudian franchisee pula yang hendak terima tengok kepada sistem perundangan yang ketat dia akan menjadi lebih takut untuk berkecimpung dalam bidang ini.

Oleh kerana kita sekarang ini pada peringkat awal, pertama kali kita hendak memperkenalkan sistem ini, maka undang-undang itu mesti dianggap sebagai satu pelengkap. Di mana-mana perlu kelonggaran mesti diberi. Saya bersetuju bahawa perjanjian francais mesti dalam bentuk bertulis tetapi terma perjanjian itu kalau boleh biarlah dibebaskan dan beberapa perkara mesti diperketatkan pula. Misalannya, dari segi seksyen 4, iaitu broker francais. Broker francais ini akan mendapat keuntungan. Hasil daripada pengenalan akta ini ada satu bentuk orang yang akan mendapat keuntungan daripada pelaksanaan akta ini ialah broker francais, iaitu barangkali orang yang akan memainkan peranan mempertemukan franchisor dengan franchisee.

Saya berharap fi yang akan dikenakan oleh broker francais ini mesti ditetapkan (regulate) di dalam akta melalui kuasa Menteri dalam akta ini mesti

suatu fi yang nominal. Jangan pula broker yang mendapat untung lebih tetapi franchisee tidak mendapat keuntungan sepatutnya. Jadi broker ini penting barangkali peranannya untuk mempertemukan franchisor dengan franchisee tetapi jika broker francais ini mengenakan bayaran profesional yang terlalu tinggi dengan syarat-syarat yang ketat barangkali ini tidak menggalakkan penyertaan orang-orang tempatan untuk melibatkan diri. Jadi saya cadangkan supaya fi yang akan dikenakan oleh broker francais ini mesti ditetapkan dan jika boleh bayaran ini ialah bayaran yang nominal. Itu yang pertama.

Yang keduanya ialah dari segi bentuk perjanjian – dalam bentuk perjanjian tentulah ada bayaran profesional, bayaran tahunan atau bulanan yang perlu dibayar oleh franchisee kepada franchisor. Dan ini juga pada pandangan saya mesti diregulatekan, mesti dibuat peraturan, peraturan yang standard misalannya jenis jenama dan sebagainya supaya bayaran ini tidak terlalu tinggi. Jika bayaran yang dikenakan ialah terlalu tinggi ianya tidak akan menguntungkan misalannya saya beri contoh satu bayaran yang paling baik ialah sistem francais yang dibuat oleh Hotel Malaysia.

Hotel Malaysia mengenakan lebih kurang RM11.50 untuk satu bilik, bagi franchisee membayar kepada franchisor dalam tempoh satu hari. Bayaran bilik yang boleh dikenakan sampai RM65 hingga RM70. Jadi lebih kurang itu 10% daripada kadar harga bilik yang perlu disumbang oleh franchisee kepada franchisor. Jadi kalaulah jumlah itu terlalu tinggi maknanya dengan kata lain franchisor mendapat keuntungan yang melampau. Hanya dengan menggunakan jenama ini tentulah tidak akan menggalakkan franchisee. Jadi ini pada saya mesti diadakan satu garis panduan supaya keuntungan dapat diperolehi dan lebih menggalakkan ramai orang tempatan untuk berkecimpung.

Kita faham bahawa bidang ini bidang baru. Tadi rakan-rakan saya telah membangkitkan pada satu masa kita mendengar produk keluaran makanan tempatan murtabak Pak Din, kemudian sekarang ini tidak tahu ke mana, hancur. Barangkali sekarang ini sudah tidak ada barangkali ini sikap. Bergantung kepada sikap kita. Barangkali ada banyak produk terutama keluaran makanan tempatan yang boleh difrancaiskan tetapi kita orang tempatan mesti sanggup mengubah sikap kita. Kalau dulu giling roti dengan menggunakan tangan kita mesti bersedia untuk menggunakan mesin. Kalau mesin kecil boleh keluar satu hari 1,000 unit, kita mesti bersikap terbuka untuk keluar 100,000 unit dalam satu hari. Mesti berubah sebab sistem francais sekarang ini sudah berkembang dengan begitu besar. Jadi kalau produk ini hendak difrancaiskan tetapi tekniknya masih lama, misalnya ialah membuat bahan-bahan murtabak itu menggunakan tangan lagi, menggunakan manual bentuk tangan tentulah ianya sudah tidak sesuai seperti mana kita tengok Kentucky Fried Chicken misalnya, sekarang ini menggunakan mesin yang lengkap.

Maknanya dengan kata lain orang tempatan mesti sanggup untuk berubah diri kita untuk menggunakan teknologi-teknologi baru bagi menjayakan bidang ini. Jika tidak selama itulah kita tidak akan mendapatkan keuntungan. Saya percaya sate Malaysia dulu satu masa barangkali inilah faktor-faktor kegagalan. Jadi kementerian sepatutnya melihat kembali apakah kelemahan-kelemahan sistem kita terutamanya dalam bentuk pengeluaran barang-barang tempatan sekarang ini yang menjadi penghalang kepada perkembangan ini dan membaiki.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Rompin bahawa pada masa ini pengetahuan mengenai francais ini tidak heboh diketahui ataupun tidak ramai orang yang mengetahui bagaimana hendak berkecimpung dalam bidang francais ini, misalnya orang pernah datang berjumpa saya mana hendak jadi francais kepada barang-barang keluaran elektrik dan sebagainya. Jadi mereka

ini tidak tahu tetapi mengikut maklumat yang diberikan oleh kementerian telah terdapat banyak barang keluaran elektrik, syarikat-syarikat tertentu sekarang sedang mencari francais tetapi hendak mempertemukan ini antara franchisor dengan franchisee ini.

Jadi kementerian dalam aspek ini mesti mengambil langkah yang lebih. Barangkali ahli-ahli Parlimen boleh membantu, membantu untuk memberi penerangan kepada orang-orang tempatan terutamanya dalam kawasan kita masing-masing-masing dan untuk tujuan itu saya berharap pihak kementerian memperkemas unit francais ini di kementerian selepas daripada ini supaya ia menjadi suatu unit yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah yang dihadapi oleh franchisee apabila hendak menerima sesuatu francais daripada franchisor ialah masalah modal. Ini satu, walaupun kita faham daripada satu sikap kerajaan melalui kementerian sendiri saya percaya ada tujuh, lapan tabung sekarang ini disediakan untuk membantu golongan menengah ini melibatkan diri bukan sahaja dalam sistem francais tetapi dalam sistem ini. Tetapi kita dapati masalah yang pertamanya ialah masalah pentadbiran. Kadang-kadang permohonan untuk mendapat bantuan misalannya orang yang mendapat francais untuk keluaran elektrik ada satu jenama saya tidak tahu dan kemudian memberi bimbingan sampai RM20,000 untuk membayar deposit kepada franchisor ada. Tetapi proses itu mengambil masa yang lama. Kadang-kadang lima, enam bulan, begitu juga dengan tabung-tabung yang lain. Banyak peraturan yang dikenakan ini kadang-kadang membuatkan seseorang yang hendak berniaga itu dia jadi lebih tumpul hati kerana prosedur. Misalannya ada beberapa unit tabung yang dibentuk oleh kementerian melalui bank-bank perdagangan, bila pergi ke bank banyak soalan itu, soalan ini ditanya income tax return, cagaran dan sebagainya jadi ini akan menumpulkan hati mereka. Jadi apa yang hendak saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya bantuan-bantuan sama ada

bantuan kepada franchisee di dalam sistem francais ini ataupun tabung-tabung lain yang diwujudkan oleh kementerian di mana boleh diperlonggarkan syarat-syarat terutamanya kepada jumlah yang minimum misalannya pinjaman kurang daripada RM20,000, kurang daripada RM50,000. Ada satu peraturan yang berbeza dengan pinjaman yang melebihi angka satu juta dan sebagainya supaya ianya akan dapat membantu untuk golongan-golongan ataupun orang-orang tempatan supaya dapat berkecimpung bukan sahaja di dalam perniagaan francais ini tetapi di dalam perniagaan-perniagaan bentuk lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada kementerian supaya mulai daripada sekarang mencari produk-produk tempatan terutamanya keluaran barang-barang makanan, furnitures, barang-barang perabot atau barang-barang lain yang boleh difrancaiskan. Saya percaya banyak barang tempatan yang boleh difrancaiskan dan telah mencapai standard itu. Tetapi barangkali mereka ini pengeluar tempatan, pengeluar daripada produk tempatan ini tidak mengetahui setakat ini. Banyak produk ini yang saya percaya boleh diketengahkan. Misalannya saya sebut contoh tadi produk makanan terutama di negeri Pantai Timur yang banyak, bukan sahaja nasi dagang seperti mana Yang Berhormat dari Kepong kata tadi sambal daging, kuih tahi itek, macam-macam ada. Banyak dan ini boleh diketengahkan. Sebab ada keunikan cuma sekarang yang perlunya ialah bimbingan, bimbingan bagaimana kementerian boleh memainkan peranan dan unit ini mesti lebih agresif lagi turun ke bawah untuk menjemput mereka ini yang mampu untuk menerima sistem francais ini sebagai suatu sistem yang menguntungkan dan sistem francais ini Tuan Yang di-Pertua, kalau diperkembangkan betul-betul ia cukup menguntungkan. Orang kata franchisor goyang kaki, yang dapat untung tiap-tiap hari dapat untung tetapi goyang kaki, yang buat kerjanya ialah franchisee tetapi yang pentingnya ialah jenamanya itu mesti diperkenalkan, diterima oleh masyarakat untuk melanggan

mereka jika tidak kalau tahap itu tidak diperolehi saya percaya sistem francais manapun tidak akan mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya nyatakan bahawa walau apa peraturan yang kita buat, peraturan yang ketat dalam sistem perniagaan ianya akan menjadi suatu perkara yang menghalang kemajuan perniagaan itu sendiri. Sebab itu sekali lagi saya hendak seru bahawa dalam segi implimentasi, dari segi penguatkuasaan akta ini kepada sama ada pendaftar francais, majlis francais yang akan dibentuk akta ini mestilah dianggap suatu peraturan pelengkap tetapi bukan peraturan dari segi penal law untuk menghukum mana-mana orang kerana seperti yang saya katakan tadi kalau dalam sistem francais kita mengamalkan undang-undang yang ketat ianya tidak akan menggalakkan bidang perniagaan itu, jika kita hendaklah menganggap bahawa rang undang-undang ini sebagai suatu pelengkap ataupun peraturan walaupun ada hukuman untuk kompaun, boleh sita, boleh masuk ke dalam premis tanpa waran, geledah dan sebagainya. Jangan pandang dari segi aspek itu tetapi peraturan mesti ada, kementerian buat peraturan ini memang baik tetapi jangan kita hendak guna kementerian ini untuk menjadi suatu perkara yang akan membawa kesan negatif kepada sistem perniagaan francais di negara ini. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sipitang
4.09 ptg**

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Francais 1998 ini. Sebelum itu saya ingin menyatakan beberapa perkara. Yang pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana dengan adanya undang-undang ini akan wujud satu pemantauan dan juga kawalan kepada aktiviti-aktiviti francais walaupun francais ini telah pun lama berkembang di negara kita dan setakat ini kita belum ada undang-undang yang khas untuk memantau atau mengawal aktiviti-aktiviti francais ini.

Francais ini merupakan satu perniagaan yang begitu popular dan berkembang dengan pesat yang mana juga dari segi perniagaan ialah satu perniagaan yang mempunyai risiko yang rendah dan peluang kejayaan kepada peniaga francais ini begitu tinggi dan timbullah juga beberapa aktiviti termasuklah satu Persatuan Francais Malaysia yang mana telah bekerja kuat. Saya tahu Kementerian Pembangunan Usahawan juga telah bekerja kuat untuk mempromosikan francais. Beberapa seminar telah dibuat iaitu di Terengganu, Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa francais ini satu peluang perniagaan khususnya untuk bumiputera perlu dikembangkan.

Secara dasarnya terdapat dua kumpulan francais ataupun franchisor ini iaitu franchisor yang dibawa masuk daripada luar negara dan yang kedua kumpulan franchisor daripada dalam negara sendiri. Bagi franchisor daripada luar negara iaitu jenama-jenama yang terkenal selalunya dimonopoli oleh syarikat-syarikat gergasi. Walaupun demikian, peluang-peluang kepada bumiputera daripada syarikat gergasi ini begitu terhad. Ini kerana sebagai franchisee ataupun orang yang menerima francais daripada syarikat gergasi ini, ada syarat-syarat yang begitu ketat misalnya, satu pembayaran awal sebagai egen franchisee dikenakan sehingga RM100 ribu dan juga untuk infrastruktur bangunan dan sebagainya perlu sekurang-kurang mencapai sehingga RM1/2 juta. Tentu sekali ini akan menghalang penyertaan bumiputera yang baru memulakan perniagaan.

Bagi syarikat-syarikat yang besar, ini mungkin tidak menjadi masalah tetapi untuk mengembang secara meluas franchisee ini begitu sukar. Saya ingin supaya kementerian campurtangan sedikit dalam soal mengembang franchisee atau syarikat-syarikat ini supaya mereka yang bermodal kecil dapat melibatkan diri iaitu dengan cara mengurangkan saiz perniagaan tersebut. Misalnya standard Kentucky Fried Chicken, standard perniagaan di bandar besar dengan peralatan yang standard, kalau tidak silap saya perlu RM1/2 juta, tetapi itu di bandar besar kerana pasaran dan juga pengguna-pengguna begitu ramai, tentu sekali turnover mereka juga besar dan hasil jualan boleh cover atau menutup segala kos perniagaan tersebut. Tetapi untuk membuka di pekan yang kecil tentu sekali bermodalkan RM1/2 juta ini tidak mampu dibuat oleh syarikat-syarikat bumiputera di luar bandar tetapi keperluan pasaran, orang-orang kampung juga ingin makan Kentucky Fried Chicken ini. Tetapi untuk makan mereka tidak boleh dapat, mereka terpaksa ke bandar.

Jadi untuk itu saya ingin mencadang supaya peralatan dan juga kos francais ini dikurangkan untuk peniaga-peniaga kecil di kawasan luar bandar misalnya, kalau membuka di Kuala Lumpur modal besar, modal perlulah RM500 ribu, kalau kita buka pekan yang kecil sedikit yang turnover juga sedikit kita perlu cuma lebih kurang RM200 ribu dan jikalau pekan itu kecil lagi mungkin perlu cuma RM50 ribu. Selalunya alat itu standard untuk mengeluarkan misalnya dapur ataupun tempat menggoreng diperlukan untuk pelanggan 1000 orang satu hari. Kenapa tidak boleh kita buat alat dapur menggoreng itu untuk pelanggan 20 orang satu hari ataupun 30 orang satu hari. Jadi dia under size mengikut tempat tentu sekali ini boleh dikembangkan di pekan-pekan kecil yang mana setakat ini kita lihat bahawa Kentucky Fried Chicken, A & W dan yang lain-lain yang mana tidak boleh dibuka di pekan-pekan kecil kerana keperluan modal dan juga fi untuk francais itu begitu tinggi. Jadi saya mohonlah kementerian supaya melihat perkara ini bagaimana cara untuk mengawal dan menyelesaikan perkara ini.

Salah satu jalan yang mungkin boleh dibuat ialah kerajaan hendaklah menggalakkan kita menubuhkan master franchisee di tiap-tiap negeri untuk satu-satu produk. Jadi nanti di negeri-negeri tersebut master franchisee ini

diberi kepada Dewan Perniagaan Bumiputera ataupun persatuan-persatuan ataupun konsortium yang boleh membayar franchisee fi kepada master franchisor dan master franchisee ini akan mengagih-agihkan perniagaan ini kepada peniaga-peniaga bumiputera yang lebih kecil dan kos yang dibayar kepada master franchisor cuma oleh master franchisee ini sahaja daripada negeri.

Jadi ertinya, misalnya wakil di negeri Selangor satu, di Sabah satu dan di Sarawak satu yang dibahagi kepada Dewan Perniagaan Bumiputera ataupun mana-mana badan dan ini sahaja yang akan membayar fi francais kepada master franchisor. Badan master franchisee di negeri-negeri ini akan mengagih-agihkan kepada bumiputera di pekan-pekan kecil yang membayar kos yang kecil kepada master franchisee ini. Ini boleh mengembangkan dan memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil.

Lagi satu masalah yang dihadapi ialah modal, kalau melalui master franchisee di negeri-negeri ini mereka boleh membantu supaya membuat sokongan atau rekomendasi daripada tabung-tabung khusus yang disediakan oleh kerajaan. Jadi proses mengembang dan juga pemberian perniagaan francais kepada luar bandar bagi produk-produk yang sesuai akan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi produk francais ialah produk dalam negeri. Banyak telah dikatakan oleh rakan-rakan tadi bahawa masalahnya ialah dari segi promosi. Saya setuju bahawa promosi produk dalam negeri begitu kurang, cuma kalau kita lihat beberapa produk yang boleh menembusi pasaran antarabangsa contohnya, Merry Brown dan saya baca surat khabar tadi buka lagi tiga cawangan baru dan ini telah pun mendapat pasaran di luar negara. Kita juga melihat bahawa dalam bahagian servis EON juga telah berkembang sehingga ke Afrika Selatan. Ini juga begitu menggalakkan. Begitu juga dengan servis misalnya "Dura-clean" iaitu servis pembersihan yang juga mula berkembang dan kalau kita lihat banyak lagi produk tempatan ini yang begitu berpotensi tinggi yang boleh dipasarkan di luar negara. Cuma yang rakan-rakan katakan tadi iaitu promosi dan cara pasaran kita. Saya mohon kepada kerajaan supaya kita adakan promosi secara besar-besaran produk dalam negeri yang

boleh dibawa ke luar negeri misalnya melalui rombongan perdagangan ke luar negara. Mungkin terpaksa kita ada satu pasukan khas daripada kementerian atau wakil-wakil Persatuan Francais Malaysia (MFA) mengadakan pameran ataupun promosi di luar negara mengenai syarat-syarat dan juga cara-cara untuk dipasarkan di negara-negara yang berkenaan dan disertakan sekali gambar dan juga sejarah ataupun prestasi syarikat-syarikat yang telah pun membuat francais bagi produk-produk mereka.

Lagi satu yang perlu juga dibuat iaitu satu buku khas mengenai produk-produk di Malaysia ataupun yang berasal daripada Malaysia yang boleh difrancais di luar negeri. Saya telah membaca juga satu senarai hasil-hasil ataupun syarikat-syarikat yang boleh dibuat francais ke luar negara tetapi ini tidak begitu lengkap dan dibuat tidak teratur kerana tidak ada gambar dan tidak ada prestasi syarikat tersebut. Jadi apa salahnya kalau kita buat satu buku khas yang mana buku ini boleh dibawa ke luar negara dan boleh didapati di outlet-outlet tertentu dan yang terbaik saya lihat di atas kapal terbang MAS kita. Kalau ada satu buku yang boleh diletak di situ dan buku ini boleh dibaca atau diambil satu salinan untuk mereka yang menggunakan MAS kerana mereka yang menaiki kapal terbang ini selalunya adalah peniaga-peniaga yang mempunyai potensi dan mereka yang mampu yang boleh membuat perniagaan tersebut.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya satu tabung khas sama ada diambil daripada geran kementerian ataupun daripada yuran persatuan MFA ini supaya satu iklan bersepadu mengenai dengan produk-produk ataupun barangan Malaysia yang boleh difrancais ini. Kalau kita lihat di televisyen, satu atau dua produk sahaja yang ada iklan di televisyen kerana saya tahu iklan di televisyen ini begitu mahal tetapi kalau ada campur tangan dari kementerian, mungkin RTM, yang mengenakan kos yang begitu minimum untuk mengiklankan kerana ianya sebahagian daripada aktiviti kerajaan untuk mengiklankan satu kumpulan produk yang boleh dipromosikan ataupun dipasarkan di luar negara, jadi ini yang dicadangkan. Saya rasa kalau kita buat secara teratur dan kita susun strategi untuk pemasaran dan promosi hasil-hasil

daripada negara kita tentu sekali ianya akan mendapat kejayaan kerana hasil-hasil ataupun produk-produk baik dari makanan, servis dan lain-lain mempunyai kualiti bertaraf dunia yang boleh juga dipasarkan di seluruh negara.

Jadi, sebelum saya mengakhiri dan sebelum menyokong saya sekali lagi merayu supaya kerajaan dapat mempergiatkan aktiviti promosi dan kempen ke arah francais ini. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.33 ptg.

Dato' Idris bin Jusoh: Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, Tambun, Batang Lupar, Bukit Mas, Yan, Bintulu, Rompin, Machang dan Sipitang yang telah mengemukakan beberapa persoalan dan juga telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas untuk diambil kira oleh kementerian.

Di dalam perbahasan yang telah kita dengar tadi, ini menggambarkan pentingnya Akta Francais ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan ini juga bagi saya menggambarkan bahawa promosi francais yang telah dikemukakan oleh kementerian selama ini telah berjaya kerana mendengar kepada penglibatan dan sumbangan yang kita dengar tadi, kefahamannya telah bertambah dan minatnya juga telah bertambah. Di samping itu di Dewan ini juga kita lihat baru-baru ini negara-negara Asia Pasifik sendiri telah mengiktiraf Malaysia kerana Asia Pacific Franchise Confederation telah mengadakan mesyuaratnya buat kali pertama pada tahun ini di Malaysia dan pada tahun hadapan World Franchise Council pula akan mengadakan mesyuaratnya di Malaysia. Sebagaimana yang saya katakan tadi ini menggambarkan pengiktirafan dunia dan juga di Dewan ini pengiktirafan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkembangan industri francais di Malaysia. Insya-Allah ini akan menguatkan lagi semangat yang telah dikatakan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dengan menggunakan sistem francais ini kita akan dapat meramaikan lagi golongan menengah bumiputera.

Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan ini untuk memastikan kita dapat mendaftar, mengumpul data, mengawal selia industri ini dengan mengawal selia penggunaan perkataan francais supaya ia tidak digunakan sewenang-wenangnya supaya kita dapat memeriksa dokumen penzahiran tiap-tiap syarikat franchisor supaya franchisor dan franchisee mendapat layanan yang sewajarnya. Memang kita tidak boleh lari daripada perkataan francais itu sendiri. Saya membuat satu contoh yang saya pernah buat di mana jika kita turun di lapangan terbang KLIA, mungkin kita sakit perut kita pergi ke Pusat Rawatan Islam untuk mendapatkan ubat sakit perut, selepas itu kita mula lapar dan mungkin kita pergi ke Marry Brown untuk makan nasi lemak ataupun burger, selepas itu kita naik kereta ALM untuk pergi ke hotel, kita pergi ke Hotel Seri Malaysia, mata kita kurang nampak kerana kaca mata kita lama, kita pergi ke England Optical untuk membeli kaca mata baru, kita lupa kita belum lagi membeli hadiah untuk isteri tersayang, kita mungkin pergi ke Langkawi Crystal ataupun Le Wangi ataupun Habib Jewels untuk membeli hadiah-hadiah tersebut. Yang saya katakan tadi bermula dari Pusat Rawatan Islam, Marry Brown, Hotel Seri Malaysia, England Optical, Langkawi Crystal, Le Wangi dan Habib Jewels adalah semua produk tempatan.

Jika kita lihat juga francais merupakan satu konsep yang mana negara kita masih juga di peringkat awalan. Kalau kita lihat di negara-negara membangun, terutama di Amerika Syarikat sendiri francais merupakan 44% peratus daripada jumlah jualan retail mereka dan pernah dikatakan oleh John Naisbitt sendiri bahawa francais merupakan satu sistem pemasaran yang paling revolusioner. Sebab itulah sistem ini berjaya kerana produk-produk yang dipasarkan di pasaran adalah produk-produk yang sudah mempunyai bukti kejayaannya sebab itulah saya merasa kagum walaupun kementerian baru

sahaja, hanya tiga tahun di kementerian kita telah berjaya untuk mengemukakan 65 produk daripada 15 produk sejak tiga tahun yang lalu dengan bilangan franchisee seramai 382 berbanding 64. Mesti ada bukti kejayaan bagi produk-produk yang hendak kita francaiskan, tidak bolehlah kita ada satu produk baru kita rasa kita hendak memfrancaiskan produk tersebut, kita bawa terus kepada kementerian kerana kalau tidak ada bukti kejayaan kementerian tidak akan memberi pengesahan kepada produk tersebut.

Syarikat-syarikat yang ingin memfrancaiskan produk mereka juga harus memastikan dokumentasi mereka lengkap. Mereka harus ada manual latihan, cara mana mereka ingin melatih pekerja-pekerja mereka, mereka harus ada manual operasi bagaimana mereka ingin menjalankan operasi mereka, sampai cara kita membersihkan lantai pun, kalau di McDonalds, sama ada dari kiri ke kanan ataupun ke belakang ke hadapan, itu juga harus ditulis dengan lengkap. Sampel perjanjian francais harus ada, akauntan audit syarikat perlu ada dan di samping itu dokumen penzahiran syarikat itu juga perlu ada.

Ini bermakna bukan hanya syarikat yang ingin memfrancaiskan produk mereka itu harus ada bukti kejayaan, mereka harus mempunyai dokumentasi yang lengkap. Saya dengar banyak pada hari ini, saya akan menjawab secara keseluruhan dahulu sebelum saya pergi lebih spesifik kepada soalan-soalan yang lebih spesifik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kita lihat ada banyak salah faham tentang perniagaan francais itu sendiri, sebenarnya perniagaan francais juga merupakan satu perniagaan biasa yang memerlukan keputusan perniagaan, ini bermakna dalam kita melibatkan diri dalam industri francais ini tidak bermakna yang adanya guarantee success, dengan izin, bermakna yang kita tidak boleh gagal.

Walaupun dalam industri ini kadar kejayaannya tinggi, ada orang mengatakan 80%, ada orang mengatakan 90% berbanding dengan 30% hingga 40% di dalam perniagaan biasa. Yang baiknya di dalam sistem ini kadar

kejayaannya adalah tinggi kerana dalam industri ini kita tidak boleh menukar kaca menjadi permata, kita tidak boleh membuat air naik ke atas bukit, air akan terus turun dari bukit ke bawah dan kaca tidak akan menjadi permata. Industri ini merupakan satu industri yang berteraskan kepada keputusan perniagaan.

Kementerian juga telah membuat keputusan bahawa kita akan mengadakan satu majlis francais yang mana terdiri daripada ahli-ahli dari Persatuan Francais Malaysia, Pegawai Undang-undang, pihak-pihak swasta sama ada dari pihak bank ataupun peniaga-peniaga yang mempunyai kepakaran yang akan memberi input mereka, yang akan menasihatkan kementerian dari masa ke semasa untuk memastikan industri francais di Malaysia akan berkembang dengan baik.

Banyak soalan juga telah dikemukakan tentang skim kewangan atau bantuan yang telah dikemukakan oleh kementerian. Kementerian ada skim bantuan pembangunan francais untuk mereka yang ingin membangunkan produk francais baru dan sehingga kini tujuh syarikat telah mendapat bantuan tersebut dengan jumlah pinjaman RM506,000.

Skim kedua ialah skim bantuan pembiayaan francais dan sehingga kini 23 syarikat telah mendapat bantuan dengan pinjaman sebanyak RM5,730,000. Di masa yang sama kita juga menggalakkan MARA dan PNS (Perbadanan Nasional Berhad) untuk memberi bantuan-bantuan kepada produk-produk baru ataupun kepada franchisee-franchisee baru. Di bawah skim SELF sendiri satu produk yang tidak wujud di negara-negara lain yang mana kita tidak mengenakan apa-apa penjamin, tidak mengenakan apa-apa cagaran, kelonggaran yang paling maksimum juga telah digunakan untuk membantu franchisee-franchisee berkecimpung di dalam bidang ini.

Untuk soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kepong, pun dah tak adalah, dia masuk dia keluar, dia masuk dia keluar. Dia

mengatakan tentang KFC yang mana dikatakan resipi KFC berbeza daripada KFC di luar negara dengan KFC di negara ini. Ini boleh dilakukan jika ada persetujuan di antara franchisor dan franchisee yang ada di negara ini. Dan kerjasama telah dilakukan oleh kementerian dengan PLUS untuk memastikan ruang-ruang niaga dapat diberi yang sewajarnya kepada franchisee-franchisee. Bukan hanya dengan PLUS, kementerian juga berbincang dengan KLCC, dengan KLIA, dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memastikan ruang-ruang yang sesuai dapat dibekalkan kepada franchisee-franchisee. Dengan DBKL kita telah mengadakan satu perbincangan di mana DBKL akan mengadakan satu ruang untuk penjaja-penjaja kecil menggunakan konsep francais yang mana modal permulaannya rendah untuk mereka menjaja.

Kalau kita lihat pemilihan katakanlah anugerah yang telah diberikan kepada NELSON, kepada EON dan kepada Langkawi Crystal mengapa mereka telah diberi anugerah-anugerah tersebut. Saya ingin menyatakan bahawa satu jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah MFA, bukan di bawah kementerian yang mana melibatkan badan-badan seperti Arther Anderson untuk membuat satu pemilihan yang objektif di mana mengambil kira jualan mereka, bilangan outlet mereka, sokongan mereka yang mereka beri kepada franchisee dan juga kerjasama yang telah mereka beri kepada kementerian di dalam membuat pemilihan-pemilihan tersebut. Tidak timbul isu pilih kasih di dalam masalah pemberian anugerah francais baru-baru ini.

Mungkin Yang Berhormat Kepong tidak melihat dengan jelas berhubung dengan waran yang diperlukan untuk membuat investigation dengan izin oleh pegawai-pegawai kementerian. Seksyen 44 mengatakan pegawai-pegawai kementerian perlu mendapat waran daripada mahkamah untuk mereka melaksanakan tugas-tugas mereka walaupun dalam Seksyen 45 kita lihat penggeledahan tanpa waran dimungkinkan hanya boleh dijalankan apabila

wujud kemungkinan diusik, dipindahkan dan dirosakkan tentang data-data dan butir-butir yang dikehendaki oleh pegawai-pegawai di kementerian.

Yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Kepong juga tentang program yang diadakan di PWTC iaitu MAFEC 98 (Malaysia Franchise Exhibition Conference) yang mana pada kali ini kita lihat ada 76 syarikat yang telah mengambil bahagian walaupun telah saya terangkan bahawa di Singapore mereka terpaksa membatalkan ekspo mereka kerana takut tidak ada sambutan tetapi di Malaysia kita berjaya mengadakan ekspo tersebut bukan hanya dengan bilangan penyertaan syarikat yang baik tetapi jumlah yang menghadiri conference seramai lebih kurang 300 dan hampir 2,500 pengunjung-pengunjung telah mengunjungi pameran tersebut.

Saya juga suka menyatakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tambun tentang sistem francais. Kita bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tambun bahawa sistem ini harus berteraskan kepada proses semula jadi kerana telah saya katakan tadi ia merupakan satu keputusan perniagaan dan harus berjalan di atas proses semula jadi. Dan walaupun kita menetapkan target 1,200 franchisee untuk Rancangan Malaysia Ke-7 ini tapi kita akan pastikan yang kita tidak akan sacrifice dengan izin, kualiti yang telah kita tetapkan. Kementerian akan sentiasa memudah cara, kementerian akan sentiasa mendorong agar lebih ramai usahawan menceburi dalam bidang ini tetapi baru-baru ini mungkin kita baru, kita mungkin lebih ghairah sedikit dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dan peranan kita pada peringkat permulaan.

Dalam pemilihan ARASTU baru-baru ini apabila kita mengambil ARASTU sebagai satu syarikat franchisor, sebenarnya ARASTU datangnya dari satu syarikat yang teguh. Ia merupakan anak syarikat Kompleks Kewangan. Jadi melihat pengurusannya yang datang itu pun bukannya calang-calang orang, pengurusnya dengan backing yang mereka dapat daripada Kompleks Kewangan, kita yakin pada peringkat permulaannya bahawa mereka

itu kukuh bukan hanya dari segi pengurusan tetapi juga dari segi kewangan dan pemasarannya. Tapi sebagaimana yang saya katakan tadi, francais juga merupakan satu sistem perniagaan yang boleh gagal.

Yang Berhormat dari Tambun juga menyatakan tentang wujudnya businessman ad-hoc dalam program ini. Saya ingin menyatakan bahawa kementerian kita tidak membuat pemilihan terakhir kerana pemilihan terakhir itu dibuat oleh franchisor itu sendiri. Apabila ada usahawan-usahawan yang datang ke kementerian dan ingin melibatkan diri mereka dalam bidang francais kita membuat screening pertama dan jika kita merasakan mereka itu berkemampuan kita akan unjurkan nama-nama tersebut kepada pihak franchisor untuk mereka membuat pemilihan yang akhir. Tentang bantuan kewangan telah saya katakan tadi dan sekali lagi saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat dari Tambun bahawa kita tidak akan mengetepikan kualiti dalam kita memastikan target 1,200 itu akan dapat kita capai.

Yang Berhormat dari Tambun juga ada menyatakan tentang francais Modenas. Sebenarnya Modenas tidak berdaftar dengan kementerian dan dia bukannya di bawah kawalan kementerian. Kemudahan-kemudahan seperti pembiayaan telah saya katakan tadi dan kementerian dari masa ke semasa mengadakan road show, mengadakan seminar-seminar. Seminar-seminar telah kita adakan bukan hanya di Semenanjung tetapi juga telah kita bergerak ke Kota Kinabalu pada 13 Jun yang lalu dan juga telah diadakan di Kuching pada 25 dan 27 Jun yang lalu di samping kita mengadakan kursus-kursus asas, kursus-kursus sehari dan kursus-kursus pengurusan konflik untuk kita pastikan konflik yang berlaku dalam bidang ini akan dapat dikurangkan.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga menyatakan rasa rungsingnya jika industri ini jadi over-regulate, terlalu banyak tekanan ataupun terlalu banyak kawalan yang dikenakan. Sebenarnya apa yang perlu diminta oleh kementerian cumalah apa yang saya katakan tadi agar mereka mendaftar

dengan kementerian dan seterusnya kita pastikan mereka menyediakan dokumentasi-dokumentasi yang lengkap dan kita tidak ingin sebagaimana yang disarankan oleh beberapa orang Yang Berhormat pergi terlalu terperinci dalam cara mereka mengendalikan perniagaan mereka kerana ini akan wujudnya masalah over-regulate yang mana kawalan yang terlalu ketat ini akan stiffler dengan izin, industri francais itu sendiri.

Yang Berhormat dari Batang Lupa juga mengatakan tentang franchise village. Sebenarnya tidak ada konsep franchise village ini, yang ada cuma franchise city ataupun kota francais yang masa kini telah diwujudkan di bandar Shah Alam yang insya-Allah akan dapat dimulakan pada penghujung tahun ini.

Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah bertanyakan tentang produk-produk kita yang telah berjaya ke luar negara. Tadi telah dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat, EON juga telah bergerak ke Afrika. Bits & Bite telah mengadakan cawangannya di negara China, Merry Brown, Sugar Bun dan Nelson juga telah membuka cawangan-cawangan mereka di negara-negara ASEAN, Singapura, Brunei dan sebagainya. Tetapi untuk produk francais bumiputera kita lihat Langkawi Cristal yang telah memenangi anugerah francais yang dapat berkembang ke luar negara dengan baik telah mengadakan, telah membuka cawangan-cawangan mereka di Brisbane, Sydney, London di Harrods sendiri dan juga di Germany. Linangi juga telah menandatangani untuk bergerak ke Dubai.

Untuk memastikan yang industri ini mendapat sokongan yang baik kita juga telah menggalakkan SEDC ataupun PKEN yang mana kita lihat ini yang menjuarai ialah Johor Corporation yang telah mengadakan dua produk iaitu Farmacare dan juga Dura Clean. UDA telah dalam persiapan untuk mewujudkan francais 'One Cup' (Kedai Kopi), PKEN-PKEN yang lain seperti PKEN Perak, Pahang, Terengganu Kelantan dan sebagainya juga menjalankan usaha mereka untuk menubuhkan produk-produk baru mereka. Ini termasuklah

yang dikatakan tadi Nasi Dagang, Yang Berhormat daripada Kepong suka sangat makan mungkin dia daripada Kelantan dahulu dan yang lain-lain seperti nasi lemak yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat keseluruhannya.

Yang Berhormat daripada Yan juga telah bertanya tentang produk tempatan. Sebenarnya daripada 65 produk, hanya 21 produk luar negara. Ini menggambarkan bahawa lebih banyak produk tempatan daripada produk luar negara. Berhubung dengan ini saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Yan tentang mewujudkan ayam P. Ramlee ataupun Apom Jins Shamsuddin, mungkin ada pula Popia Yan, mungkin. Apa yang perlu dikemukakan cuma masalah yang dihadapi kini banyak cadangan tetapi tidak ada usahawan-usahawan yang benar-benar ingin tampil ke hadapan dan pastikan membuat R&D, membuat kajian untuk memastikan produk-produk ini berjalan dengan baik. Kalau ada daripada Yan, insya-Allah kita terima dengan penuh tangan terbuka.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat mengatakan banyak syarikat-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pun terlibat. Saya nampak kebanyakan syarikat kemajuan negeri ini mengalami kerugian. Jadi kalau mereka pula hendak diversified masuk dalam bidang franchising makanan, benda itu dan ini adakah keupayaan mereka ini dari seginya, saya nak tahu kebolehan pakar-pakar dalam badan-badan kerajaan ini. Walaupun kita amat memerlukan badan kerajaan supaya dia menjadi sebagai satu pembuka jalan tetapi dari segi kebolehan itu perlu dipertimbangkan. Kerana tadi banyak yang hendak di francais-francais dan akhir sekali Dato' Yang di-Pertua, francais demonstrasi pun sudah berlaku di Malaysia sekarang ini orang demonstrate rata difrancaiskan oleh pihak pembangkang dan Gerak. Jadi saya harap-haraplah kalau boleh kementerian pun kena fikir sama jangan terlampau banyak, kita identified satu tahun sepuluh benda kemudian kita build-up benda-benda

macam ini. Jadi adakah pihak kementerian akan mempertimbangkan supaya kita jangan terlampau laju ke depan hinggalah lepas itu collapse satu, satu. Terima kasih.

Dato' Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pendedahan dan kursus telah diadakan kepada pegawai-pegawai daripada PKEN dan sebagainya. Kadangkala modalnya tidak sebegitu besar kerana kementerian juga mempunyai bantuan kewangan kepada mereka untuk membangunkan produk-produk baru. Kementerian juga telah dan sedang bekerjasama dengan MAS sebagaimana yang telah dicadangkan tadi untuk membangunkan sate yang ada di atas kapalterbang. Berhubung dengan sekatan yang harus dikenakan produk luaran-sebab itulah Seksyen 54 mengatakan yang semua produk daripada luar perlu berdaftar dengan kementerian dan daripada itu kita akan buat penilaian kita sama ada produk-produk tersebut perlu diberi pengiktirafan ataupun perlu diberi peluang untuk beroperasi di Malaysia ataupun tidak.

Yang Berhormat daripada Bintulu juga nampaknya telah membuat kajian yang baik, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Bintulu apabila membentangkan cadangan-cadangan beliau, nampaknya cadangan-cadangan itu well research dengan izin. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat francais pusat pengajian tinggi ini tidak termasuk di bawah Akta Francais yang kita kemukakan kepada Dewan pada hari ini kerana ia adalah di bawah jurisdiksi Kementerian Pendidikan dan bukan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Tentang Seksyen 27 yang mengatakan had 2 tahun itu perlu untuk memastikan supaya tidak ada produk yang sama dihasilkan oleh franchisee yang berhenti daripada perkhidmatan mereka, ini difikirkan sesuai apabila kementerian telah membuat kajian untuk memberi perlindungan kepada pihak franchisor, kalau tidak dia berhenti hari ini besok dia buka produk baru, ini kita menekankan kepada usaha menang-menang, win-win situation, di

mana kedua-dua pihak iaitu franchisor dan franchisee kedua-duanya menang dalam aspek ini.

Yang Berhormat dari Rompin juga telah mengemukakan beberapa perkara, iaitu saya ingin mengatakan di sini bahawa sehingga kini kementerian telah menghasilkan 25 produk baru yang telah dikemukakan oleh bumiputera. Sebanyak 29 franchisor bumiputera dan 382 franchisee bumiputera sehingga kini.

Sebenarnya dalam kegawatan ini sebagaimana telah menjadi tajuk MAFEC1998 baru-baru ini kementerian percaya francais boleh menukar masalah menjadi peluang ataupun dengan erti kata lain tajuk MAFEC baru-baru ini ialah “Turning Problem into Opportunities” dengan izin, Yang di-Pertua. Ini peluang kepada bumiputera-bumiputera untuk menjadi boss mereka sendiri. Walaupun kita lihat dapat kegawatan ekonomi ini francais telah menunjukkan satu perkembangan yang positif.

Berhubung dengan penentuan fee yang telah diadakan sebenarnya kementerian tidak bercadang untuk menentukan fee-fee yang dikenakan oleh franchisor kepada franchisee kerana ini dikatakan kerana takut timbul masalah over regulate yang telah dikemukakan kepada beberapa Yang Berhormat tadi. Berhubung dengan martabak Pak Din, sebenarnya, Pak Din masa kini sudah mempunyai 12 outlet. Saya sendiri telah berjumpa dengan Pak Din, saya telah berbincang dengan Pak Din tetapi selepas saya berbincang tidak datang ke kementerian untuk memastikan yang francais itu dapat dikemukakan atau dapat diperkembangkan dengan baik. Itu sebabnya saya katakan tadi walaupun ada produk-produk yang kita rasakan boleh difrancaiskan tetapi ianya bergantung di atas usahawan itu sendiri sama ada ia dapat memastikan produk itu akan difrancaiskan ataupun tidak.

Yang Berhormat daripada Machang juga telah memberi beberapa cadangan yang akan kita ambil dan kita akan teliti dengan baik. Untuk

makluman kepada Yang Berhormat dari Machang, Bahagian Francais ini ada di tingkat 23, Kementerian Pembangunan Usahawan dan jika ada masalah bolehlah ke tingkat 23, Bahagian Francais untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan.

Yang Berhormat dari Sipitang juga telah memberi cadangan agar Dewan-dewan Perniagaan dan PKEN diberi peluang untuk menjadi master franchisee. Sebenarnya, kerajaan dari masa ke semasa menggalakkan PKEN-PKEN dan Dewan-dewan Perniagaan untuk menjadi master franchisee ataupun mewujudkan produk-produk mereka sendiri tetapi ini terpulanglah kepada mereka sendiri untuk mengambil inisiatif dan kementerian akan sentiasa dari masa ke semasa memberi bantuan kepada mereka untuk melahirkan lebih banyak lagi produk-produk dan memberi peluang kepada mereka untuk mewujudkan usahawan-usahawan baru atau franchisee-franchisee baru di negeri masing-masing.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya katakan tadi telah memberi pandangan-pandangan yang positif dalam hal ini dan juga ini menggambarkan kejayaan kementerian sendiri dalam mempromosikan industri francais di negara kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA 1998

5.03 ptg.

Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan 67(b) di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua mencadangkan satu usul kepada Dewan ini tanpa pemberitahu bahawa satu ketetapan mengenai anggaran pembangunan tambahan menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 dibahaskan tanpa mengemukakan apa-apa rang undang-undang perbekalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baik.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak RM2,678,355,040 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998 untuk menampung sejumlah RM2,678,355,040 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1998 dan

yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa seluruh Majlis”.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1998 seperti yang dimaksudkan dalam usul tersebut. Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini berjumlah RM2,678,355,040. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2,311,036,760 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM367,318,280 adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan-tambahan bagi membiayai perbelanjaan tersebut untuk kementerian dan jabatan adalah seperti berikut:

Sebanyak RM789.6 juta dikehendaki di bawah P.28 iaitu Perbendaharaan. Daripada jumlah itu RM626 juta adalah untuk pembayaran kemajuan setelah kerajaan mengambil alih projek Hidroelektrik Bakun. Pecahan tambahan sebanyak RM626 juta itu adalah untuk tujuan berikut:

- (i) RM90 juta bayaran kemajuan kepada Syarikat Dong Ah untuk projek, dengan izin, river diversion;
- (ii) ***RM100 juta sebagai pendahuluan pampasan kepada Ekran***

Berhad;

- (iii) RM436 juta untuk membayar institusi kewangan atas pinjaman yang diambil oleh Bakun Hydroelectric Corporation Berhad.

Selain daripada itu RM90 juta adalah diperlukan untuk membiayai ekuiti Kerajaan Persekutuan dalam Multimedia Development Corporation (MDC). Bagi keperluan MDC, kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi RM350 juta dalam bentuk ekuiti dan pinjaman untuk menjalankan operasinya. Berasaskan keputusan ini pembayaran secara ansuran akan dibuat kepada MDC.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM50 juta adalah dipohon untuk menampung keperluan eksport import bank yang telah diluluskan dengan RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. RM12 juta adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi. Projek-projek ini adalah untuk jalan kampung RM4 juta, pembinaan jalan pesisiran pantai RM2.5 juta, projek dermaga RM1.5 juta, projek agrotourism di Pantai Chenang RM4 juta.

Projek perumahan kakitangan dan perumahan kos rendah di Labuan memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM4.6 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, sebuah projek perumahan kos rendah RM1 juta diperlukan untuk membiayai kos tanah dalam fasa kedua. Sementara itu di bawah projek perumahan kakitangan Kerajaan Labuan, RM3.6 juta diperlukan sebagai bayaran terakhir kepada kontraktor yang mana projek telah pun disiapkan. Projek ini mengandungi 432 unit untuk menampung keperluan kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM587.7 juta adalah dikehendaki bagi Maksud P.7 Jabatan Perdana Menteri. Dari jumlah tersebut sebanyak RM533 juta adalah untuk membiayai kos berkaitan dengan pembinaan kemudahan-kemudahan awam serta kerja-kerja, dengan izin, 'fit out' dan juga sistem keselamatan bangunan Jabatan Perdana Menteri. Keperluan kewangan yang diperlukan bagi tahun ini bagi membiayai kos kemudahan-kemudahan awam ini adalah sebanyak RM300 juta dan ianya meliputi kemudahan-kemudahan seperti sekolah rendah dan sekolah menengah, bomba utama, balai polis besar, hospital besar, klinik kesihatan, balai polis merin dan Masjid Putra termasuk juga taman-taman. Selain daripada itu, peruntukan

sebanyak RM163.9 juta diperlukan untuk, dengan izin, kerja-kerja 'fit out' iaitu melengkap pejabat-pejabat serta keperluan dalaman bagi semua pejabat di Fasa A dan Fasa B. Sebanyak RM1.7 juta lagi adalah untuk membiayai sistem keselamatan dan kabel IT di bangunan-bangunan yang dibina. Peruntukan ini adalah diperlukan memandangkan Putrajaya akan menjadi pusat pentadbiran bestari di mana IT dan electronic government, dengan izin, akan menjadi ciri utama. Di samping itu, RM6 juta diperlukan untuk melengkap kompleks Jabatan Perdana Menteri dengan alat pandang dengar. Selain daripada itu RM11.3 juta adalah untuk membiayai pembinaan annex bangunan untuk Bahagian Keselamatan Negara. Selain daripada keperluan Putrajaya, JPM juga memerlukan RM4.7 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek perumahan Angkatan Tentera Malaysia yang dilaksanakan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM574 juta dikehendaki bagi Maksud P.25 – Kementerian Pertahanan untuk membiayai bayaran pendahuluan pembinaan enam buah kapal peronda Tentera Laut Diraja Malaysia. Keenam-enam kapal peronda yang dibina ini akan digunakan oleh TLDM untuk membuat rondaan di kawasan perairan Zon Eksklusif Ekonomi di Laut China Selatan. Ini kerana kapal-kapal ini mempunyai keupayaan belayar sejauh 6,000 batu nautika dan selama 21 hari tanpa perlu sokongan logistik. Dengan adanya kapal-kapal peronda ini, Zon Eksklusif Ekonomi Negara akan dapat dikawal dengan lebih berkesan demi untuk mengurangkan pencerobohan asing seperti penangkapan ikan oleh nelayan asing dan kegiatan lanun.

tuan yang di-pertua, tambahan sebanyak rm334.3 juta dikehendaki di bawah maksud p.26 iaitu kementerian pendidikan dan jumlah itu sebanyak rm10 juta adalah untuk meneruskan pembinaan sekolah-sekolah menengah, rm20.8 juta

untuk pembinaan sekolah asrama penuh, rm10 juta untuk pembinaan asrama, rm20 juta untuk utm bagi pembinaan makmal dan pembelian peralatan, rm20 juta untuk uia menyiapkan bangunan kompleks pusat di kampus tetap uia gombak, rm53.2 juta untuk pembinaan asrama universiti utara malaysia, rm190 juta untuk ums bagi pembinaan 9 buah bangunan akademik kampus tetap ums. rm10 juta untuk institut antarabangsa pemikiran dan tamadun islam bagi pembinaan pembangunan akademi di kampus persiaran duta kuala lumpur dan rm0.3 juta bagi membiayai pembinaan rumah guru di sekolah-sekolah luar bandar.

tambahan rm163.6 juta dikehendaki di bawah maksud p.47 iaitu kementerian pengangkutan. daripada jumlah ini sebanyak rm52.5 juta adalah sebagai pinjaman kepada kereta api tanah melayu untuk menjelaskan bayaran akhir ke atas pembelian 44 set stok kereta elektrik multiple unit yang digunakan untuk perkhidmatan komuter bagi laluan landasan berkembar antara rawang dan seremban. sebanyak rm17.8 juta diperlukan dalam bentuk pinjaman kepada star untuk menjelaskan bayaran kemajuan bagi projek lrt sistem 1 fasa ii bagi laluan dari ampang ke kompleks sukan bukit jalil dan sentul sepanjang 15 kilometer dan rm93.3 juta untuk bayaran premium tanah lapangan terbang antarabangsa kuala lumpur (klia) sepag seluas 25,000 ekar berdasarkan penilaian yang dipersetujui oleh kerajaan negeri selangor.

tuan yang di-pertua, tambahan sebanyak rm150 juta dikehendaki di bawah maksud p.50 kementerian pembangunan usahawan untuk tabung ekonomi kumpulan usaha niaga (tekun) yang ditubuhkan dengan tujuan menyediakan kemudahan pinjaman modal kepada golongan penjaja dan peniaga kecil.

tambahan rm79.1 juta dikehendaki di bawah maksud p.16 jabatan bomba dan penyelamat untuk menampung perolehan dua buah helikopter dari kazakhstan untuk digunakan dalam operasi seperti pencegahan kebakaran hutan, mencari dan menyelamatkan, mencegah kebakaran di bangunan tinggi dan pelbagai operasi kecemasan lain.

tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda rm40 iaitu rm20 bagi maksud p.48 kementerian pembangunan luar bandar untuk projek institut kemajuan desa infra dan projek rancangan kemajuan tanah tinggi (kesedar).

rm20 bagi maksud p.52 kementerian kerja raya untuk program kawalan beban gandar dan projek bekalan air selangor, sungai selangor fasa ii dikehendaki untuk membolehkan pindah peruntukan dibuat daripada butiran projek yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1998 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan

sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1998 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26A Tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Minta seorang menyokong.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masalahnya adalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. Sekarang masalahnya bahawa Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1998 terbuka untuk dibahas.

5.15 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi peringatan kepada Yang Berhormat Menteri walaupun menggunakan Peraturan Mesyuarat 67 kita boleh mengemukakan satu usul seumpama ini untuk dibahaskan pada hari ini juga tetapi ini jarang dibuat. Setahu saya pada tahun 1988, 10 tahun yang lepas kita pernah buat satu kali kemudian pihak kementerian tidak pernah membuat demikian. Kebetulannya setiap kali kita mengemukakan Perbekalan Tambahan bukan Pembangunan Tambahan. Inilah yang saya hendak tekankan di sini bahawa sejak pukul 10.00 pagi tadi Ahli-ahli Yang Berhormat diberi maklumat ini untuk dibaca tetapi kita hendak bahaskan masalah Rang Undang-undang Francois. Itulah kita tumpukan perhatian kepada rang undang-undang tersebut, yang penting dan selepas rang undang-undang ini baru sahaja beberapa minit kita terpaksa mengkaji dan menelaah masalah pembangunan kita pula.

Ini memang satu perkara yang tidak wajar, Yang Berhormat. Sepatutnya kita memberikan masa dua hari untuk mengkaji masalah-masalah yang wujud di negara ini, walhal pada tahun yang lepas pihak kerajaan dan kementerian sudah mengurangkan perbelanjaan pembangunan hingga 20%. Itulah yang pernah dibuat oleh pihak kementerian dan sekarang ia sudah memperuntukkan dan meminta lebih daripada yang dipotong tadi. Inilah yang dibuat. Walau bagaimanapun saya harap pihak Kementerian Kewangan janganlah kemukakan usul-usul seumpama ini lagi walaupun satu dekad sekali tetapi ini tidak baiklah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat kebanyakannya monyok sahaja. Tidak tahu punca kemonyokan termasuk 'Pokok Angsana'. Suarapun tidak ada – saya hairan juga.

Walaupun bagaimanapun ada beberapa perkara yang timbul di dalam maksud-maksud yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya tertarik kepada Maksud P.47 mengenai Kementerian Pengangkutan. Dua perkara yang penting iaitu tambahan sebanyak lebih RM93 juta untuk membiayai bayaran premium tanah kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang dan juga untuk tambahan sebanyak lebih RM163 juta untuk didahulukan dan kemudian diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang sering menggunakan KLIA - saya baru sahaja menggunakan KLIA dari Bintulu. Tetapi saya boleh mengatakan bahawa perkhidmatan adalah baik sedikit jika dibandingkan pada masa yang lepas. Cuma bagi saya, saya letak kereta di bangunan letak kereta berbumbung – memang ada dua jenis. Ada Bangunan A dan B untuk letak kereta berbumbung dan ada tempat letak kereta terbuka. Tetapi untuk bangunan letak kereta berbumbung ini papan tanda itu tidak cukup dan itu tidak baik. Saya tidak nampak kerana saya jalan daripada terminal ke

tempat letak kereta tetapi tidak nampak. Itulah masalahnya dan ini menunjukkan kita masih meneliti apakah kelemahan di KLIA.

Saya tertarik kepada rupa bentuk bangunan kerana ada setengah-setengah itu daripada bumbung hingga ke lantai memang cantik.

Bagi saya, kita terpaksa membiayai lebih RM9 bilion ataupun lebih. Jumlah yang dibelanja belum tahu lagi. Cuma diumumkan bahawa RM9 bilion. Bagi saya mungkin ini satu angka yang besar. Pihak kementerian tidak pernah menerangkan mengapa kita perlu wang yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa saya setuju dengan adanya KLIA, dan kita perlukan satu lapangan terbang yang lebih canggih dan lebih baik. Tetapi mengapa kita belanja wang yang begitu banyak. Kita adakan peruntukan untuk empat runways. Memang kita perlukan pada millennium yang akan datang. Tetapi masa sekarang mengapa kita perlu belanja dengan begitu banyak. Wal hal yang penting sekali bagi lapangan terbang bukan sahaja rupa bentuk, bahkan operational areas, aktiviti operasi itu yang lebih penting. Bukan setakat perkhidmatan yang baik sahaja. Itu memang kita tekankan, kerana kita gunakan KLIA, kita mahu perkhidmatan yang lebih baik. Tetapi operating areas, tempat-tempat operasi yang lebih penting, misalnya, air traffic control. Sebab dengan bertambahnya bilangan pesawat yang mendarat dan berlepas daripada KLIA memang kita memerlukan satu kawalan trafik udara yang lebih canggih, yang lebih berkesan. Sebab tiap-tiap saat, tiap-tiap minit ataupun tiap-tiap jam memang ruang udara kita ada banyak pesawat, pesawat Tentera Udara, pesawat persendirian swasta dan pesawat daripada syarikat-syarikat komersial seperti MAS dan sebagainya, beratus-ratus pesawat, tiap-tiap saat, tiap-tiap minit, tiap-tiap jam. Ini memerlukan satu air traffic control yang canggih.

Bukan main, Tuan Yang di-Pertua, air traffic control ini memerlukan orang-orang yang pakar dan canggih. Mereka tengok screen radar. Ini satu

latihan yang cukup canggih dan mengambil masa yang panjang. Ia ada satu, dua, tiga atau lebih orang pengawal screen radar. Tiap-tiap saat, tiap-tiap minit ada dua-tiga orang kawal di situ sahaja, berjam-jam tengok radar untuk mengelakkan daripada perlanggaran pesawat-pesawat. Memang pengawal-pengawal screen radar ini menumpukan perhatian yang cukup. Pada umur 45, 50 tahun sudah menjadi tua, tidak boleh teruskan pekerjaan, ini banyak orang tidak tahu. Saya pun tidak begitu tahu, tetapi saya mengambil kira, saya mengambil perhatian apakah yang penting untuk KLIA kita. Tetapi saya hendak dengan peruntukan yang begitu banyak untuk KLIA kita, saya hendak kementerian menerangkan bagaimana kita dapat memastikan air traffic control itu cukup berkesan untuk mengelakkan malapetaka udara. Ini memang satu perkara yang penting, dan juga mengenai runways kita. Ada dua runways sekarang di KLIA. Setakat mana tempoh dua runways ini akan digunakan dan kemudian kita akan membuka runway yang ketiga dan runway yang keempat. Ini memang dijangkakan kita akan tambahkan runway. Salah satu sebab kita mesti pindah lapangan terbang kita daripada Subang ke Sepang kerana tidak cukup runway di Subang. Sekarang kita ada dua runway yang baik, cukup luas dan cukup panjang di Sepang. Saya pun rasa gembira juga, kerana salah satu faktor untuk memastikan keselamatan di lapangan terbang ialah runway kita kerana pada tahun-tahun akan datang lebih banyak pesawat akan mendarat dan berlepas daripada KLIA dan kita perlukan lebih runway.

Selain daripada runway, taxiway. Ini semua kita perlukan pengurus KLIA yang baik. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita pilih pengurus lapangan terbang kita. Kita tidak dengar dalam Dewan ini, tetapi saya hari ini membangkitkan perkara ini kerana saya mementingkan keselamatan di KLIA kita. Bukan sahaja perkhidmatan yang lebih baik, tetapi keselamatan. Bagaimana pihak kementerian memilih dan melantik pengurus KLIA, kerana orang ini merupakan yang terpenting di dalam urusan KLIA setiap hari. Kita

tidak nampak, nama pun tidak timbul, tetapi beliaulah bekerja dengan tungkus-lumus untuk menyelamatkan pengurusan yang lebih baik bagi KLIA. Bolehkah Yang Berhormat terangkan siapakah menjadi pengurus sekarang dan apakah kriteria yang digunakan untuk melantik seorang pengurus KLIA kita yang merupakan satu jawatan yang paling penting dalam KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan masalah ini kerana saya nampak pada masa yang lepas keselamatan di Subang sangat kurang, menimbulkan banyak masalah. Saya tidak mahu peristiwa-peristiwa kebakaran dan sebagainya yang berlaku di Subang diulangi di KLIA di Sepang. Itulah maksud saya untuk menimbulkan masalah ini kerana masalah operating areas, operating services which are more important and the appearance of the airport, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua, STAR. Tadi saya nampak ada sebutkan masalah STAR. Dua-tiga minggu yang lepas saya menggunakan perkhidmatan STAR dari Kelana Jaya – tidak sampai, separuh sahaja daripada Petaling Jaya, dekat Menara PJ. **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, masa untuk hari ini sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Penting, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya kata masa untuk hari ini sudah cukup, boleh sambung esok.

Tuan Michael Lisa Kaya: Cukup masa.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Saya ingat Tuan Yang di-Pertua berhenti saya mengenai STAR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.30 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

